

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2033]

USUL:

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar
Pembangunan Nasional

— Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri [Ruangan 2107]

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.
(Dilantik).

- „ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.,
D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan
Industri, DATO DR K. S. NIJHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN
MOHAMED (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau
Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).
- „ TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik—Wilayah
Persekutuan),
- „ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR (Dilantik).
- „ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).

Yang Berhormat TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE (Sabah).

” TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).

” TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).

TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).

” TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG (Dilantik).

” PUAS HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).

” WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).

” TUAN HO CHENG WANG (Perak).

” PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNDA, B.S.K. (Sabah).

” TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).

” TUAN ITAM WALI BIN NAWAN (Dilantik).

” TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD (Negeri Sembilan).

” TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER (Dilantik).

” PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).

” TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).

” PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).

” DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).

” TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, JP. (Dilantik).

” JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH,
 ” M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.L.M.P.,
 ” D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).

TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).

” TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN (Dilantik).

” TUAN MUSTAPA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

TUAN NEO TUAN CHENG (Johor).

” TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).

” DATO' NG THIAN HOCK (Dilantik).

” DR NORDIN SELAT (Dilantik).

” PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

”

Yang Berhormat PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOUD. SALIEH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M.
(Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah),
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ DATUK TAN GIM HUA (Pulau Pinang).
- „ DATO' TAN TIEW HOCK (Dilantik).
- „ TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Pcnyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 25hb Julai, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat

Rejang hanya akan dilaksanakan selepas kajian teliti dibuat dan Kerajaan berpuas hati bahawa ianya tidak membawa kesan-kesan negatif kepada penduduk dan alam sekitar negeri Sarawak.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENGGAMBARAN VIDEO DI
MASJID NEGARA**

**PROJEK HIDRO DI MURUN,
ULU BELAGA**

1. Tuan Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang perkembangan lanjut projek janakuasa elektrik di kawasan Murun, Ulu Belaga, Sarawak bagi menggantikan projek hidro Bakun dan sejak bila kajian kemungkinan projek berkenaan telah dijalankan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini Kerajaan belum lagi memutuskan sama ada untuk melaksanakan projek janakuasa elektrik di mana-mana juga lokasi yang khusus di lembah Sungai Rejang sama ada di Murun, Pelagos dan sebagainya. Walau bagaimanapun, berdasarkan faktor-faktor topografi, geologi dan hidrologi tidak dapat dinafikan bahawa negeri Sarawak pada amnya dan lembah Sungai Rejang pada khususnya mempunyai potensi hidro yang amat besar dan luas. Projek janakuasa elektrik di kawasan lembah Sungai

2. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada kebenaran khas secara bertulis diberi kepada jurugambar video kumpulan Darul Arqam (Aurad Muhammadiyah) semasa majlis Tahlil dan membaca Yaasin di Masjid Negara pada 5hb Jun 1991 sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jika ada, bukankah ini bermakna mengiktiraf kewujudan kumpulan Aurad Muhammadiyah (Darul Arqam) sedangkan Pusat Islam Jabatan Perdana Menteri dalam bukunya "Penjelasan terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Darul Arqam" menyeru supaya umat Islam menjauhi Kumpulan Darul Arqam yang menyeleweng dari aqidah Islam yang sebenarnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan tidak bertanggungjawab untuk mengeluarkan sebarang kebenaran kepada sesiapa jua untuk melakukan penggambaran video dan apa-apa acara di Masjid Negara. Oleh itu, soalan Ahli Yang Berhormat adalah tidak berkaitan dengan urusan Kementerian ini.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ia tidak ada bersangkut-paut dengan Kementerian, tidakkah boleh Kementerian Penerangan menyampaikan soalan saya ini kepada Kementerian Dalam Negeri supaya kami dapat makluman yang terang, Jadi, kalau inilah caranya, saya menganggap bahawa tiada kerjasama di antara satu Kementerian dengan Kementerian yang lain.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jurugambar-jurugambar tidak diperlukan mendapat sebarang kebenaran khas daripada mana-mana pihak kerana mereka adalah bebas untuk membuat sebarang penggambaran di dalam Masjid kecuali mereka mendapat kebenaran dari pihak Masjid itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir sekali.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Dato' Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, apakah sikap Kementerian Penerangan mengenai bahan-bahan sebaran dan juga beberapa risalah dan buku-buku terutamanya seperti yang tersebut di dalam soalan ini iaitu yang mengenai Aurad Muhammadiyah daripada Arqam ini. Adakah pernah pihak Kementerian Penerangan mengambil apa-apa inisiatif membantu Kerajaan iaitu melalui hal ehwal agama Islam kita untuk mencegah perkara ini berkembangan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini nampaknya terkciuar daripada soalan asal.

DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL—PERANAN BELIA

3. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program

Kementerian untuk menyediakan para belia ke arah penglibatan dan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Wawasan 2020.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan ini yang menunjukkan keperihatinan Ahli-ahli Dewan Negara terhadap peranan belia menjayakan Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020. Sepertimana yang telah saya jelaskan dalam perjumpaan saya dengan Ahli-ahli Dewan Negara pada pagi ini, bahawasanya Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk memastikan keberkesanan peranan belia dalam konteks pembangunan negara mengikut dasar yang telah diterima iaitu Dasar Pembangunan Nasional dan juga Wawasan 2020.

Antara perkara-perkara yang telah dilakukan ialah untuk memastikan penyusunan dan pelaksanaan program belia dengan secara lebih sistematik dengan memperkenalkan Program Induk Belia Negara. Penekanan pelaksanaan Program Induk Belia Negara ialah ke arah proses pembinaan sikap melalui kepelbagaian aktiviti yang dijalankan untuk kaum belia di dalam negara kita. Teras kepada pelaksanaan Program Induk Belia Negara ini ialah untuk memupuk nilai-nilai yang tertentu melalui pelbagai program seperti yang disebut iaitu Malaysia Cergas/Cemerlang, Malaysia Pairiolik, Malaysia Harmoni, Malaysia Mahir, Malaysia Mulia, Malaysia Maju, Malaysia Sejagat, Malaysia Prihalin dan Malaysia Berbudaya. Di bawah tiap-tiap program induk itu diadakan perancangan jangka panjang tentang jenis-jenis program yang akan dilaksanakan ke arah memupuk sikap dan sistem nilai yang dimaksudkan.

Selain daripada itu, sukalah juga saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawasanya Kementerian sedang dalam rangka menyiapkan blue print, dengan izin, bagi keseluruhan kegiatan belia, bagi tiap-tiap lahun pelaksanaan untuk diselaraskan dengan keperluan budget yang akan dipohon daripada Kerajaan. Begitu juga blue print disediakan untuk kegiatan sukan dan prasarana sukan bagi keseluruhan perancangan di negara ini.

Perkara yang ketiga yang sedang dijalankan oleh Kementerian ialah memperkemaskan lagi pelaksanaan program-program yang telah sedia ada iaitu Tabung Usaha Belia diberikan pendekatan baru termasuklah antara lain menggabungkan peminjam-peminjam yang mendapat peruntukan daripada Tabung ini dengan syarikat-syarikat swasta termasuklah syarikat-syarikat swasta yang besar yang disenaraikan di dalam BSKL supaya syarikat-syarikat ini memberikan peluang dalam proses pengeluaran mereka untuk membolehkan para belia yang meminjam daripada Tabung ini menjadi sebahagian daripada production line dalam sektor-sektor yang tertentu.

Selain daripada itu juga, Kementerian telah memperkenalkan beberapa pembaharuan bagi kesemua pusat-pusat latihan kemahiran yang telah dinaikkan taraf dan ditukarkan namanya daripada Pusat Latihan Belia kepada Institut Kemahiran dan Keusahawan Belia dengan kurikulum yang baru berasaskan kepada perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan.

Begitu juga Kementerian memperkenalkan suatu gerakan sukarelawan yang akan membantu pegawai-pegawai belia di peringkat daerah yang pada masa ini, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kita mengalami masalah kekurangan pegawai di peringkat daerah.

Gerakan mewujudkan 7,000 orang pelopor yang akan bekerjasama dengan kira-kira 120 orang pegawai di semua daerah adalah langkah bagi memastikan program yang diatur dapat dilaksanakan dengan berkesan walaupun kita ada masalah kekurangan pegawai.

Begitu juga usaha memperlingkatkan penglibatan swasta. Dalam program-program yang dianjurkan untuk belia dan program-program kemahiran sedang diusahakan pada masa ini. Selain daripada itu, beberapa skim anugerah bagi memastikan untuk memberi dorongan kepada kegiatan belia yang lebih cergas telah diperkenalkan. Selain daripada Anugerah Belia Negara bagi kategori kepimpinan persatuan, diperkenalkan pada tahun ini juga anugerah bagi persatuan yang berinovasi dan persatuan yang mempunyai daya keusahawanan.

Selain daripada itu, Kabinet telah juga meluluskan untuk memperkenalkan suatu skim yang dipanggil Anugerah Remaja Perdana bagi para belia seluruh negara yang terlibat dalam kegiatan kesukarelawanan yang mencapai tahap-lahap yang tertentu.

Selain daripada itu juga, Kementerian sedang menyusun ataupun merangka satu cadangan untuk memohon kepada agensi pusat supaya dibuat sedikit usaha bagi memperkernaskan jentera pentadbiran Kementerian terutamanya di peringkat sehabis bawah iaitu di peringkat daerah-daerah. Ini ialah bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai bagi melaksanakan program di peringkat daerah-daerah.

Selain daripada itu juga, saya fikir bagi menjayakan Wawasan 2020 yang terpenting ialah para belia mesti memahami apakah intipati kepada Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional itu sendiri.

Untuk tujuan ini Gerakan Penerangan ke seluruh negara bagi para pemimpin belia di semua negeri-negeri di Semenanjung akan dimulakan pada bulan hadapan di mana penjelasan menerusi seminar dan program-program bengkel bagi memastikan pemimpin-pemimpin belia itu sendiri faham apakah yang dimaksudkan dengan Wawasan 2020 dan juga dasar-dasar tertentu yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Kesemuanya ini, insya Allah, akan dijalankan dan dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita harap ianya akan memberi kesan bagi menjayakan dasar-dasar nasional yang telah diluluskan ini.

Tuan Azman Atar bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat soalan tambahan. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kerana telah menyusun program yang begitu baik. Tetapi saya ingin tahu selain daripada program-program untuk memperkenalkan Malaysia sebuah negara yang sudah membangun, adakah Kementerian Yang Berhormat bercita-cila untuk mengadakan satu program membawa kembali kepada sejarah sebelum merdeka supaya belia-belia ini tahu bahawa negara kita ini dahulunya bukan semacam ini - misalnya, dahulu tidak ada jalan, tidak ada universiti dan tidak ada sekolah. Apabila mereka dewasa nanti, bila mereka hendak masuk menjadi ahli-ahli parti politik, mereka akan pilih parti politik yang betul-betul bekerja untuk rakyat, bukan yang membuat bising dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat, bolehkah ringkaskan soalan tambahan itu?

Tuan Azman Atar bin Othman:

Jadi, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat ada atau tidak menyediakan program untuk membawa kembali kepada sejarah silam sebelum kemerdekaan supaya belia-belia kita ini sedar dan insaf.

Tuan Haji Annuar bin Musa:

Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah program Malaysia Patriotik, Kementerian akan menganjurkan beberapa siri program untuk menimbulkan sikap dan sistem nilai sepertimana Yang Berhormat maksudkan.

Sukalah saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan bahawasanya Kerajaan telah meluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam peruntukan sebanyak \$100 juta bagi Program Bina Sikap. Program ini akan dijalankan dengan melibatkan hampir kesemua Kementerian- kementerian dengan disekretariatkan di Jabatan Perdana Menteri di bawah Biro Tata Negara.

Bagi Kementerian Belia dan Sukan, kita telah merancang untuk melatih setengah juta belia dalam tempoh 5 tahun melalui Program Bina Negara seperti Yang Berhormat maksudkan itu.

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah reaksi pemuda-pemuda setakat ini terhadap rancangan-rancangan yang Yang Berhormat Menteri tadi memperjelaskan dan yang saya mengucapkan syabas.

Yang keduanya, sudahkah buat satu analisa setakat ini dan adakah kurikulum-kurikulum yang telah diatitkan itu memang kemahuan kepada muda-mudi?

Tuan Haji Annuar bin Musa:

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kajian telah dibuat dan kita telah mengenalpasti perkara-perkara yang boleh kita perbaiki. Antaranya ialah kurangnya sampai maklumat kepada belia terutamanya yang berada di luar bandar. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian telahpun memulakan satu langkah untuk mempertingkatkan pengeluaran bahan-bahan bercetak supaya ianya boleh diedarkan kepada belia-belia di luar bandar.

Langkah kedua yang akan diambil oleh Kementerian ialah untuk mempertingkatkan peranan Majlis Perundingan Belia Negara dengan jumlah persidangannya ditambah dan sedang mempertimbangkan keanggotaan yang lebih ramai dalam Majlis Perundingan Belia Negara.

Langkah yang ketiga yang telah kita laksanakan ialah diadakan mesyuarat penyelarasan di antara Kementerian dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan diwakili oleh wakil-wakil daripada negeri-negeri yang berkenaan bagi menerangkan dan menyampaikan perkara-perkara dan program-program yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan yang memerlukan kerjasama di semua peringkat.

Jadi, perkara-perkara ini sedang diambil tindakan. Tentang sama ada kurikulum itu adalah sesuai atau tidak dengan keperluan belia, sememangnya itu menjadi asas kepada kajian yang telah dibuat.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kerana pagi tadi tidak berkesempatan iaitu mengenai rancangan dan juga cara-cara Kementerian mengadakan program kepada belia-belia di bandar terutamanya kepada belia-belia yang terbiar atau lebih dikenali kalau di bandar-bandar "kutu rayau-kutu rayau". Apakah rancangan yang khusus untuk mereka ini iaitu dalam perubahan sikap bukan bina sikap sebab mereka telah membesar.

Yang kedua, adakah peruntukan-peruntukan kewangan tertentu untuk mengadakan satu skill latihan-latihan kemahiran atau lain-lain yang berfaedah kepada mereka ini kerana bilangannya makin hari makin bertambah, contohnya di Wilayah Persekutuan.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, masalah belia bandar

memang menjadi satu daripada tumpuan utama Kementerian pada masa ini dan Kementerian sedang membuat satu kajian yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan untuk mernikirkan tentang masalah belia bandar dan perbincangan juga telah diadakan dengan semua Exco-Exco Negeri untuk meninjau pandangan mereka mengenai masalah di bandar-bandar terutamanya di luar daripada Kuala Lumpur. Jadi, beberapa langkah awal telahpun diambil untuk membanyakkan program-program yang boleh disertai oleh belia-belia bandar.

Antara perkara yang telah dilakukan, malah sejak daripada tahun lepas lagi ialah untuk mewujudkan Pusat Penerangan di pusat-pusat perniagaan di bandar kotaraya Kuala Lumpur. Program ini sedang dikaji semula dengan lujuan untuk meningkatkan keberkesanannya. Satu perkara lagi, yang sedang di dalam perancangan ialah mewujudkan Pusat Komunikasi Belia Bandar. Kementerian bercadang untuk menjadikan Kompleks Budaya yang dahulunya dikenali dengan Gelanggang Budaya untuk digunakan dengan lebih intensif sebagai pusat aktiviti belia di bandar dan di tempat ini selain daripada menjadi tempat riadah dan rekreasi, akan diadakan bengkel-bengkel kemahiran seperti pembelajaran penggunaan komputer, pembelajaran 'shorthand', menaip dan sebagainya yang akan diberikan secara percuma kepada para belia dan dikendalikan oleh para sukarelawan. Kajian ini masih dijalankan dan sekiranya didapati sesuai, Konsep Pusat Komunikasi Belia Bandar akan dilaksanakan pada awal tahun hadapan.

MATLAMAT PENDUDUK 70 JUTA

4. **Puan Kalthom binti Haji Othman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kedudukan matlamat rakyat Malaysia seramai 70 jula ketika ia mula-mula diutarakan dulu seperti bila ia hendak dicapai

dan apakah ia suatu sasaran hasil dari meramaikan penduduk atau ia terjadi sendiri mengikut pertambahan kelahiran biasa;

- (b) kedudukan perancang keluarga menjelang pencapaian matlamat itu. Adakah ia cergas atau pasif. Dan mengapa; dan
- (c) mengikut jangkaan prestasi RRJP2, kadar kelahiran tahunan dalam masa sepuluh tahun akan datang menurun dari 2.6 peratus kepada 2.3 peratus. Adakah ia suatu yang dirancang atau terjadi dengan sendiri ada, apakah natijahnya kepada matlamat atau dasar kependudukan 70 juta tadi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul); Tuan Yang di-Pertua, matlamat 70Juta penduduk yang diumumkan pada 29hb Mac 1984 merupakan satu anggaran jangka panjang Kerajaan mengenai saiz penduduk Malaysia pada tahun 2100, iaitu 115 tahun dari tarikh pengumuman dibuat. Anggaran ini tidak langsung membayangkan bahawa matlamat 70 juta penduduk akan dicapai dengan meningkatkan kadar pertumbuhan penduduk, tetapi sebaliknya matlamat ini dijangka akan dicapai dengan kadar kesuburan penduduk yang semakin rendah oleh kerana kesan taraf kehidupan yang lebih tinggi selaras dengan perkembangan pembangunan ekonomi negara.

Program perancang keluarga akan terus dilaksanakan; Walau bagaimanapun, tumpuan yang lebih diberi kepada usaha-usaha pembangunan keluarga ini termasuk usaha-usaha untuk menambahkan kesedaran rakyat mengenai corak pembentukan dan hubungan keluarga dan cara-cara menjarakkan kelahiran dengan tujuan meninggalkan kebajikan dan kesihatan keluarga.

Tumpuan program ini berdasarkan matlamat Kerajaan, meningkatkan

kualiti penduduk supaya mereka lebih produktif dan seterusnya dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara.

Saya ingin memaklumkan di sini bahawa mengikut jangkaan RRJP2, kadar pertumbuhan penduduk akan menurun dari 3.6% kepada 3.2% dalam tempoh tersebut dan bukannya kadar kelahiran tahunan, sepertimana disebutkan dalam soalan. Jangkaan tersebut berasaskan kepada aliran penurunan dalam kadar kesuburan dan kematian hasil peningkatan keseluruhan kualiti hidup rakyat dan perkembangan ekonomi. Unjuran arah aliran sehingga tahun 2000 adalah selaras dengan matlamat pertumbuhan penduduk seperti yang diramalkan di bawah Dasar Penduduk 70 Juta.

PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH DI SABAH

5. Tuan Frankie Chong Yu Chee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah rumah kos rendah yang telah dibina di Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelima dan berapakah buah projek perumahan yang terbengkalai; dan
- (b) berapakah peruntukan yang telah disediakan bagi pemulihan perumahan terbengkalai di Sabah dan berapakah projek yang mendapat kemudahan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak 18 projek perumahan kos rendah mengandungi 8,290 unit telah dibina di Sabah. Dari jumlah tersebut, 2,758 unit adalah rumah-rumah yang dibina di

bawah Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Selebihnya, iaitu sebanyak 5,532 unit adalah rumah-rumah yang dibina di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada projek-projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan di negeri Sabah di bawah kedua-dua program tersebut yang terbengkalai. Walau bagaimanapun, memang ada beberapa projek perumahan kos rendah kini yang dilaksanakan berjalan dengan pertahan dan agak lewat disiapkan. Kelewatan ini berpunca daripada beberapa faktor, yang antaranya, termasuklah kontraktor yang kurang kemampuan melaksanakan projek, ketidaksuaian tapak dan keupayaan Kerajaan Negeri yang terhad dalam melaksanakan projek-projek tersebut.

- (b) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak meliputi negeri Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, Kementerian ini tidak menyimpan apa-apa rekod mengenai projek perumahan swasta bagi negeri Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan ada menyediakan peruntukan sebanyak \$600 juta untuk tujuan memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara. Pihak Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT) ada , memproses permohonan bantuan kewangan TPPT yang diterima daripada pemaju-pemaju perumahan yang menghadapi masalah kewangan.

Sehingga 31hbMac 1991, daripada 11 borang TPPT yang dikeluarkan kepada pemaju-pemaju perumahan di Sabah sebanyak 8 borang telah dikembalikan kepada Urusetia TPPT, 2 permohonan telah diluluskan oleh TPPT dengan jumlah pinjaman mudah atau soft loans" sebanyak \$2.81 juta, sementara 6 permohonan lagi masih dalam pertimbangan TPPT.

KAWALAN KESELAMATAN DI KAWASAN SEKOLAH

6. Tuan Haji Jamaludin bin Kaji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah supaya dapat meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan sekolah-sekolah bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku kepada murid-murid.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa mengeluarkan surat pekeliling untuk memperingatkan semua pihak sekolah supaya sentiasa berwaspada terhadap kemungkinan-kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini ke atas diri pelajar serta mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakannya. Pada setiap masa keselamatan dan kebajikan pelajar adalah menjadi pertimbangan utama untuk memastikan keberkesanan langkah-langkah tersebut. Kesedaran dan melibatkan semua pihak termasuk ibubapa adalah diperlukan.

Di antara beberapa langkah yang telah dilaksanakan di sekolah untuk mengawasi keselamatan pelajar adalah sebagaimana berikut:

- (i) menekankan aspek keselamatan diri pelajar pada setiap masa melalui pengajaran, peraturan, lalihan, bimbingan dan amalan.

Aktiviti-aktiviti bercorak pendidikan seperti ceramah dan sebagainya dianjurkan dari semasa ke semasa;

- (ii) meminta kebenaran daripada ibubapa atau penjaga untuk membenarkan pelajar-pelajar menjalankan aktiviti ko-kurikulum yang melibatkan penyertaan pelajar-pelajar pada hari cuti persekolahan;
- (iii) mewujudkan satu sistem kawalan dan rekod yang kemas mengenai pergerakan keluar-masuk orang-orang awam ke dalam kawasan blok sekolah, termasuk kebenaran yang diberikan kepada ibubapa atau penjaga untuk membawa murid keluar ketika dalam masa persekolahan;
- (iv) menyediakan tempat berkumpul yang selamat dan terkawal bagi:
 - (a) pelajar-pelajar yang sampai awal di waktu pagi sebelum permulaan kelas;
 - (b) pelajar-pelajar yang menunggu kenderaan untuk pulang di sebelah petang selepas waktu persekolahan;
- (v) memperkenalkan sistem berteman yang tidak menggalakkan pelajar-pelajar berseorangan ketika pergi dan balik ke sekolah atau berada di tempat-tempat sunyi yang terselindung tanpa pengetahuan sesiapa;
- (vi) mengawasi dengan kerap kawasan-kawasan dalam sempadan sekolah yang berselindung, bersembunyi atau gelap dan jika sesuai, menjadikan sebagai kawasan larangan kepada pelajar-pelajar;
- (vii) menjadikan peraturan mengenai keselamatan sebagai sebahagian dari peraturan sekolah yang

perlu difahami dan dipatuhi oleh semua pihak termasuk guru-guru, pekerja-pekerja dan ibubapa. Pelaksanaan peraturan mengenai keselamatan di sekolah hendaklah dijalankan dengan tegas dan berterusan.

HOSPITAL BESAR KUANTAN— PEMBINAAN

7. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah pembinaan Hospital Besar Kuantan berjalan lancar mengikut jadual (schedule) sepertimana yang telah ditetapkan itu; dan
- (b) apakah perkhidmatan dan peralatan moden yang akan dibekalkan atau ditambahkan supaya hospital ini bertaraf sebuah Hospital Besar yang moden dan yang serba lengkap bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur untuk menjadikan Kuantan sebagai wilayah bandaraya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan Hospital Besar Baru Kuantan sedang berjalan dengan lancar. Oleh kerana projek ini terpaksa dibina di tapak hospital yang sedia ada, pelaksanaan dibuat secara berfasa dan proses pembinaan secara ini memakan masa yang panjang. Mengikut rancangan, pembinaan projek ini bermula dengan pengubahsuaian sementara dalam tahun 1988 dan dijadual siap keseluruhan kompleks hospital dalam tahun 1994.
- (b) Semua kemudahan di Hospital Besar Kuantan akan ditambah atau diganti dengan peralatan

yang baru. Jumlah katil akan ditambah dari 500 kepada 800 katil. Katil di Unit Rawatan Rapi dan Unit Rawatan Jantung akan juga ditambah dari 4 kepada 6 katil. Hospital baru ini akan disediakan dengan unit kepakaran, unit rawatan jiwa dan wad keselamatan yang masih belum diadakan di hospital yang sedia ada. Dengan peningkatan jumlah katil, bilangan bilik bedah ditambah dari 4 kepada 10 dan bilik X-ray ditambah dari 4 kepada 9 dengan penambahan perkhidmatan baru seperti CT Scan dan Mammography. Apabila Hospital Besar Baru Kuantan siap, ia akan dapat memenuhi segala keperluan penduduk-penduduk tempatan sebagai sebuah hospital wilayah yang lengkap.

JENAYAH DI KAWASAN KEDIAMAN

8. **Dr Nordin Selat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil memandangkan terlalu banyak kes jenayah berlaku di kawasan-kawasan kediaman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, jenayah yang berlaku di kawasan-kawasan kediaman tidaklah begitu serius seperti apa yang digambarkan, cuma terdapat di beberapa kawasan tertentu yang telahpun dikenalpasti sering berlaku kegiatan jenayah dan pihak Polis sentiasa peka akan masalah ini. Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk membendung berlakunya kegiatan jenayah di kawasan-kawasan kediaman adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan semula sistem dan masyarakat ataupun lebih dikenali dengan "Sistem Saleh".

Pihak Polis akan memperluaskan sistem ini;

- (ii) kempen kesedaran telahpun dilancarkan dan akan diteruskan untuk menyedarkan kepada masyarakat mengenai pentingnya mereka menjaga keselamatan diri dan harta benda dari aspek pencegahan jenayah;
- (iii) pihak Polis telahpun mengenalpasti kawasan-kawasan yang sering berlaku jenayah. Rondaan 'beat' telah diperbanyakkan di kawasan-kawasan berkenaan untuk tujuan pencegahan;
- (iv) Polis akan mempergiatkan lagi operasi pencegahan jenayah ke atas sarang-sarang penjenayah dan juga tempat-tempat yang dianggap boleh menyebabkan peningkatan kadar jenayah di sesuatu kawasan itu; dan
- (v) masyarakat perlu mewujudkan semangat kejiranan dan setiakawan. Dengan ini adalah dipercayai kegiatan jenayah akan dapat dibendung terutama di kawasan-kawasan tempat kediaman.

PKEN—KERUGIAN ANAK SYARIKAT

9. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah benar PKEN di beberapa buah negeri tidak mencapai kemajuan yang besar disebabkan banyak anak syarikat diwujudkan dan anak syarikat itu menanggung kerugian kerana tidak mempunyai kemampuan pengurusan dan banyak berlaku penyelewengan dan jikalau benar kenyataan itu, apakah langkah-langkah bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman**); Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sebahagian PKEN tidak mencapai kemajuan yang besar

hanya berasaskan kepada bilangan anak-anak syarikat yang menanggung kerugian. Penubuhan anak-anak syarikat oleh PKEN dibuat setelah analisa yang rapi dijalankan supaya kewujudan anak-anak syarikat tersebut dijadikan sebagai penggalak atau pemungkin kepada kegialan ekonomi.

Seterusnya untung-rugi sesebuah anak syarikat bukan bergantung semata-mata kepada kemampuan pengurusan kerana ada faktor-faktor luaran seperti masalah pasaran dan pergolakan aliran ekonomi dunia yang kadangkala tidak begitu dapat dijangka yang mempengaruhi baik-buruk prestasi sesebuah syarikat itu. Saya ingin memaklumkan bahawa semua PKEN telah memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan negeri masing-masing melalui anak-anak syarikatnya dari segi membawa pertumbuhan ekonomi dan juga melahirkan golongan usahawan dan teknokrat-teknokrat perniagaan dari kalangan pegawai-pegawai PKEN dan kumpulan usahawan hasil daripada program-program yang dijalankan oleh PKEN-PKEN. Kemajuan PKEN-PKEN tidak seharusnya dilihat semata-mata dari segi untung-rugi kerana ia mempunyai ciri sosial yang tinggi sebagai tugas amanahnya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Awam sedar bahawa perlu pengurusan yang berkualiti diwujudkan di semua anak syarikat yang sedia ada kerana persaingan hebat di pasaran terbuka.

Kementerian telah menggalakkan program-program latihan di dalam dan di luar negeri untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan. Prosedur-prosedur pengurusan kewangan yang ketat juga diadakan untuk mencegah berlakunya penyelewengan. Kementerian ini juga secara berterusan mengadakan penyelarasan aktiviti-aktiviti PKEN untuk mewujudkan kerjasama dan pembelajaran pengalaman di antara mereka dengan harapan bahawa

pembelajaran ini dapat membantu PKEN-PKEN memperbaiki prestasi masing-masing.

PELABUR ASING DI LABUAN

10. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelabur-pelabur asing yang sudah mengesahkan pelaburan mereka di Wilayah Persekutuan Labuan dan nilai pelaburan.

Setiausaha Parliman Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato Dr K.S. Nijhar): Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 8 buah syarikat pelabur asing sudah mengesahkan pelaburan mereka di Wilayah Persekutuan Labuan dan nilai pelaburan tersebut ialah \$17.6 juta.

KANAK-KANAK DOWN'S SYNDROME

11. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Kesihatan menyatakan berhubung dengan kanak-kanak down's syndrome;

- (a) apakah tanda-tanda seorang kanak-kanak yang dilaporkan atau berdaftar sebagai Down's Syndrome;
- (b) sehingga sekarang berapa kanak-kanak yang dilaporkan atau berdaftar sebagai Down's Syndrome;
- (c) sehingga sekarang berapa pusat yang dijalankan oleh Kerajaan atau swasta untuk membantu dalam pelajaran kanak-kanak Down's Syndrome; dan
- (d) sebab-sebab kanak-kanak dilahirkan dengan penyakit Down's Syndrome.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab (a), tanda-tanda kanak-kanak Down's Syndrome adalah

bentuk muka, mata dan kepala yang mudah dikenali dan dan berbeza daripada kanak-kanak normal seperti kepala yang kecil sedikit daripada kanak-kanak normal; mulut yang kecil; cacat akal; dan boleh mengalami kecacatan yang lain seperti jantung berlubang dan kesumbatan usus.

Untuk menjawab (b), sehingga sekarang, belum ada lagi pendaftaran secara menyeluruh berhubung dengan bilangan kanak-kanak Down's Syndrome di Malaysia.

Bagi jawapan (c), Kementerian Kesihatan telah difahamkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan ada menyediakan kelas-kelas khas untuk kanak-kanak cacat akal di beberapa sekolah biasa di seluruh negara. Sebilangan kecilnya terdiri daripada kanak-kanak Down's Syndrome. Kementerian Kesihatan tidak mempunyai maklumat berkenaan pusat swasta yang mengendalikan pelajaran untuk kanak-kanak Down's Syndrome.

Bagi menjawab (c), penyakit Down's Syndrome adalah disebabkan oleh keganjilan sel di dalam tubuh kanak-kanak tersebut. Biasanya terdapat 46 kromosom di dalam kanak-kanak normal, tetapi bagi kanak-kanak Down's Syndrome, terdapat 47 kromosom iaitu satu kromosom berlebihan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perbezaan di antara kanak-kanak yang dilahirkan dengan penyakit Down's Syndrome dan mongoloid?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbezaan. **Ketawa**

KWSP—MENGELUARKAN CARUMAN BAGI TUJUAN PELABURAN

12. **Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan ber-

cadang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membolehkan Ahli-ahli yang telah berhenti daripada menjawat sebarang jawatan sama meletakkan jawatan atau memohon pencen apabila umur meningkat ke umur 40 tahun bagi membolehkan mereka mengeluarkan caruman untuk dilaburkan ke dalam Amanah Saham Bumiputra (ASB) dan lain-lain untuk pelaburan yang membawa keuntungan lebih besar daripada yang diberi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) iaitu sebanyak 8% setahun.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta KWSP bagi membolehkan ahli-ahlinya yang telah berhenti daripada menjawat jawatan, berpencen ataupun berumur 40 tahun, mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan melabur sama ada dalam skim Amanah Saham Bumiputera ataupun bentuk-bentuk pelaburan yang lain, walaupun pelaburan-pelaburan tersebut mungkin dapat memberi pulangan yang lebih menguntungkan daripada yang diberikan oleh KWSP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar dividen di KWSP antara 1985 hingga 1990 ialah antara 8% hingga 8.5%. Jika dibandingkan dengan ASN antara 9% hingga 10%; kalau dimasukkan bonus antara 12% hingga 17%. Pihak KWSP sudahpun menyediakan kemudahan untuk mengeluarkan caruman bagi tujuan membeli rumah kos rendah dan juga rumah bukan kos rendah. Oleh yang demikian, jika sekiranya ada lagi peruntukan lain untuk caruman dikeluarkan, adalah dikhuatiri bahawa baki caruman akan menjadi sedikit demi sedikit sehinggalah tidak ada simpanan untuk masa tua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, simpanan penyimpan di KWSP di antara umur 36 hingga 40,

pada puratanya ialah pada jumlah 520,000 seorang. Jadi, jika sekiranya mereka mengeluarkan untuk tujuan membeli rumah dan tujuan yang lain, maka matlamat utama wang simpanan pekerja untuk memberi jaminan kewangan mereka semasa hari tua nanti akan tergugat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama KWSP ialah simpanlah untuk masa tua anda.

LESEN TEKSI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

13. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan lesenteksi yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan sahaja dan bilangan teksi yang sebenarnya beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (b) sama ada masa telah tiba untuk Kementerian mengkaji semula dan menimbang pemberian lesen teksi kepada pemandu-pemandu yang ikhlas demi mengurangkan bilangan kereta persendirian di bandaraya; dan
- (c) sama ada Kementerian sedar bahawa terdapat pemandu teksi yang enggan membawa penumpang ke kawasan yang tertentu dan ini telah menimbulkan banyak kesulitan kepada penumpang. Kalau ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kejadian sebegini.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan lesen teksi yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan sahaja berjumlah 8,701. Bilangan sebenar teksi yang beroperasi di Wilayah Persekutuan berjumlah 8,000.

(b) Kementerian Perusahaan Awam sedang mengkaji kemungkinan memberi pertimbangan khas kepada pemandu-pemandu yang terbukti cemerlang dalam pemberian lesen teksi. Walau bagaimanapun, pertimbangan sedemikian adalah terbatas dan khas untuk kes-kes yang istimewa sahaja.

(c) Kementerian sememangnya sedar akan terdapatnya pemandu-pemandu teksi yang enggan membawa penumpang-penumpang ke destinasi yang hendak dituju. Perbuatan sedemikian adalah menyalahi undang-undang dan boleh diambil tindakan. Penumpang terbabit hendaklah membuat aduan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan supaya tindakan boleh diambil. Kementerian akan mengambil tindakan selanjutnya selepas mendapat laporan daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan.

TUDM—PERKHIDMATAN HELIKOPTER NURI

14. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) tidakkah Kementerian berca-dang menggantikan perkhid-matan NURI dengan pesawat yang baru memandangkan pesawat tersebut sering rosak dan keadaannya agak keting-galan zaman;
- (b) apakah langkah-langkah kese-lamatan pihak Angkatan Tentera Malaysia terhadap anggota tentera semasa mereka di luar tugas semasa pulang bercuti. Menjalankan rompakan oleh beberapa anggota tentera semasa di luar tugas menggunakan senjatapi pihak Angkatan Tentera Malaysia; dan

- (c) sejauh manakah tahap disiplin dan sifat tanggungjawab anggota tentera semasa bertugas dan di luar tugas. Ini berasaskan berlakunya kejadian-kejadian seperti rogol dan pecah rumah yang melibatkan anggota tentera. Apakah pendekatan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan anggota-anggota tentera Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi Kementerian Pertahanan. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) TUDM terus mengkaji secara terperinci masalah operasi dan keadaan helikopter NURI. Ini termasuk aspek-aspek teknikal, sistem avionik dan kemahiran technician dan anak kapal dan bagi jangka masa panjang, TUDM juga mengkaji keperluan kegunaan helikopter secara umum sejajar dengan keperluan pertahanan, jenis, jumlah dan jangka masa akan turut sama dikenalpasti.
- (b) Statistik menunjukkan bahawa pada umumnya kesemua kes-kes jenayah yang serius yang melibatkan anggota-anggota tentera berlaku semasa di luar tugas atau semasa mereka tidak hadir tanpa cuti. Walaupun benar ada terdapat kes-kes jenayah berat seperti merompak, merogol dan pecah rumah dilakukan oleh anggota-anggota ATM, tetapi peralusnya adalah amat rendah. Dari peratusan tersebut dan kajian yang dibuat menunjukkan penglibatan anggota tentera dalam kegiatan jenayah berpunca dari masalah peribadi seperti penagihan dadah, masalah keluarga dan masalah kewangan.

Untuk mencegah anggota-anggota ATM dari terlibat dengan kegiatan jenayah, ATM sedang melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan secara berkesan peraturan dan undang-undang yang sedia ada;
- (ii) melipatgandakan proses lapisan keselamatan semasa pengambilan anggota baru supaya ia lebih rapi dan teliti; dan
- (iii) mempertingkatkan latihan dan asuhan dengan menitikberatkan kepada aspek-aspek disiplin yang tinggi tanpa batasan waktu bekerja atau di luar tugas.
- (c) Seperti yang telah dimaklumkan terdahulu, peratusan penglibatan anggota tentera dengan jenayah adalah amat kecil jika dibandingkan dengan kekuatan ATM secara keseluruhannya. Tahap disiplin dan sifat tanggungjawab anggota tentera masih lagi tinggi di sebilang masa. ATM sentiasa mementingkan aspek disiplin terhadap anggota-anggotanya. Untuk mengikis 100% masalah disiplin adalah agak rumit kerana tentera juga seperti masyarakat yang lain menghadapi masalah sosio-ekonomi yang sama seperti perumahan dan kemudahan-kemudahan lain. Di samping meneruskan usaha-usaha yang telah disebut, ATM juga sedang melakukan perkara-perkara berikut:
- (i) memasukkan penerapan nilai-nilai Islam ke dalam latihan dan dakwah keagamaan bertujuan melahirkan sifat-sifat positif, keimanan dan akhlak yang tinggi di kalangan anggota;

- (ii) menamatkan perkhidmalan anggota yang mempunyai masalah disiplin; dan
- (iii) mengkaji semula aspek-aspek gaji, elaun dan keistimewaan tertentu yang terdapat dalam syarat-syarat perkhidmatan untuk mewujudkan satu tarikan bagi mereka yang berkualiti memasuki perkhidmatan ketenteraan.

PROJEK KERJA RAYA— KONTRAKTOR TEMPATAN DAN ASING

15. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mulai bulan Jun 1990 hingga Jun 1991, berapakah jumlah projek-projek di bawah kelolaan Kementerian ini yang diberi kepada kontraktor bumiputera, kontraktor bukan bumiputera dan kontraktor antarabangsa.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, uniuq makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah projek-projek yang dibcrican kepada kontraktor bumiputera ialah 306 projek. Kontraktor bukan bumiputera ialah 149 projek dan satu projek kepada kontraktor antarabangsa bagi tempoh masa Jun 1990 hingga Jun 1991.

BAHASA INGGERIS SEBAGAI MATAPELAJARAN WAJIB

16. **Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa setelah diumumkan oleh Menteri Pendidikan yang lalu iaitu bahasa Inggeris diwujudkan sebagai matapelajaran yang "compulsory" di dalam kurikulum sekolah-sekolah:

- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai untuk implementasikan Bahasa Inggeris itu sebagai

salah satu matapelajaran yang "compulsory"; dan

- (b) adakah ditekankan juga implementasi bahasa Inggeris ini dimasukkan di dalam kurikulum sekolah-sekolah di luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn); Tuan Yang di-Pertua, matapelajaran bahasa Inggeris memang diajar di sekolah-sekolah di peringkat rendah iaitu di bawah KBSR yang telah dilaksanakan sejak 1983 dan di peringkat menengah iaitu KBSM mulai 1988. Matapelajaran bahasa Inggeris tergulung dalam kumpulan mata-pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar. Bagaimanapun, kelulusan dalam matapelajaran ini tidak diwajibkan sebagai syarat untuk mendapat sijil SRP atau SPM.

Kementerian Pendidikan memang ada rancangan untuk menjadikan kelulusan dalam matapelajaran ini sebagai syarat untuk mendapatkan sijil SRP dan SPM di masa hadapan. Bagaimanapun, ini hanya dapat dilaksanakan apabila tahap pencapaian dalam bahasa Inggeris di semua peringkat sampai ke tahap yang memuaskan dan apabila semua kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran bagi matapelajaran itu mencukupi. Oleh sebab KBSR dan KBSM merupakan kurikulum kebangsaan, perlaksanaannya adalah meliputi seluruh kawasan termasuk sekolah-sekolah di luar bandar.

ORANG ASLI—STRATEGI PEMBANGUNAN SOSIO- EKONOMI

17. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jenis-jenis pendekatan dan strategi pembangunan Sosio-Ekonomi yang afdal terhadap Orang Asli seluruh negara selepas tamat tempoh Rancangan Malaysia Kelima (DEB).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah); Tuan Yang di-Perlua, Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah menyusun strategi-strategi berikut bagi pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli seluruh negara selepas tamat tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

- (i) mempermodenkan sistem hidup semua suku kaum Orang Asli sesuai dengan keperluan masa kini;
- (ii) mewujudkan masyarakat Orang Asli yang sihat dan cergas;
- (iii) meyakinkan masyarakat Orang Asli terhadap peluang pendidikan anak-anak dan kemahiran mereka itu untuk menghadapi masa depan yang lebih cerah;
- (iv) melahirkan golongan belia Orang Asli yang maju dalam bidang usahawan dan lain-lain;
- (v) meyakinkan masyarakat Orang Asli bahawa rancangan pengumpulan semula di kawasan pedalaman dan lain-lain rancangan Kerajaan adalah untuk menjamin kehidupan masa depan mereka.
- (vi) menggalakkan pengwujudan pusat-pusat pertumbuhan melalui penyusunan semula kampung-kampung tradisi dan rezab Orang Asli di kawasan pinggir;
- (vii) mempertingkatkan kegiatan masyarakat Orang Asli di dalam kebudayaan dan kesenian untuk tujuan pembangunan pelancongan;
- (viii) membasmi kemiskinan dan mengurangkan bilangan Orang Asli yang tergolong sebagai rakyat yang termiskin; dan

- (ix) menentukan pentadbiran pembangunan yang lebih berkesan serta yang terselaraskan dan searus dengan arah pembangunan masyarakat Orang Asli.

SISTEM PERBICARAAN TANPA JURI

18. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah kesan buruk jika Kementerian melaksanakan sistem Perbicaraan Tanpa Juri dalam kes-kes bunuh di Mahkamah Tinggi di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah merupakan satu perkara yang dimisalkan sahaja atau dengan izin, hypothetical proposition. Dengan keadaan yang demikian, ianya adalah tertakluk kepada sekatan di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Negara 22(1)(h).

JURURAWAT ASING— PERKHIDMATAN DI MALAYSIA

19. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah ramai jururawat asing diambil bekerja di Malaysia sedangkan mereka ini mahukan gaji yang lumayan, elaun, asrama, pengangkutan dan layanan istimewa pada hal latihan yang diterima oleh mereka tidak setimpal dengan perkara-perkara yang mereka minta itu. Mengapa pula ramai jururawat Malaysia bekerja di negara asing seperti Arab Saudi.

Dato K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang menyatakan bahawa ramai jururawat asing yang bekerja di negara ini adalah kurang tepat. Berasaskan kepada bilangan jururawat asing yang berdaftar di Lembaga Jururawat Malaysia sehingga

5hb Julai 1991, didapati bahawa bilangan jururawat asing yang bekerja di negara ini hanyalah seramai 32 orang sahaja. Daripada jumlah tersebut seramai 29 orang bekerja di sektor swasta manakala bakinya seramai 3 orang bekerja di sektor awam secara sukarela.

Kementerian Kesihatan tidak mempunyai maklumat berhubung dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan kepada jururawat asing yang berkhidmat di sektor swasta. Kementerian Kesihatan juga kurang pasti akan sebab utama yang menarik minat jururawat negara ini bekerja di negara asing seperti Arab Saudi. Namun demikian, besar kemungkinannya mereka telah ditawarkan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik lagi khususnya apabila mereka berkhidmat di Arab Saudi.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat tadi, tetapi kita difahamkan bahawa Kerajaan akan memberi kontrak kepada jururawat, jururawat asing supaya bekerja di Malaysia, sedangkan kita mempunyai orang kita sendiri yang boleh diberi latihan untuk lugas yang tersebut.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menghadapi kekurangan lebih kurang 340 jururawat pada masa kini. Untuk mengatasi masalah ini buat sementara, Kerajaan telah bercadang untuk melantik jururawat-jururawat asing daripada luar negeri. Kerajaan ada dua rancangan: satu rancangan jangkapendek dan satu rancangan jangkapanjang. Di bawah rancangan jangka pendek untuk mengatasi kekurangan ini, Kerajaan bercadang untuk mengambil jururawat asing daripada luar negeri. Di bawah rancangan jangkapanjang, pengambilan jururawat adalah ditambahkan dari 300

lebih ke 530 dalam tahun 1991; untuk tahun hadapan akan ditambahkan kepada 754 dan bagi tahun 1993 ini akan meningkat ke 1,000.

DIPLOMA PENDIDIKAN BAGI PENGAJIAN BAHASA TAMIL

20. Tuan V. K. Sellappan minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah ramai graduan lepasan Jabatan Pengajian Bahasa Tamil tidak mendapat peluang latihan perguruan sama ada melalui program Diploma Pendidikan di Universiti Malaya atau di lain-lain Universiti tempatan, ataupun melalui program Kursus Sijil Perguruan Lepas Ijazah di Maktab-maktab Perguruan tempatan.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Diploma Pendidikan bagi Pengajian Bahasa Tamil sememangnya kurang ditawarkan di universiti-universiti tempatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan lelahpun mengiklankan Kursus Perguruan Lepas Ijazah untuk Pengajian Tamil bagi pengambilan tahun 1991 di Maktab-maktab Perguruan Tempatan. Sungguhpun begiu, sambutan daripada graduan lepasan Jabatan Pengajian Bahasa Tamil adalah agak dingin. Hanya 16 orang calon sahaja yang memohon dan daripada jumlah ini hanya 12 orang yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan mereka ini telahpun ditawarkan tempat berkursus di Maktab Perguruan,

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kekurangan guru yang sentiasa dihadapi oleh Kementerian, apakah Kursus Dalam Cuti (KDC) itu diteruskan kepada guru-guru sandaran yang telah mengajar lebih lima tahun dan tiada peluang untuk masuk ke maktab-maktab hingga ke sekarang ini?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan peka tentang masalah

kekurangan guru di sekolah-sekolah kita ini. Di antara langkah-langkah yang Kementerian telah laksanakan untuk mengatasi masalah tersebut ialah memperluaskan pengambilan calon-calon ke Maktab Perguruan yang biasa dan kita juga masih menjalankan kursus KDC ini di Sabah dan Sarawak kerana didapati bahawa kekurangan guru di kedua-dua negeri tersebut adalah amat serius pada masa kini. Kementerian Pendidikan telah juga melaksanakan beberapa rancangan seperti rancangan Latihan Perguruan Lepas Ijazah untuk mengatasi kekurangan guru-guru di seluruh negara.

KILANG MEMBUAT KONDOM— MENAMBAHKAN BILANGAN

21. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minla Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan oleh kerana permintaan yang berlipat ganda terhadap kondom yang dikeluarkan oleh Malaysia kerana mencegah dari wabak AIDS adakah Kerajaan bercadang:

- (a) menambah lebih banyak lagi kilang-kilang membuat kondom di negara ini;
- (b) berapakah jumlah mengikut nilai ringgit eksport kondom sekitar tahun 1989, 1990 dan 1991; dan
- (c) berapakah jumlah kilang yang berkenaan sedang beroperasi dan di negeri manakah kilang ini didirikan.

Dato Dr K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan masih lagi menggalakkan penubuhan kilang-kilang untuk membuat kondom bagi pasaran eksport. Langkah ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengelakkan industri yang berasaskan bahan mentah tempatan.

(b) Nilai eksport kondom mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Nilai
1989	\$6.334 juta
1990	\$6.394 juta
1991 (Januari hingga Mac)	\$6.141 juta

(c) sehingga kini terdapat sebanyak 9 buah kilang beroperasi di Malaysia untuk mengeluarkan kondom, iaitu 1 di Negeri Sembilan, 4 di negeri Johor, 2 di negeri Selangor, 1 di negeri Perak dan 1 di Kedah.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada perkara yang menarik tetapi sensitif ini ialah, berapa banyakkah yang dipasarkan di negara kita sendiri kerana barangkali dengan terlampau banyak yang dieksport keluar negeri, maka masalah AIDS dan lain-lain penyakit yang ada kaitannya dengan pengalwalan kondom ini berlaku berleluasa di negara kita.

Dato' Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, statistik yang ditanyakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di sinl. Namun demikian, saya ingin menjawab soalan itu secara bertulis.

BEKAS ANGGOTA PKM— PENYERAPAN DALAM MASYARAKAT

22. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan benarkah berita yang menyatakan bahawa bekas-bekas ahli PKM (Parti Komunis Malaysia) yang berada di sempadan Thai akan diserapkan ke dalam masyarakat Malaysia tidak berapa lama lagi dan bila; apakah syarat-syaratnya serta bagaimana pula mereka yang berada di tempat-tempat lain selain dari sempadan Thailand.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang telah dimeterai pada 2hb Disember, 1989 di Hadyai, Selatan Thailand bagi menamatkan perjuangan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) antara lain menetapkan bahawa bekas-bekas anggota PKM yang ingin kembali ke Malaysia boleh membuat permohonan selaras dengan kehendak undang-undang negara ini. Seramai 442 orang bekas-bekas anggota PKM ini telahpun membuat permohonan dan permohonan mereka adalah masih lagi dalam proses pertimbangan. Bagi bekas-bekas anggota PKM yang lain yang tidak terikat dengan perjanjian yang dimaksudkan tadi, mereka bolehlah juga membuat permohonan. Walau bagaimanapun, kedudukan mereka akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes serta tertakluk kepada kehendak Perlembagaan dan undang-undang negara.

UDA—PROJEK PEMBANGUNAN DI GREEN TOWN, IPOH

23. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada pihak UDA akan terus mendirikan bangunan di Bandar Raya Ipoh setelah Kerajaan Negeri Perak meluluskan tanah untuk mereka di Green Town, Ipoh.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, UDA memiliki sebidang tanah seluas 12 ekar di kawasan Green Town, Ipoh. Kawasan ini telah dirancang untuk dibangunkan satu pusat perdagangan dan plant perancangan ke atas tanah tersebut kini sedang disediakan. Untuk menentukan kedayahidupan dan kejayaan kompleks ini sebagai pusat perniagaan yang dapat disertai oleh bumiputera, maka pembangunan secara bersepadu dengan pembinaan stesen bas dan pembangunan lain oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri bersebelahan dengan tapak projek ini telahpun dipersetujui. Oleh yang demikian, pembangunan tanah UDA ini

akan dilaksanakan secara bersepadu dengan pembangunan tanah-tanah bersebelahan. Racangan pembangunan kawasan ini yang melibatkan beberapa agensi diselaraskan oleh Majlis Perbandaran Ipoh.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

24. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan apakah banyak sumbangan Kerajaan kepada rakyat termiskin dan hingga kini berapakah bilangan mereka yang telah menerimanya dan yang akan menerima bantuan tersebut.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 1989-1990 Kerajaan Pusat telah rnmperuntukkan sejumlah \$412 juta khas untuk melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) khusus bagi membantu rakyat yang termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengenalpasti bahawa golongan termiskin ini menghadapi masalah untuk menampung keperluan asas dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal serta peluang-peluang untuk meningkatkan pendapatan. Oleh yang demikian, PPRT dirangka dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan mereka supaya mereka dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Sehingga akhir 1990, lebih-kurang 52,128 keluarga telah mendapat manfaat sama ada secara langsung atau tidak langsung ekoran pelaksanaan PPRT.

IJAZAH PELAJAR TAJAAN KERAJAAN—PENGIKTIRAFAN

25. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah mahasiswa dan mahasiswi yang menerima ijazah atau diploma dari luar negeri tetapi tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan pelajar-pelajar tajaan Kerajaan yang dihantar keluar negeri telah menerima ijazah atau diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan. Bagi pelajar-pelajar tajaan Kementerian Pendidikan pula, tiada di antara mereka yang menerima ijazah atau diploma dari luar negeri yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

JALANRAYA BEAUFORT- MENUMBOK/BEAUFORT- SIPITANG-PEMBINAAN

26. Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Jalanraya Beaufort ke Menumbok dan Beaufort ke Sipitang di Sabah dapat dilaksanakan dengan taraf jalan-jalan ini ditarkan memandangkan peningkatan taraf kedua-dua jalan ini sudah lama dirancangan dan sepatutnya sudah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima lagi.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi projek jalanraya Beaufort ke Menumbok, kerja-kerja ukur tanah dan rekabentuk sedang dijalankan oleh konsultan dan projek ini dijangka akan bermula pembinaannya dalam tahun 1992. Berkenaan projek Jalan Beaufort ke Sindumin, sebahagiannya iaitu pakej D1 dari Mesapol ke Sindumin sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap awal tahun 1993. Pakej D2 dari Beaufort ke Mesapol dijangka akan bermula awal tahun 1992.

SRJK(T)/SRJK(C) GUNUNG RAPAT—PENGUNAAN PADANG YANG SAMA

27. Tuan K. Munisamy minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar kedua-dua sekolah SRJK (Tamil) Gunung Rapat dan SRJK(Cina) Gunung Rapat telah sekian lama menggunakan satu padang yang sama

untuk kegiatan sukan mereka walaupun padang berkenaan adalah milik sekolah SRJK(Cina) Gunung Rapat. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, SRJK(Cina) telah membina satu dinding (wall) untuk menghalang SRJK(Tamil) daripada menggunakan padang tersebut. Dalam usaha negara ingin memupuk perpaduan nasional, pihak pengurusan SRJK (Cina) Gunung Rapat telah mengambil sikap yang negatif. Adakah pihak Kementerian Pendidikan sedang mengambil apa-apa langkah untuk mengatasi hal ini.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sekolah SRJK(C) Gunung Rapat telah membina lemboknya di kawasan padang sekolah berkenaan untuk keselamatan harta dan murid-murid sekolah tersebut. Walau bagaimanapun, murid-murid SRJK(T) Gunung Rapat masih boleh menggunakan padang tersebut untuk kegiatan-kegiatan ko-kurikulum mereka.

BEKAS ANGGOTA PKMAL— KEBENARAN PULANG KE MALAYSIA

28. Tuan Mohamed Wajdi bin Dato' Haji Ishak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah Pemimpin dan Anggota Parti Komunis Malaysia yang telah dibenarkan pulang ke Malaysia sejak 3 tahun yang lalu; dan
- (b) nyatakan jenis kursus atau proses yang harus dilalui oleh mereka-mereka itu dan sejauhmana perubahan sikap itu telah membawa mereka itu benar-benar cintakan negara ini dan tidak lagi mahu menderhaka kepada undang-undang dan negara.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terlebih dahulu suka saya menjelaskan bahawa apa yang

diketahui umum sebagai Parti Komunis Malaya adalah sebenarnya terdiri daripada dua perlubuhan yang berlainan yang berpecah dari PKM asalnya. Parti Komunis Malaysia (PKMAL) yang Ahli Yang Berhormat sentuh itu adalah pertubuhan yang berpecah itu.

Perjanjian yang telah dimeterai pada 2hb Disember, 1989 di Hadyai, Sclaiian Thailand bagi menamatkan perjuangan bersenjata komunis hanyalah dengan anggota PKM sahaja dan tidak meliputi anggota-anggota PKMAL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota-anggota PKMAL sebaliknya pula telah menyerah diri secara beramai-ramai kepada pihak berkuasa Thailand di bawah tawaran pengampunan (amnesty) pada tahun 1987. Anggota-anggota PKMAL yang lelah menyerah diri kepada pihak berkuasa Thailand ini tidak terikat dengan apa-apa perjanjian dengan Kerajaan Malaysia.

Oleh yang demikian, soal anggota PKMAL ini dibenarkan pulang ke Malaysia adalah tidak timbul. Walau bagaimanapun, adalah didapati sejumlah dari golongan PKMAL ini telah menyusup masuk secara haram ke negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sejumlah 186 anggota-anggota PKMAL yang menyusup masuk telah dikesan dan tindakan menahan kesemua mereka telah diambil di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA).

- (b) Anggota-anggota PKMAL yang telah dikenakan Perintah Tahanan ini adalah ditempatkan di Kem Tahanan Perlindungan

Kamunting, Taiping untuk menjalani proses pemulihan. Mereka diberi pendedahan dengan pembelajaran berbagai perkara seperti aspek-aspek ketatanegaraan, kebudayaan, kelas-kelas bahasa dan kemudahan khutub-khanah (library) yang dibekalkan dengan bacaan-bacaan berfaedah di samping kegiatan sukan dan sebagainya. Program pemulihan yang dilaksanakan bertujuan, antara lain, untuk memberi kefahaman dan membawa kepada perubahan sikap yang diharapkan dapat menanamkan kesedaran bahawa penglibatan mereka yang lampau dalam kegiatan komunis adalah sia-sia.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari ikrar mereka untuk taat setia kepada Perlembagaan dan undang-undang negara pada keseluruhannya, sambutan mereka terhadap program pemulihan adalah baik dan menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan sudah cukup. Kita terus pergi ke urusan yang lain.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 29 hingga 54 adalah diberi di bawah ini)

ISTERI ASING MENJALANKAN AKTIYITI PROPESIONAL

29. **Tuan K. Yijayanathan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kemungkinan Kerajaan memberi keizinan khas kepada isteri-isteri kepada warganegara Malaysia yang bukan warganegara tetapi yang mempunyai kelayakan profesional untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan profesion mereka.

(c) Kementerian ini telah mengambil tindakan-tindakan tertentu ke atas pihak yang bertanggungjawab yang menyebabkan kerosakan projek ini. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Tindakan Mahkamah ke atas Syarikat Juru-perunding Sigoh Din Sdn. Bhd., Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jurutera-jurutera projek Syarikat berkenaan.
- (2) Memperakukan kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk meng-gantung/menyenarai-hitamkan penyertaan Syarikat Sigoh Din Sdn. Bhd., dan mana-mana Ahli Lembaga Pengarah Syarikat berkenaan di dalam projek-projek Kerajaan pada masa akan datang.
- (3) Memperakukan kepada pihak berkuasa yang berkenaan supaya tidak mempertimbangkan penyertaan sesuatu syarikat di mana Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Sigoh Din Sdn. Bhd., dan Syarikat Kinabalu Sdn. Bhd., yang telah terlibat dalam projek depot peluru ini bagi projek-projek Kerajaan pada masa hadapan.
- (4) Memperakukan kepada Lembaga Jurutera Malaysia untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas Jurulera Perunding Sigoh Din Sdn. Bhd., yang bertanggungjawab bagi projek ini.

KILANG MERCUN BRIGHT SPARKLERS—KEBAKARAN

32. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan kepada penguasa kilang mercun Bright Sparklers, Sungai Buluh yang meletup pada 7.5.1991;
- (b) adakah kilang ini dibina secara haram; dan
- (c) apakah puncanya kebakaran itu berlaku.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat kejadian letupan dan kebakaran kilang Bright Sparklers. Pada peringkat ini Suruhanjaya berkenaan masih menjalankan siasatan ke atas kejadian tersebut. Oleh yang demikian hasil siasatan tersebut akan diketahui apabila siasatan tersebut selesai kelak.

PENDATANG TANPA IZIN~ BILANGAN

33. **Dato' Tan Tiew Bock** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram di Semenanjung Malaysia, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak mengikut pecahan bangsa, dan apa tindakan telah, serta akan diambil untuk mengatasi masalah yang serius ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang memasuki negara ini.

Untuk mengatasi masalah kemasukan PTI Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, antaranya ialah:

- (i) mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir mereka;

- (ii) mengetatkan kawalan dan rondaan di kawasan sempadan dan perairan negara;
- (iii) menyingkirkan kegiatan pemeriksaan dan serbuan di tempat yang disyaki terdapatnya mereka ini;
- (iv) mengambil tindakan undang-undang terhadap orang yang membantu/bersubahat dengan mereka.

PENGEDAR/PENAGIH DADAH— BILANGAN TANGKAPAN

34. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan tangkapan, pengedar dan penagih dadah pada tahun 1990-1991; dan
- (b) apakah aktiviti PEMADAM yang telah dijalankan dan keberkesannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan pengedar yang ditangkap bagi tempoh 1990 hingga Jun 1991 ialah 1,183. Maklumat yang lengkap mengenai bilangan penagih yang ditangkap tidak diperolehi. Bagaimanapun, bilangan penagih yang dikesan bagi tempoh 1990 hingga April 1991 ialah 22,274 dalam mana 9,378 daripadanya merupakan penagih yang dikesan buat pertama kalinya.

Persatuan Mencegah Dadah Malaysia atau PEMADAM ditubuhkan khusus untuk membantu agensi-agensi Kerajaan dalam usaha-usaha mambanteras najis dadah terutama dalam bidang Jagaan Lanjutan, Pencegahan dan Penerangan.

Hasil dari bantuan dan sokongan Kerajaan di peringkat Kebangsaan, Negeri, Daerah dan Unil serta hubungan erat di antara PEMADAM dan Pegawai Kerajaan, PEMADAM telah dapat meluaskan kegiatannya

dalam masa yang singkat sejak dari pelancarannya dalam tahun 1976 dengan membentuk 15 buah cawangan negeri. Jumlah keahlian yang telah didaftar setakat ini adalah 91,874 yang mana 7,693 darinya adalah Ahli Seumur Hidup yang datangnya dari 199 daerah seluruh negara.

Selaras dengan Arahan No. 13 Majlis Keselamatan Negara, PEMADAM menumpukan aktiviti kepada bidang Pendidikan Pencegahan dan Jagaan Lanjutan.

Pendidikan Pencegahan

Kerjasama yang erat telah diwujudkan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha PEMADAM menjayakan program-program pendidikan pencegahan.

Jagaan Lanjutan

Dalam bidang Jagaan Lanjutan, PEMADAM telah bekerjasama dengan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri dalam menubuhkan Pusat Jagaan Lanjutan PEMADAM/KDN untuk menyediakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti pemulihan kepada bekas-bekas pelatih yang telah dirawat dan dipulih di Pusat-pusat Serenti (Pusat Pemulihan Dadah Kerajaan), Kerjasama ini juga telah diwujudkan di antara PEMADAM dengan agensi Kerajaan yang lain, swasta, badan sukarela dan pemimpin-pemimpin masyarakat untuk membenteng masalah penagihan dan penagihan semula.

Kerjasama sepadu ini telah dapat mengelakkan pertindihan di antara satu sama lain dengan mengadakan perancangan dan program yang teratur. Aktiviti-aktiviti Jagaan Lanjutan PEMADAM melalui Pusat Jagaan Lanjutan PEMADAM/KDN telah menaikkan imej PEMADAM dan memberi kesan positif kepada matlamat penubuhannya.

PEMADAM kini melalui Biro Jagaan Lanjutan PEMADAM Kebangsaan telah melaksanakan pembangunan Pusat-pusat Jagaan Lanjutan dan sangat berpuashati di atas sumbangan dan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri yang mana telah menawarkan tanah-tanah dan rumah-rumah Kerajaan lama untuk didirikan dan diubahsuai menjadi Pusat-pusat Jagaan Lanjutan.

Sehingga kini sejumlah 42 buah Pusat Jagaan Lanjutan PEMADAM/KDN telah ditubuhkan dengan penghuninya berjumlah 1,260 orang. Dijangkakan PEMADAM dapat menambahkan bilangannya hingga 82 buah kesemuanya pada akhir tahun 1992.

Unit Sumber dan Perkhidmatan Bergerak

Unit Sumber dan Perkhidmatan Bergerak telahpun lengkap dengan peralatannya untuk menyempurnakan permintaan-permintaan yang dibuat dari masa ke semasa oleh berbagai pertubuhan tempatan dari seluruh pelusuk negara. Projek ini telah mendapat sokongan dari semua pihak yang telah bermurah hati menyumbangkan derma-derma membantu melancarkan lebih banyak Unit lagi di masa-masa yang akan datang. Projek ini telah mendapat kejayaan positif walaupun beberapa pendekatan perlu diperkemas.

Penyeriaan Masyarakat Dalam Menyediakan Bahan Publisiti

Penyeriaan masyarakat dalam menyediakan dan menerbitkan bahan-bahan publisiti telah dapat dijayakan oleh PEMADAM melalui beberapa pertandingan yang dianjurkan di peringkat Sekolah, Unit, Daerah, Negeri dan Kebangsaan. Pertandingan-pertandingan mencipta cogan kata dan tema, melukis poster, menulis cerpen, rencana, nasyid, pantun, syarahan,

skrip drama, mencipta lagu dan sajak dan lain-lain yang telah melibatkan belia-belia belasan tahun, orang-orang dewasa dan masyarakat am.

Pihak-pihak swasta telah bermurah hati dalam membantu projek-projek Kempen Penerangan PEMADAM ini dengan menyediakan hadiah-hadiah untuk pertandingan tersebut untuk menentukan mesej-mesej khidmat masyarakat diterima dan disedari bahawa pencegahan penggunaan dadah memerlukan sokongan rakyat. Membantu menerbitkan Berita PEMADAM—akhbar rasmi 2 bulan sekali, risalah-risalah, buku-buku penerangan, pelekat-pelekat dengan cogan kata dan pesanan dan lain-lain. PEMADAM juga telah berjaya menerbitkan filem-filem pendek dan treler dalam Bahasa Malaysia.

PEMADAM amat mengharapkan sumbangan positif masyarakat untuk menghasilkan matlamatnya dengan menjalankan usaha-usaha yang lebih gigih untuk membendung gejala-gejala akibat penggunaan najis dadah ini.

SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS DI PASIR MAS, KELANTAN

35. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa Sekolah Pendidikan Khas dilubuhkan sejak 25 tahun dahulu dan hingga sekarang masih menumpang di Sekolah Rendah Tengku Indera Petra, Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu, Kelantan dan terpaksa belajar di sesi petang:

- (a) adakah Kerajaan bercadang membina Sekolah Khas tersebut, kalau bercadang bilakah masanya dan di mana tempatnya;
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa asrama untuk kanak-kanak pekak ini disewa daripada 2 buah unit rumah murah di

Wakaf Mek Zainab. Rumah ini dalam keadaan tidak terjamin keselamatannya, pihak bomba tidak akui kerana besar risiko jika berlaku kebakaran, pihak Jabatan Kerja Raya tidak akui kerana rumah ini terlalu uzur, pihak Kesihatan tidak akui dari segi kesihatannya kerana satu unit rumah murah ini didiami oleh 20 orang pelajar kanak-kanak pekak dengan menggunakan hanya satu (1) tandas dan satu (1) bilik air, tidur atas lantai tanpa katil dan terdedah kepada binatang-binatang yang merbahaya seperti ular, lipas dan binatang merayau. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina asrama laki-laki ini; dan

- (c) kenapakah pihak Suruhanjaya Diraja mengenai keselamatan sekolah-sekolah berasrama tidak mengambilkira akan kepentingan asrama kanak-kanak pekak yang tinggal di asrama tersebut.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan bercadang untuk membina sebuah Sekolah Rendah Pendidikan Khas di Lati, Pasir Mas, Kelantan dalam jangka-masa Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Projek RM6 ini akan dilaksanakan bagi menampung pertambahan bilangan murid-murid cacat pendengaran di negeri Kelantan. Projek RM6 yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$1.260 juta ini akan dibina mengikut rekabentuk Standard Pelan yang menitikberatkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas.
- (b) Kelas Pendidikan Khas bagi murid-murid cacat pendengaran

mula diasaskan dalam tahun 1966 di Sekolah Rendah Tengku Indera Petra, Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu, Kelantan. Mulai tahun 1987 ia telah mula berfungsi sebagai sebuah Sekolah Rendah Pendidikan Khas Gred B. Sebagai tambahan kepada 2 buah unit rumah yang dijadikan asrama, sebuah blok asrama tambahan telah dibina bagi kemudahan penginapan murid-murid cacat pendengaran dan mula digunakan semenjak 1 Mac, 1991. Di samping itu, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan sebagai langkah rancangan jangka pendek sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas di asrama Sekolah Rendah Pendidikan Khas Kota Bharu, Kelantan.

- (c) Suruhanjaya Siasatan Di Raja Keselamatan Sekolah-sekolah Malaysia ditubuhkan untuk menyiasat dan mengkaji keselamatan semua sekolah agama dan swasta termasuk asramanya sekali.

WAWASAN 2020

36. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang program-program yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan untuk memenuhi hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020. Sehubungan dengan itu juga mohon dijelaskan perkara-perkara berikut:

- (a) apakah Kementerian Pendidikan berhasrat untuk merancang satu kursus jangka pendek kepada guru-guru supaya hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020 itu dapat dilaksanakan secara sistematik; dan

- (b) apakah Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mengubah struktur kurikulum pendidikan negara ini agar ianya benar-benar menepati kepada kehendak Wawasan 2020.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan akan merangka dan merancang program-program masa hadapan ke arah mencapai hasrat Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, program-program yang ada sekarang sudah pun selaras dengan strategi yang dikemukakan dalam Wawasan tersebut. Kementerian Pendidikan juga akan mengkaji dan menilai semula program yang ada untuk diberi penekanan baru sesuai dengan matlamat negara.

- (a) Kursus jangka pendek sememangnya dibuat dari masa ke semasa mengikut keperluan. Kursus ini meliputi aspek pedagogi dan perkembangan baru dalam sistem pendidikan termasuk hasrat Wawasan 2020.
- (b) Struktur kurikulum pendidikan hanya akan diubahsuai setelah kajian dan penilaian semula dibuat. Walau bagaimanapun, penekanan kepada bidang-bidang tertentu seperti bidang sains, teknologi dan pendidikan komputer akan diambil kira sesuai dengan hasrat Wawasan 2020 dan keperluan negara.

ANGKATAN TENTERA— PROGRAM LATIHAN PERALIHAN

37. **Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan terhadap Kursus Peralihan yang diberikan kepada Ahh-ahli Angkatan Tentera yang akan bersara, terutama dalam lingkungan umur 30an dan 40an,

supaya keberkesanan dapat dinikmati sepenuhnya. Mungkin ada baiknya kita mengikuti contoh-contoh di negara-negara maju yang mana proses penyerapan dari alam tentera kepada alam awam begitu kemas sekali hingga tidak menimbulkan gejala-gejala sosial yang negatif.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sebagai menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat izinkan saya untuk menjelaskan Program Latihan Peralihan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan bagi anggota-anggota Angkatan Tentera yang akan menamatkan perkhidmatan mereka. Kementerian Pertahanan mengambil pendirian bahawa anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang menamatkan perkhidmatan mereka adalah merupakan sumber tenaga manusia yang boleh menyumbangkan ke arah pembangunan negara sekiranya mereka itu diberikan bimbingan dan latihan yang mencukupi sebagai bekal untuk mereka dan bekerja sebaik sahaja mereka tamat perkhidmatan.

Oleh yang demikian Program Latihan Peralihan yang disediakan dilaksanakan melalui proses tiga tahap:

- (a) Tahap yang pertama ialah memberikan dan menghebahkan maklumat berhubung dengan peluang latihan dan peraturan-peraturan yang terkandung di dalamnya kepada anggota-anggota yang akan tamat perkhidmatan dalam tempoh 24 bulan terakhir. Hebahan ini dibuat melalui aktiviti-aktiviti seperti mengadakan Penal, Khidmat Nasihat Program Latihan Peralihan, Ceramah Kerjaya Bulanan dalam berbagai bidang, menjalankan kursus motivasi dan penyesuaian dan kursus keusahawanan yang lain.

- (h) Tahap yang kedua ialah melaksanakan aktiviti-aktiviti semasa anggota-anggota Angkatan Tentera menjalani Latihan Peralihan bagi tempoh anlara 6 hingga 18 bulan. Aktiviti-aktiviti yang terlibat ialah menjalankan kursus-kursus ketukangan/kemahiran seperti di Institut Kemahiran Kementah (IKK) Sungai Buluh serta mendapatkan peluang-peluang tempat latihan yang sama di agensi Kerajaan yang lain seperti di Institut Kemahiran MARA (IKM), Pusat Giat MARA, Pusat Latihan Belia dan lain-lain. Peringkat ini juga Program Penempaan Sambil Kerja dijalankan sama ada di firma-firma swasta mahupun di Jabatan-jabatan Kerajaan.
- (c) Tahap yang ketiga pula ialah ditumpukan program-program selepas mereka tamat Latihan Peralihan yang telah ditetapkan. Aktiviti-aktiviti yang terlibat di dalamnya adalah mendaftar anggota-anggota berkenaan yang mencari pekerjaan, membantu anggota-anggota tentera menyertai rancangan pembangunan tanah Kerajaan seperti di Pelda dan juga membantu mereka yang menghadapi masalah sosial dan ekonomi seperti memberi khidmat kaunseling kepada mereka sama ada untuk bekerja dengan pihak Kerajaan, firma-firma swasta mahupun perusahaan sendiri. Bahkan di beberapa daerah Kementerian Pertahanan menjalankan projek anak angkat usahawan.

Kementerian Pertahanan sentiasa peka berhubung dengan Program Peralihan bagi anggota Angkatan Tentera dan sentiasa mencari jalan untuk mempertingkatkan keberkesanan program tersebut.

Sebagai yang dimaklumi sehingga sekarang Program Latihan Peralihan yang sedia ada, adalah mengikut contoh-contoh negara-negara maju di mana negara-negara maju menjadi contoh adalah Great Britain dan Australia. Saya juga sedar bahawa Program Latihan Peralihan yang ada sekarang ini sememangnya tidak begitu rapi dan tindakan telah diambil untuk mendapatkan perkara-perkara yang baru daripada negara-negara luar. Ianya termasuklah daripada India, Pakistan, Korea Selatan, Taiwan dan Amerika Syarikat dan dengan demikian dapat dirancang program yang dirasakan paling sesuai bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia yang akan bersara atau tamat perkhidmatan mereka.

Berdasarkan kepada kemampuan yang ada pada Kementerian Pertahanan sekarang Program Latihan Peralihan sedang dalam proses penyusunan semula di mana tumpuan utama akan diberikan kepada bidang kemahiran Vokasional dan Teknikal supaya lebih ramai bekas-bekas anggota tentera mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menyahut cabaran Dasar Pembangunan Negara mengikut Pelan Perspektif Kedua Kerajaan dengan mengadakan sumber tenaga yang mahir bagi pembangunan negara dan dalam jangka panjangnya pula program ini akan disusun untuk sama-sama menghayati Wawasan 2020.

KESELAMATAN DI TAPAK PEMBINAAN BANGUNAN

38. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada langkah-langkah keselamatan di setengah tapak membina bangunan pencakar langit di kawasan-kawasan yang sesak dengan pejalan kaki di bandaraya Kuala Lumpur mencukupi untuk melindungi mereka dari kecederaan sewaktu kerja-kerja pembinaan dilakukan; dan

- (b) sama ada pihak berkuasa berkenaan kerap mengadakan pemeriksaan di tapak-tapak pembinaan ini demi memastikan supaya keselamatan pejalan kaki adalah terjamin.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamad:

- (a) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sememangnya menentukan tiap-tiap tapak pembinaan bangunan mempunyai langkah-langkah keselamatan seperti berikut:
- (i) pembinaan sesuatu bangunan tidak boleh dimulakan melainkan suatu paparan pelindung (protective boarding) yang mengikut kehendak-kehendak DBKL didirikan untuk mengasingkan tapak bangunan itu dari jalan atau lorong jalan kaki;
 - (ii) semasa pembinaan dinding-dinding luar sesuatu struktur yang melebihi 12.2 meter tinggi dari paras jalan, pelantar perangkap (catch platform) hendaklah dipasang di sepanjang bahagian luar dinding tersebut. Pelantar perangkap tersebut hendaklah dibentuk bagi memberi perlindungan daripada bahan-bahan yang jatuh dan hendaklah dibina serta dikekalkan tidak lebih daripada 6 meter di bawah lantai dari mana dinding-dinding luar sedang dibina; dan
 - (iii) jaring-jaring keselamatan (safety nets) yang mempunyai saiz dan kekuatan yang cukup hendaklah disediakan

antara pelantar-pelantar perangkap untuk menangkap bahan-bahan binaan yang jatuh serta mengawal bahan-bahan tersebut supaya terus jatuh ke atas pelantar perangkap,

Pihak perunding dan kontraktor adalah bertanggungjawab atas rekabentuk dan pelaksanaan semua langkah yang diperlukan untuk menjamin keselamatan pekerja dan orang awam. Pihak DBKL pula memeriksa tapak dari masa ke masabagi memastikan paparan pelindung, pelantar perangkap dan jaring keselamatan didirikan dan diselenggarakan dalam keadaan baik dan memuaskan.

- (b) Kekerapan melawat tapak-tapak pembinaan bergantung kepada lokasi projek tersebut. Projek-projek di pusat bandar dan di kawasan yang sesak dengan orang ramai akan lebih kerap dilawati. Pada amnya, setiap tapak akan diperiksa sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

KUMPULAN WANG BURUH INDIA SELATAN—BIASISWA

39. Tuan C. Krishnan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah wang dalam Tabung yang diselenggarakan oleh Tabung Buruh India Selatan (South Indian Labour Fund). Berapa ramai yang telah memohon biasiswa dari Tabung bagi tahun 1987 hingga sekarang dan berapa ramai yang telah berjaya:

- (a) bilangan biasiswa yang sedang diselenggarakan oleh Tabung ini; dan
- (b) apakah projek-projek lain yang sedang diselenggarakan oleh Tabung ini.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Jumlah wang modal Kumpulan Wang Buruh India Selatan kini berjumlah lebih kurang 3.1 juta ringgit sahaja. Sejak tahun 1987 hingga akhir tahun 1990 seramai 12 orang pelajar telah memohon biasiswa dari Tabung ini dan 2 pelajar telah berjaya. Biasiswa yang diberi oleh Tabung ini adalah bagi tempoh 2 tahun sahaja untuk melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam.

- (a) Pada masa ini tidak ada biasiswa yang diselenggarakan oleh Kumpulan Wang Buruh India Selatan oleh kerana tidak ada pemohon semenjak tahun 1990.
- (b) Projek-projek lain yang sedang diselenggarakan oleh Kumpulan Wang ini ialah;
 - (i) Menguruskan dan membiayai perjalanan buruh-buruh yang berasal dari India Selatan dan orang-orang tanggungan mereka yang ingin balik ke India secara tetap.
 - (ii) Mengurus penempatan buruh-buruh yang berasal dari India Selatan yang tua dan melarat di Rumah Orang-orang Tua India di Nibong Tebal dan membekalkan kepada mereka makanan, pakaian, kemudahan perubatan dan elaun saki sebanyak \$20.00 sebulan seorang.
 - (iii) Memberikan bantuan kewangan sebanyak \$50.00 sebulan seorang kepada buruh-buruh yang berasal dari India Selatan yang tua dan melarat yang tidak suka tinggal di Rumah Orang-orang Tua India di Nibong Tebal.

**PELAJAR CEMERLANG
BUMIPUTERA DI UNIYERSITI
SEBERANG LAUT**

40. Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Pendidikan menyatakan strategi yang nampaknya masih diamalkan sekarang ini, di mana boleh dikatakan hampir semua pelajar-pelajar bumiputera yang cemerlang dihantar ke universiti-universiti seberang laut. Selanjutnya boleh dikatakan pelajar-pelajar yang kurang cemerlang itu ditinggalkan di universiti-universiti tempatan. Seterusnya tidakkah patut Kerajaan seimbangkan di mana sebahagian besar dari pelajar-pelajar bumiputera yang cemerlang itu juga dikekalkan di universiti-universiti tempatan. Ini adalah oleh kerana fasiliti-fasiliti yang ada di universiti-universiti tempatan dibayar oleh pembayar cukai tempatan. Mereka juga bcrhak menyaksikan yang fasiliti-fasiliti yang disediakan itu juga menampung golongan pelajar-pelajar bumiputera yang cemerlang.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua pelajar bumiputera yang cemerlang dihantar ke universiti-universiti seberang laut. Malah ramai juga di antara mereka melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti tempatan di mana pelajar-pelajar cemerlang lulusan SPM diberi peluang melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti tempatan melalui program matrikulasi.

Mengenai fasiliti pula, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk menyediakan fasiliti yang sebaik mungkin bukan sahaja kepada pelajar yang cemerlang tetapi juga kepada pelajar yang agak lemah kerana salah satu matlamat Kementerian Pendidikan ialah meningkatkan lagi prestasi pelajar-pelajar yang agak lemah. Oleh itu, tidak timbul masalah fasiliti yang disediakan itu tidak menampung pelajar-pelajar bumiputera yang cemerlang.

SISTEM PERBICARAAN JURI

41. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada benar sistem perbicaraan Juri akan dihapuskan di dalam Sistem Kehakiman di dalam negara kita.

Tuan Douglas Uggah Embas: Kerajaan belum bercadang untuk menghapuskan sistem perbicaraan juri di dalam sistem kehakiman negara kita setakat ini.

KEGIATAN GURU DI LUAR BIDANG PENDIDIKAN

42. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Pendidikan menyatakan kes guru-guru yang terlibat bergiat di luar bidang pendidikan yang menyebabkan preslasi murid-murid merosot.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini Kementerian Pendidikan hanya menerima satu aduan sahaja mengenai guru-guru yang terlibat bergiat di luar bidang pendidikan sehingga menyebabkan prestasi murid-murid merosot. Guru tersebut telahpun dikenakan tindakan tatatertib pada tahun 1990 yang lalu, Pegawai yang telah diambil tindakan tatatertib tersebut di atas telah dikenakan hukuman buang kerja mengikut Perintah Am 36(i) (Bab 'D') 1980.

ORANG ASLI—PROJEK PEMBANGUNAN SOSIO- EKONOMI

43. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyalakan bahawa di antara lebih 600 buah perkampungan Orang Asli seluruh Semenanjung, berapa banyakkah yang telah dirancangkan program pembangunan sosio-ekonominya.

Dato Mohamed bin Jamrah:

Jabatan ini telah melaksanakan Projek Pembangunan mengikut kawasan yang mana merangkumi beberapa buah kampung dan ianya tidaklah memperuntukkan sesuatu projek itu kepada sesuatu kampung tertentu sahaja. Setakat ini projek-projek yang dilaksanakan di bawah Program 1 RML dan disambungkan dalam tahun 1981 adalah meliputi projek-projek berikut:

(i) Tanaman Kelapa Sawit	654 hektar	\$1,034,000
(ii) Tanaman Getah	195 hektar	5282,000
(iii) Tanaman Rempah (Spice)	20 hektar	\$100,000
(iv) Tanaman Koko	16 hektar	\$15,000
(v) Pusat Ternakan Lembu		\$100,000
	JUMLAH	\$1,531,000

Peruntukan sebanyak \$3,291,000 juga diluluskan di bawah Program 2—Perkhidmatan Sosial bagi meneruskan melaksanakan Empat Kompleks Asrama:

(i) Gua Musang, Kelantan	\$791,000
(ii) Karak, Bentong, Pahang	\$1,000,000
(iii) Km. 13. Ulu Kinla, Perak	\$700,000
(iv) Grik, Perak	\$800,000
JUMLAH	\$3,291,000
JUMLAH BESAR	\$4,822,000

Di samping itu pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Sosio Ekonomi juga dilaksanakan oleh FELCRA di dalam RM5/RM6 mengikut negeri seperti berikut:

Selangor	200 hektar
Johor	344 hektar
Negeri Sembilan	319 hektar
Pahang	158 hektar
Perak	210 hektar
Kelantan	260 hektar
Terengganu	161 hektar
JUMLAH	1,652 hektar

**TELEPON AWAM—
KEMUDAHAN PENERIMAAN
PANGGILAN**

44. Tuan K. Munisamy minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dalam menyediakan kemudahan telefon kepada masyarakat di kampung dan estet yang terpencil untuk menerima dan menghantar maklumat. Walau bagaimanapun, dengan kemudahan telefon awam yang telah disediakan pada masa ini, seseorang hanya boleh membuat panggilan keluar tetapi tidak boleh menerima panggilan. Adakah Kementerian ini mempunyai rancangan untuk menyediakan pondok telefon awam di kawasan terpencil, yang bukan sahaja boleh dibuat panggilan keluar bahkan menerima panggilan dari luar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Telckom Malaysia telah membuat komitmen untuk menyediakan sekurang-kurangnya sebuah telefon awam di setiap kampung dan estet di seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995. Pihak Telekom Malaysia telah memperuntukkan lebih dari \$274 juta untuk memasang lebih kurang 14,000 telefon awam dalam tempoh tersebut.

Mengenai ketiadaan kemudahan menerima panggilan di telefon awam, saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa punca atau sebab kemudahan ini disekat di setengah-setengah telefon awam adalah kerana kemudahan ini telah disalahguna oleh pengguna. Beberapa kejadian panggilan 'reverse charge' telah dibuat ke telefon awam dari luar negeri mengakibatkan kehilangan hasil yang banyak.

Walaupun bagaimanapun, pihak Telekom Malaysia telah bersetuju untuk menimbang semula awalan ini dan bersedia untuk memberi kemudahan penerimaan panggilan di

pondok-pondok telefon awam di tempat-tempat tertentu mengikut keperluan setempat.

**KANAK-KANAK DAN BELIA
TERLIBAT DALAM
PERTUBUHAN AGAMA**

45. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap badan-badan sukarela agama yang menggunakan kanak-kanak dan belia untuk misi mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah badan atau pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 adalah berdasarkan kepada Undang-undang Berdaftarnya. Sekiranya Undang-undang Berdaftar pertubuhan itu membolehkan keahlian di kalangan kanak-kanak dan para belia, tidaklah menjadi kesalahan sekiranya mereka ini terlibat dalam aktiviti-aktiviti pertubuhan tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan tegas menurut undang-undang akan diambil sekiranya aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah pertubuhan yang berdaftar itu adalah terkeluar daripada tujuan-tujuan dan maksudnya ianya didaftarkan ataupun tidak mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta Pertubuhan 1966 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

**DEPOH PENGKALAN PELURU
MASJID TANAH, MELAKA
MEMINDAHKAN**

46. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Pertahanan menyatakan bahawa adakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk memindahkan Depot Pengkalan Peluru Masjid Tanah demi keselamatan penduduk-penduduk negeri Melaka. Jika tidak, apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk memastikan Depoh Pengkalan tersebut tidak mengancam keselamatan penduduk-penduduk persekitaran.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk memindahkan Depoh Pengkalan Peluru di Masjid Tanah, Melaka, Scbab-sebabnya ialah kerana jarak keselamatan yang ada adalah di dalam lingkungan yang masih boleh dianggap selamat untuk tujuan dengan mana ia diwujudkan sekiranya berlaku sesuatu kemalangan. Kedudukan depoh tersebut adalah juga dianggap strategik dan sudah dicari ganti dan oleh sebab itu ia wajar terus digunakan.

Apa yang akan dilakukan ialah bangunan-bangunan terutamanya BSP-BSP yang didapati tidak mengikut spesifikasi dan rosak itu akan dimusnahkan. Ia akan diganti dengan bangunan-bangunan yang diselaraskan dengan spesifikasi semasa yang cukup selamat untuk penyimpanan peluru dan bahan letupan diperlukan untuk pertahanan negara.

Untuk memastikan keselamatan umum dan juga untuk membolehkan kerja-kerja pembinaan itu dilakukan dengan selamat, peluru-peluru yang ada di dalam depoh itu sekarang akan diagih-agihkan dengan seberapa segera ke lain-lain depoh untuk lumpangan sementara.

MASALAH SOSIAL DI KALANGAN PENUNTUT

47. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap murid-murid dan penuntut-penuntut yang terlibat dalam permainan video games—menonton video lucah - menghisap dadah dan menjadi pemerang ugut.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya menyedari bahawa terdapat kanak-kanak dalam lingkungan umur

persekolahan yang terlibat dalam permainan 'video games', menonton video lucah dan pemerang ugut. Walau bagaimanapun, perbuatan tersebut, kecuali kesaiahan pemerang ugut bukanlah berlaku di dalam kawasan sekolah.

Sehubungan itu, sekiranya pihak sekolah menerima aduan daripada pihak polis bahawa terdapat murid-murid dan penuntut-penuntut yang terlibat dengan permainan video games dan menonton video lucah dan pihak sekolah berjaya mengenalpasti murid-murid dan penuntut-penuntut yang menjadi pemerang ugut maka tindakan awal yang dikenakan ke atas mereka ialah dengan memberi khidmat nasihat oleh guru-guru Bimbingan dan Kaunseling dan guru-guru agama.

Tindakan yang lebih tegas seperti merotan, gantung persekolahan dan dibuang sekolah akan dikenakan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut berkenaan jika sekiranya mereka masih lagi didapati meneruskan kegiatan tersebut.

Walaupun bagaimanapun peranan dan kerjasama ibu bapa dan masyarakat adalah penting kerana ia bukanlah masalah pendidikan semata-mata tetapi masalah sosial yang berhubung-kait.

SABAH GAS INDUSTRIES SDN. BHD—KERUGIAN

48. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah usaha-usaha yang akan dilakukan bagi mengatasi masalah kerugian yang dialami oleh Sabah Gas Industries.

Tuan Abdul Ghani bin Othman; Untuk mengatasi masalah kewangan yang dialami oleh SGI, Kerajaan Persekutuan bercadang mengambilalih SGI termasuk tanggungannya dari Kerajaan Negeri Sabah dan seterusnya menjual komponen-komponen SGI kepada pihak yang berminat. Kini Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan

Negeri Sabah sedang merundingi syarat-syarat pengambilalihan SGI oleh Kerajaan Persekutuan dan penswastaan SGI seterusnya. Syarat-syarat pengambilalihan SGI adalah tertakluk kepada pengesahan angka-angka kewangan SGI dan penilaian komponen-komponen SGI yang sedang dilaksanakan.

PERJANJIAN HAADYAI— PERKEMBANGAN

49. **Dato' Tan Tiew Hock** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah perkembangan lanjut sejak ditandatangani Perjanjian Haadyai pada penghujung tahun 1989:

- (a) bilangan bekas anggota komunis yang telah dapat dikenalpastikan sebagai warganegara Malaysia;
- (b) berapa orang daripada mereka itu telah diluluskan untuk kembali ke Malaysia;
- (c) sikap dan layanan Kerajaan terhadap mereka yang telah kembali ke pangkuan masyarakat;
- (d) rancangan atau projek-projek untuk membangunkan 'Kawasan Hitam' yang kini telah bebas daripada gerakan komunis; dan
- (e) adakah negeri kita telah bebas dari sebarang ancaman komunis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bilangan bekas-bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah dikenalpasti sebagai warganegara Malaysia serta telah memohon untuk pulang ke Malaysia adalah 25 orang.
- (b) Permohonan bekas-bekas anggota PKM untuk kembali ke Malaysia masih lagi dalam proses pertimbangan.

(c) Mana-mana bekas anggota PKM yang dibenarkan kembali ke Malaysia, tiada halangan baginya untuk menjalani kehidupan sebagaimana rakyat biasa Malaysia dengan syarat mematuhi kehendak Perlembagaan dan undang-undang negara serta memberi jaminan untuk tidak melibatkan diri semula dalam apa jua bentuk kegiatan yang boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara.

(d) Pada masa sekarang tiada terdapat lagi Kawasan Hitam" di Semenanjung Malaysia. Di kawasan-kawasan yang dahulunya menjadi kawasan gerak tindak anasir-anasir komunis, Kerajaan telahpun melaksanakan berbagai rancangan pembangunan, khususnya di bawah projek-projek keselamatan dan pembangunan ataupun lebih dikenali sebagai Projek KESBAN" bagi negeri-negeri di sempadan bersama Malaysia - Thailand sejak 1982 lagi. Dengan termeterainya Perjanjian pada 2 Disember 1989 bagi menamatkan perjuangan bersenjata PKM, ini telah membuka jalan untuk terus membangunkan kawasan-kawasan tersebut dengan lebih pesat lagi selaras dengan arus pembangunan negara.

(e) Dengan termeterainya perjanjian-perjanjian dengan Parti Komunis Malaya (PKM) pada 2 Disember 1989 dan dengan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) di Sarawak pada 17 Oktober 1990, negara kini adalah bebas dari ancaman bersenjata anggota-anggota komunis.

Sungguhpun demikian, Kerajaan terus peka dan bersikap waspada terhadap ancaman komunis sebagai ideologi yang mana mungkin boleh

meresap atau lahir dalam bentuk-bentuk atau menggunakan landasan-landasan (platform) yang lain Atas dasar itu, Parti Komunis Malaya (PKM) sebagai satu pertubuhan tetap diharamkan dalam negara ini. Kerajaan penuh yakin dengan kemampuan pasukan-pasukan keselamatan negara untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman kegiatan komunis yang mungkin timbul di masa-masa akan datang.

SUBSIDI HARGA PADI— PENYELEWENGAN

50. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah penyelewengan dan penipuan dalam pembayaran subsidi padi kepada pesawah;
- (b) dari peruntukan wang subsidi sebanyak \$324 juta yang dikeluarkan tahun lalu berapakah jumlah sebenar wang yang telah diselewengkan dalam kes penyelewengan dan penipuan subsidi kepada pesawah; dan
- (c) berapakah kakitangan LPN yang terlibat dalam kes penyelewengan dan penipuan ini dan apakah jenis lindakan yang telah diambil terhadap kakitangan terlibat.

Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi bin Junid:

- (a) Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah penyelewengan dan penipuan ialah seperti berikut:
 - (i) Penghujung 1984, semua pesawah yang mengusahakan sawah didaftarkan dan diberi 'Buku Daftar Pesawah'. Buku ini

digunakan bagi menyimpan segala maklumat jualan padi dan pembayaran subsidi yang diterima oleh pesawah.

- (ii) Mendaftarkan kesemua lot-lot tanah sawah yang diusahakan oleh pesawah melalui 'Program Buku Kawalan Lot Tanah' mulai tahun 1987.
- (iii) Memperkenalkan Sistem Bayaran Subsidi Melalui Akaun GIRO Bank Simpanan Nasional. Melalui sistem ini wang subsidi pesawah dikreditkan terus ke dalam akaun pesawah. Sistem ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pesawah, telah dimulakan di Kedah pada musim 1/1990 untuk kompleks LPN Anak Bukit dan Guar Chempedak dan sedang diperluaskan secara berperingkat-peringkat.
- (iv) Bekerjasama dengan pihak BPR di dalam mencegah kegiatan penipuan subsidi oleh pengilang, pelesen, kakitangan dan orang tengah. Intipan sentiasa dibuat dan beberapa kilang di Kedah telah dan sedang diambil tindakan undang-undang.
- (v) Mewujudkan Peraturan-peraturan Skim Subsidi Harga Padi (1991) yang memberi peruntukan kepada LPN bagi mendakwa pihak yang bertanggungjawab terhadap kes-kes penipuan di dalam subsidi harga padi. Di samping itu, langkah unik memperketatkan kawalan dalam juga diambil seperti memperkemaskan rekod-rekod subsidi, memperbaiki

Sistem Pengurusan Maklumat dan mengadakan beberapa siri kursus kesedaran kepada kakitangan subsidi.

- (b) Bagi tahun 1990, jumlah wang yang telah diselewengkan ialah sebanyak \$19,288.48.
- (c) Kakitangan LPN yang terlibat dengan penyelewengan dan pencipuan bagi tahun 1990 ialah seramai 9 orang. 8 orang telah ditamatkan perkhidmatan dan seorang telah diambil tindakan tatatertib dengan menukar pegawai tersebut ke cawangan lain.

GURU PELATIH DI MAKTAB PERGURUAN

51. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan pengambilan guru pelatih untuk tahun 1991 di maktab perguruan mengikut pengajian @ Melayu @ bahasa @ Inggeris @ Cina Tamil dan Prasek;
- (b) adakah masalah kekurangan guru bahasa Cina masih wujud di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah;
- (c) bilangan guru sementara di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina; dan
- (d) bilakah Kursus Dalam Cuti (KDC) akan diwujudkan semula oleh Bahagian Pendidikan Guru.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) bilangan pengambilan guru pelatih untuk tahun 1991 di maktab perguruan ialah 7,260

orang. Daripada jumlah ini seramai 3,270 pelatih mengikut kursus Pengajian Melayu, 750 orang Pengajian Bahasa Inggeris, 1,050 orang Pengajian Cina, 510 orang Pengajian Tamil dan 1,680 orang Prasekolah.

- (b) Masalah kekurangan guru bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Menengah sememangnya wujud. Walau bagaimanapun, kekurangan ini adalah kecil jika dibandingkan dengan kekurangan guru-guru mata pelajaran lain. Kekurangan guru bahasa Cina ini sedang dan telahpun diatasi. Misalnya, kekurangan guru siswazah bahasa Cina telah ditampung oleh guru-guru bukan siswazah terlalih dan guru sandaran tanpa latihan.
- (c) Bilangan guru sandaran tanpa latihan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan iaitu SRJK(C) dan SRJK(T) adalah 4,553 orang. Daripada jumlah tersebut 3,818 orang adalah guru sandaran tanpa latihan di SRJK(C).
- (d) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengadakan semula Kursus Dalam Cuti di Semenanjung sejak ianya dimansuhkan pada tahun 1988. Walau bagaimanapun, kursus ini masih diteruskan di Sabah dan di Sarawak.

TRAGEDI SUNGAI BULOH— BANTUAN KEPADA MANGSA

52. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Perpaduan Negera dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) selakat sekarang berapa jumlah derma yang telah dikutip untuk mangsa-mangsa tragedi Sungai Buloh;

- (b) jumlah mangsa yang diberi bantuan dari kutipan itu dan bilangan mangsa-mangsa yang masih belum menerima bantuan kewangan;
- (c) apakah langkah serta-merta yang diambil oleh Kerajaan untuk menempatkan semula ahli-ahli keluarga yang selamat; dan
- (d) tindakan-tindakan serta-merta untuk membantu pekerja-pekerja yang malang mendapatkan pekerjaan lain.

Menteri Perpaduan Negara dan **Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):**

- (a) Jumlah derma yang telah dikutip sehingga sekarang untuk mangsa-mangsa tragedi Sungai Buloh ialah 51,313,778.
- (b) Jumlah mangsa yang diberi bantuan kewangan dari kutipan itu ialah 541 orang. Semua mangsa-mangsa yang berdaftar dan telah dipastikan untuk memerlukan bantuan telah diberi bantuan kewangan.
- (c) Langkah serta-merta yang telah diambil adalah untuk menempatkan mereka di pusat pemindahan. Dalam masa itu mereka juga diberi pilihan untuk tinggal di rumah panjang di Rawang. Sebanyak 22 keluarga yang memohon telah diberi kelulusan untuk tinggal di rumah panjang di Rawang. Dua buah keluarga masih tinggal di dalam pusat pemindahan. Mangsa-mangsa yang lain telah mencari rumah tinggal mereka sendiri.
- (d) Mangsa-mangsa yang hilang pekerjaan telah dibantu seriamerta dengan pemberian bantuan makanan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tempoh satu bulan yang bernilai \$200 bagi sesebuah keluarga. Mereka yang cedera telah diberi

bantuan oleh pihak SOCSO. Jabatan Tenaga Rakyat telah mendaftar semua mangsa-mangsa yang hilang pekerjaan untuk membantu mereka mencari pekerjaan yang lain.

GURU TERLATIH DI SARAWAK—KEKURANGAN

53. Tuan Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang berapa serius masalah kekurangan guru-guru terlatih di Sarawak dan apakah langkah-langkah segera diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya peka tentang masalah kekurangan guru terlatih yang berlaku bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di seluruh negara. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1991 ini Kementerian Pendidikan telah menghantar seramai 578 orang guru terlatih untuk berkhidmat di sekolah-sekolah menengah di Sarawak.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) membina 5 buah maktab perguruan baru dalam RM6 untuk menampung keupayaan maktab-maktab perguruan;
- (ii) meningkatkan bilangan pengambilan guru-guru pelatih dalam tahun-tahun akan datang iaitu daripada 40,000 pengambilan semasa RM5 ditingkatkan kepada 62,900 dalam RM6;
- (iii) melaksanakan program kembar dengan universiti luar dan dalam negeri. Adalah dijangkakan 3,240 guru akan dapat dilatih dalam RM6 melalui program kembar dalam negeri ini;

- (iv) meneruskan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) bagi menambah bilangan guru siswazah untuk menampung keperluan sekolah menengah. Kursus-kursus KPLI ini telah diperluas dari 3 jenis kursus kepada 11 jenis kursus; dan
- (v) meneruskan pengambilan guru-guru sandaran untuk mengisi kekurangan guru-guru terlatih.

Negeri *Bil. Sekolah Menengah Yokasional*

Johor
Pahang
Terengganu
Kelantan
Sabah
Sarawak

JUMLAH 58

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL—BILANGAN

54. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sekolah-sekolah menengah vokasional di negara ini mengikut negeri;
- (b) berapa banyak pelajar-pelajar yang sedang menuntut di sekolah-sekolah ini;
- (c) mengapakah bilangan pelajar-pelajar bukan bumiputera kurang dalam bidang vokasional; dan
- (d) apakah langkah-langkah diambil oleh Menteri untuk menambahkan bilangan penuntut bukan bumiputera.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan sekolah menengah vokasional mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri *Bil. Sekolah Menengah Yokasional*

Perlis	2
KedahS	
Pulau Pinang	3
Perak	5
Selangor2	
Wilayah Persekutuan	2
Negeri Sembilan	5
Melaka	2

- (b) Jumlah pelajar yang sedang menuntut di sekolah menengah Vokasional ialah 28,400 orang.

- (c) Bilangan pelajar bukan bumiputera kurang di sekolah menengah vokasional adalah disebabkan tidak ramai pelajar bukan bumiputera yang memohon masuk sekolah menengah vokasional. Pada setiap tahun hanya kira-kira 10% sahaja pemohon dari pelajar bukan bumiputera jika dibandingkan dengan bilangan pemohon dari pelajar bumiputera.

- (d) Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah positif bagi menambah bilangan pelajar bukan bumiputera memasuki sekolah menengah vokasional melalui guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah akademik untuk menyebarkan secara meluas maklumat pendidikan teknik dan vokasional yang ada di negara ini. Dengan cara ini diharapkan akan dapat menarik minat pelajar bukan bumiputera memohon masuk sekolah menengah vokasional. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga berusaha memberi kemudahan tempat tinggal di asrama kepada pelajar bukan bumiputera yang dipilih masuk ke sekolah menengah vokasional.

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KEDUA 1991-2000 DAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

Ajuran Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara bagi tempoh dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-90 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi, dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirancangan untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi

cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatupadudalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan.(24hb Julai, 1991)

Perbahasan disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Y. K. Sellapan untuk menyambung ucapannya,

3.34 ptg.

Tuan V.K. Sellapan: Terima kasih, Tuan Yang di-Penua, kerana diberi peluang untuk menyambung ucapan saya.

Cadangan-cadangan adalah seperti berikut:

Yang pertama, melaksanakan Peraturan Piawai Minimum dan Kemudahan Asas Pekerja 1990. Pada satu masa ladang-ladang mempunyai majoriti dari kaum keturunan India. Kini hanya 49% sahaja terdapat di ladang-ladang.

Yang kedua, adalah difahamkan bahawa Kementerian Sumber Manusia akan menyediakan satu rancangan Master Plan untuk memperbaiki taraf hidup pekerja-pekerja ladang. Diharap rancangan ini akan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi sekolah dan tempat-tempat ibadat.

Yang ketiga, Kementerian Sumber Manusia dan Kememerian Belia dan Sukan Malaysia dirayu mengambil lebih ramai penuntut-penuntut kaum keturunan India untuk latihan perindustrian dan vokasional di institut-institut kawalan Kementerian-kementerian ini, khususnya di bidang-bidang elektronik, elektrik, komputer, mekanik dan iain-lain bidang pengkhususnya.

Yang keempat, kaum keturunan India ini kekurangan peranan dalam bidang-bidang perkhidmatan pengangkutan secara individu dan syarikat-syarikat pengangkutan. Saya sangat mengharapkan pemberian lesen-lesen kepada individu dan syarikat-syarikat pengangkutan milik kaum keturunan India.

Yang kelima, Kerajaan haruslah mengambil lebih ramai penuntut-penuntut di Politeknik-politeknik di kawalan Kementerian Pendidikan.

Yang keenam, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dirayu memberi lebih peluang dalam program-program biasiswa bagi penuntut-penuntut lepasan SPM di dalam rancangan-rancangan pra-universiti untuk melayak diri bagi melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi bagi kursus-kursus profesional di universiti-universiti tempatan dan luar negeri.

Yang ketujuh, diharap selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan kaum bumiputera di sektor awam, Kerajaan akan memberi lebih banyak peluang kepada kaum keturunan India khususnya di kumpulan-kumpulan Pengurusan dan Kerja Separa Ikhtisas dan sebagainya.

Yang kelapan, diharap kelonggaran syarat-syarat kelayakan masuk seperti diberi kepada kaum bumiputera dari golongan miskin dan di luar bandar diperluaskan kepada penuntut-penuntut kaum keturunan India dari ladang-ladang dan golongan miskin, supaya mereka mendapat lebih peluang memperbaiki taraf hidup mereka dalam kursus-kursus profesional.

Yang kesembilan, Kerajaan harus menyediakan tabung amanah (trust fund) bagi membolehkan kaum keturunan India ini membeli saham-saham di sektor korporat.

Yang kesepuluh, kita hendaklah memperuntukkan lebih banyak saham-saham bagi kaum keturunan India ini di rancangan-rancangan penswastaaan oleh Kerajaan.

Yang kesebelas, kajian-kajian semula perlu dijalankan tiap-tiap tahun untuk menilai dan mengenalpasti kelemahan kemajuan-kemajuan di sektor ekonomi di kawasan-kawasan dan memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut.

Yang keduabelas, semua Kerajaan Negeri haruslah mengambilkira kaum masyarakat keturunan India di dalam segala rancangan pembangunan, program negeri seperti perumahan, kemudahan perniagaan, pertanian, ternakan, perikanan dan sebagainya.

Yang ketigabelas, semua Kerajaan Negeri disyorkan menubuhkan Jawatankuasa bagi menjaga kebijakan pekerja-pekerja di ladang-ladang di mana Kerajaan-kerajaan Negeri, melalui Perbadanan Kerajaan Negeri masing-masing, menjalankan projek-projek pembangunan. Pekerja-pekerja di ladang-ladang ini haruslah diberi lot-lot perumahan supaya pekerja-pekerja ini boleh membina rumah-rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa lima tahun yang lalu saham-saham yang telah dimiliki oleh kaum keturunan India ini di Bank Buruh, UAB dan syarikat-syarikat insurans adalah dimiliki oleh kaum-kaum lain. Selain dari ini, Kerajaan perlu mengambil langkah yang positif bagi memperkukuhkan kedudukan milik saham sekurang-kurangnya dalam salah satu bank, syarikat-syarikat insurans dan institusi kewangan.

Semenjak kemerdekaan selepas 34 tahun, kaum keturunan India tidak berpeluang memiliki dan meningkatkan kedudukan saham-saham di bank, syarikat insurans dan institusi

kewangan. Jika kaum keturunan India ini berpeluang meningkat kedudukan saham-saham melalui sistem ini kami boleh meningkatkan taraf kehidupan kaum keturunan India,

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan dan latihan ditentukan sebagai alat mencapai matlamat Dasar Pembangunan Negara. Pendidikan merupakan nadi pertumbuhan dan akan mencetuskan perubahan sosial dan ekonomi. Walaupun perkembangan dan perubahan dalam bidang pendidikan pada dua dekad lalu adalah mengagumkan, tetapi masih ada beberapa aspek dalam pendidikan dan latihan yang harus diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membahaskan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Pada satu masa, bilangan sekolah-sekolah Tamil ialah lebih kurang 1,050. Dan baru-baru ini bilangan ini dijatuhkan pada angka 550. Penurunan bilangan sekolah-sekolah ini adalah atas perkara-perkara yang berikut;

- (i) projek-projek pembangunan yang dilakukan di kawasan-kawasan sekolah di ladang-ladang melalui perbadanan Kerajaan Negeri masing-masing;
- (ii) pecah-memecahkan ladang-ladang dan penjualan balik oleh penguasa-penguasa ladang tersebut untuk mendapatkan keuntungan yang besar pada dekad pertengahan 60an.

Sistem work permit yang telah diperkenalkan pada tahun di mana ramai pekerja-pekerja ladang telah kehilangan kerja-kerja mereka di ladang-ladang. Segala perkara-perkara ini telah membawa kesan yang buruk kepada penghidupan dan keadaan sosio-ekonomi pekerja-pekerja di ladang-ladang. Pada masa yang akan datang masyarakat keturunan India

sangat berharap bahawa Kementerian Pendidikan tidak akan menutup mana-mana sekolah Tamil yang sedia ada di Semenanjung Malaysia atas mana-mana alasan seperti bilangan murid yang kecil, pengambilan tanah untuk pembangunan atau masalah sekolah tersebut terdiri di atas tanah dimiliki oleh swasta persendirian dan sebagainya. Saya berpendapat Kerajaan mempunyai tanggungjawab mendidik masyarakat di dalam mana-mana bahasa mahupun bahasa ibunda mengikut Akta Pelajaran 1961.

Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil. Antaranya banyak sekolah tidak boleh menerima bantuan penuh Kerajaan kerana kebanyakannya terletak di ladang-ladang yang dimiliki oleh pihak swasta. Kekurangan guru-guru yang terlatih terutamanya guru-guru dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan akhirnya bergantung kepada guru-guru sementara tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini daripada sekolah-sekolah di ladang-ladang, 100 buah tidak mempunyai kemudahan elektrik. Oleh itu, didapati satu sekolah daripada tiap-tiap 5 sekolah tidak mempunyai kemudahan asas ini. Murid-murid sekolah ini tidak bernasib baik untuk menikmati segala kemudahan pelajaran moden seperti radio, komputer, televisyen, video cassette recorders, slide projectors dan sebagainya. Oleh itu, pencapaian mereka dalam matapelajaran dan peperiksaan di sekolah-sekolah ini tidak memuaskan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah luar bandar. Tambahan pula, ibu bapa di semua ladang-ladang terdiri dari golongan berpendapatan rendah dan harapan mereka mengenai masa depan anak-anak mereka ialah melalui sistem pelajaran di sekolah-sekolah ini sahaja. Saya sangat berharap bahawa Kementerian Pendidikan dan Kerajaan-kerajaan Negeri boleh meningkatkan taraf pendidikan di sekolah-sekolah ini dengan mengikuti langkah-langkah

Kerajaan untuk menyampaikan sistem pelajaran yang baik melalui pembangunan, menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan sebagainya di sekolah-sekolah luar bandar.

Saya harap bahawa satu langkah yang sesuai bagi meninggalkan taraf pendidikan di sekolah-sekolah ladang ini ialah dengan cara mengambil tanah daripada milik swasta kepada milik Kerajaan seperti yang dilakukan bagi maksud pembangunan. Tambahan pula, banyak ladang yang pada satu masa dahulu dimiliki orang asing, baru-baru ini dimiliki oleh syarikat-syarikat tempatan. Oleh itu, saya sangat berharap bahawa Kerajaan perlulah mengambil langkah untuk mengambil tanah sekolah-sekolah daripada pemilik ladang-ladang untuk menjaga kebajikan sekolah. Selagi pemilik ladang-ladang merasa bahawa pelajaran adalah tanggungjawab Kerajaan dari semua aspek, mereka tidak akan peduli untuk menyediakan kemudahan asas sekalipun minimum kepada sekolah-sekolah ataupun kepada tadika di ladang-ladang. Secara menyeluruh, bangunan sekolah yang buruk, kecil dan tidak selesa, tanpa tandas yang boleh menyakitkan mata, biasanya dengan tiada kemudahan air dan elektrik, adalah perkara biasa di banyak ladang. Sekiranya ada air, air itu biasanya tercemar. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya menggunakan kuasa yang diberi di bawah Akta Pengambilan Tanah ataupun National Land Code untuk menguruskan pengambilan tanah untuk kebajikan pelajaran. Pada ringkasnya masalah-masalah yang dihadapi adalah seperti berikut:

- (i) sekolah-sekolah tersebut tidak boleh menerima bantuan penuh kerana banyak sekolah terdiri di atas tanah swasta;
- (ii) bangunan buruk dan bilik-bilik darjah yang tidak sesuai tanpa bilik air, tandas dan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan elektrik;

- (iii) kadar pencapaian yang rendah;
- (iv) keciciran yang tinggi;
- (v) lebih kurang 30% guru-guru sementara; dan
- (vi) kekurangan guru-guru yang terlatih khususnya dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan ini bahawa sekolah-sekolah Tamil adalah sejiwa dengan penghidupan masyarakat kaum keturunan India. Kalau dibandingkan dengan sekolah-sekolah aliran lain, perkara ini adalah lebih buruk di sekolah-sekolah Tamil. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang positif bagi mempertingkatkan imej sekolah-sekolah Tamil seperti berikut:

- (i) mengambil langkah-langkah yang membolehkan Kerajaan memiliki kawasan-kawasan tanah ladang sekolah bagi kemudahan sekolah-sekolah ini menerima bantuan penuh seperti yang dilakukan untuk pembangunan. Jika perlu, pampasan boleh diberikan kepada tuan punya tanah;
- (ii) menyediakan latihan kepada guru-guru sementara di masa cuti sekolah seperti yang dilakukan dahulu;
- (iii) menghantarkan guru-guru yang mahir khususnya dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris;
- (iv) mengambil lebih ramai penuntut di maktab-maktab perguruan bagi sekolah-sekolah Tamil. Sekolah ini biasanya tidak boleh bergantung kepada guru-guru sementara sahaja;
- (v) Kerajaan Persekutuan perlu menyediakan lebih banyak peruntukan kepada sekolah-sekolah Tamil untuk kemajuan sekolah-sekolah ini; dan

(vi) Kerajaan-kerajaan Negeri perlulah berbesar hati untuk menyediakan tanah bagi membina sekolah-sekolah baru di dalam segala rancangan pembangunan di kawasan-kawasan yang mana terdapat sekolah-sekolah Tamil. Pada masa yang akan datang, kaum keturunan India berharap sedikit sumbangan ikhlas daripada Kerajaan Negeri masing-masing bagi mempertingkatkan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sukacita bahawa Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua memberi jaminan bahawa golongan India dan minoriti lain akan diberi perhalian yang sewajarnya untuk membolehkan mereka menerima manfaat yang saksama daripada pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional.

Saya harap perhatian khas diberi dalam bidang pendidikan dan latihan. Masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang, hak milik modal saham dan mewujudkan satu golongan keusahawan di kalangan masyarakat keturunan India.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya membahaskan di Dewan yang mulia ini tentang kepentingan skim perumahan bagi pekerja ladang-ladang dan lombong dan ingin memberi cadangan-cadangan bagi melaksanakan dan menyempurnakan skim ini bagi kebajikan pekerja-pekerja ladang dan lombong di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perladangan, dengan tiada termasuk FELDA, FELCRA dan sebagainya mempunyai beberapa puluh ribuan pekerja. Terdapat lebih kurang 2,000 ladang dan beribu-ribu keluarga.

Menurut kajian Majlis Perundingan Ekonomi Negara, keadaan mutu penghidupan pekerja-pekerja dan keadaan pekerjaan tidak memuaskan,

dan kemiskinan amat tinggi. Selain dari ini, saya menyampaikan perkara-perkara di bawah ini yang lebih menarik untuk perhalian Dewan ini.

Yang pertama, daripada lebih kurang 2,000 ladang, 1,554 ladang-ladang mempunyai rumah yang munasabah. 25% daripada 1,554 ladang-ladang ini mempunyai bekalan elektrik yang sempurna. 20% daripada ladang-ladang ini mempunyai bekalan air yang bersih. Pendek kata lebih kurang 300 ladang-ladang daripada 2,000 iaitu 20% telah memberi rumah-rumah yang memuaskan kepada pekerja-pekerja dan 80% dalam keadaan yang buruk. Besar kemungkinan semua rumah adalah rumah satu bilik bertentangan dengan peraturan dua bilik lengkap dengan tandas di bawah Peraturan Piawai Minimum Perumahan dan Kemudahan Asas, 1990.

Dengan kata ringkas, semua rumah yang sedia ada tidak mengikut peraturan Akta baru ini. Selain dari ini, rumah-rumah ini tidak cukup dan selesa bagi keluarga yang sederhana. Walaupun Akta baru ini dikuatkuasakan pada masa yang akan datang, pekerja-pekerja masih boleh menerima kesan yang buruk dan negatif pada taraf hidup mereka bila-bila masa projek pembangunan dijalankan. Oleh itu, saya cadangkan Kerajaan melaksanakan skim perumahan pekerja-pekerja ladang-ladang dan lombong-lombong supaya pekerja-pekerja berkenaan boleh memiliki rumah-rumah tersebut seperti berikut.

Yang pertama, Kerajaan Persekutuan harus memberi garis panduan kepada Kerajaan Negeri masing-masing dan juga kepada pengusaha ladang-ladang kerana kejayaan skim ini adalah atas kerjasama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pengusaha ladang-ladang.

Yang kedua, kemudahan-kemudahan tabung dan mewajibkan pelaksanaan skim ini hendaklah disediakan.

Yang ketiga, jawatankuasa di peringkat negeri untuk melaksanakan skim ini perlulah ditubuhkan.

Yang keempat, Kerajaan harus memberi garis panduan kepada pengusaha ladang untuk memajukan perumahan.

Yang kelima, skim ini perlu mengambil kira kemudahan-kemudahan sekolah, tempat ibadat dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini amatlah penting kepada pekerja ladang dan lombong sebagai balasan kepada mereka yang telah banyak menyumbangkan kepada negara di masa menuju ke tahap negara maju dalam masa 30 tahun lagi melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Di samping itu, oleh kerana mereka tidak diberi cukup perhatian dalam segala Rancangan Malaysia dari 1960 hingga 1990, skim ini amatlah penting untuk menjaga kebajikan pekerja dengan tidak membuang masa lagi.

Dengan hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang telah saya sampaikan ini, saya sekali lagi menyokong Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Aionon.

3.55 *ptg.*

Puan Aionon binti Ariffin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dengan rasa syukur kepada Allah, saya juga berasa bertanggungjawab bersama-sama untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan satu Usul yang maha penting yang merupakan hidup-mati bagi negara kita ini iaitu satu Rangka Rancangan Jangka

Panjang Kedua yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi; yang mempunyai idea-idea yang terlalu luas dan pandangan yang begitu jauh, yang kemudian telah dibawa ke Dewan Negara yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua hari yang lalu, iaitu Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirancangan untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 8 lahun 1991 di dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdaya tahan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rakyat sebelum ini merasa gelisah apabila berakhirnya Dasar Ekonomi Baru di tahun 1990. Berbagai-bagai spekulasi, tanggapan ramalan telah timbul di kalangan masyarakat dan rakyat yang cintakan negara ini sebelumnya di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang begitu dedikasi dan berkaliber tinggi telah meneliti dengan terperinci segala perkembangan yang berkaitan dengan hidup mati imej dan juga rakyat negara ini melalui perancangan-perancangan yang begitu positif untuk menggantikan DEB. Kita tahu sebelumnya telah diwujudkan MPEN, dengan tujuan untuk mencari satu resolusi yang konkrit, yang adil, yang menyeluruh dan merangkumi semua aspek visi-visi negara yang bernama Malaysia yang tercinta. Dengan gangguan-gangguan dari parti-parti Pembangkang yang kebanyakannya bertujuan semata-mata ingin menggagalkan semua rancangan Kerajaan kerana hasad dengki mereka, maka laporan-laporan daripada MPEN telah diubahsuai. Dengan kebijaksanaan Perdana Menteri yang kita kasihi, semoga Allah memberikan restu kepada betiau sentiasa terus berdaya

tahan, berdaya maju, berfikiran tinggi, maka lahirlah RRJP2 di Dewan Rakyat dan kemudian di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya semua rakyat yang menyedari bahawa inilah negara mereka, hidup-mati mereka di negara inilah akan berterima kasih dan berasa syukur dengan pembentangan rancangan yang begitu teliti dibuat, begitu luas sekopnya dan begitu adil tujuan atau matlamatnya. Kita lelah mendengar beberapa pandangan-pandangan dari Dewan Rakyat hingga di Dewan Negara dan kila telah mendengar beberapa sahabat-sahabat saya yang telah bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan ini yang telah menokok tambah, memberikan pandangan-pandangan mereka kepada keseluruhan rancangan atau kepada Usul yang di hadapan kita ini yang ringkasnya diberi nama RRJP2 ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah DEB berakhir pada 1990, maka matlamat di kalangan bumiputera tercapai 18% sahaja. Maka kita rasa syukur dengan satu lagi pembentangan Rancangan Jangka Panjang (RRJP2) ini yang telah menyedari kelemahan-kelemahan, yang telah memasukkan beberapa rancangan untuk memperbaiki bagi pencapaian tahap yang lebih tinggi kepada rakyat khususnya bumiputera.

Terdapat beberapa rancangan dan objectives, dengan izin, tujuan matlamat kepada Rancangan ini di antara lainnya yang disebutkan iaitu:

- (I) Mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama.

Tuan Yang di-Pertua, ada rakan-rakan saya sebutkan pengagihan ini "penagihan", "penagih". Jadi, pengagihan ini disebutkan salah dari segi sebutan. Ada yang menyebutnya

"penagihan", itu jauh perginya, Tuan Yang di-Pertua. antara 'penagih' dengan 'pengagih'.

- (2) Selain daripada itu memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk membolehkan pertumbuhan menjadi lebih sama rata dan saling melengkapi dan membantu di antara satu dengan lain.

Sahabat saya daripada MIC jangan susah hati, insya Allah segala apa yang dirayukan sebentar tadi, satu, dua, tiga sampai lima, kemudian di bawahnya lagi satu, dua, tiga sampai Hma lagi, kemudian another lima insya Allah akan tercapai kerana sudahpun dimaktubkan di dalam Rancangan ini.

- (3) Mengurang dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi negara uniuik menggalakkan perkongsian faedah yang diperolehi dari pertumbuhan secara lebih adil dan saksama untuk semua rakyat Malaysia.

Cantik perkataannya, berisi dan sangat tepat maksudnya dengan citarasa rakyat di negara kita ini. Sebelum saya melanjutkan lagi matlamat-matlamat itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat sentuhan-sentuhan dari matlamat yang disebutkan tadi. Bila menyebut mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama, maka terkenanglah saya kepada ucapan pembentangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang dedikasi di Dewan ini yang telah menyedari, yang menyebut bahawa kalau ladi saudara saya Ahli dari MIC mengatakan segala kelemahan, segala kerendahan, segala masalah wargangara keturunan India, saya bercakap pula mengenai warganegara bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, adalah disedari dalam pembentangan ucapan itu bahawa bumiputera juga masih jauh ketinggalan dalam bidang-bidang tertentu. 50% bumiputera kalau dalam sektor pekerjaan atau di dalam sektor-sektor swasta hanya memegang jawatan-jawatan kuli-kuli, buruh-buruh bawahan. Dan kebanyakan yang memegang jawatan tinggi yang berbentuk profesional bukan dari kalangan bumiputera. Maka ini hendaklah diperbaiki di dalam RRJP2 ini.

Terdapat juga beberapa lagi perkara yang masih jauh ketinggalan yang perlu diberikan peluang dan perlu dipertingkatkan, perlu diberikan keutamaan kepada satu warganegara sejati negara ini yang bernama bumiputera. Kita boleh mengetahuinya dengan jelas dan nyata dan kita boleh mendengar dan membacanya di media-media massa bahawa belum tercapai segala rancangan dan cita-cita negara untuk memberikan 30% peluang pengagihan kepada bumiputera.

Di dalam sektor-sektor korporat umpamanya, termasuklah sektor-sektor utama seperti perindustrian dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa pendapat-pendapaee di antara para pemimpin dan para pemegang teraju di negara kita ini mengenai nasib bumiputera. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri, anggota-anggota Kabinet maksud saya, banyak yang menyedari dan termaktab di dalam pembentangan usul ini akan masalah-masalah kepincangan dan ketidakseimbangan pengagihan rezeki atau kehidupan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera atau di antara satu kumpulan rakyat dengan kumpulan rakyat yang lain dalam bertikata bahasa yang yang sebaik-baiknya, Tuan Yang di-Pertua.

Pendapat-pendapat itu, satu pihak menyedari, satu pihak lagi dengki. Ada dua pendapat. Pihak yang pertama, merasa, menyedari dan bertimbangrasa. Yang satu pihak lagi, dalam Kerajaan juga apatah lagi pembangkang, ada rasa irihati dan lalu menyebut-nyebut dan membangkit-bangkitkan bahawa sudah keterlaluan diberikan kepada bumiputera hak mereka iaitu kemudahan-kemudahan, subsidi-subsidi dan lain-lainnya. Tetapi dengan perangkaan-perangkaan yang didedahkan nyatalah bahawa hujah-hujah yang berunsur irihati ini tidak tepat dan haruslah dihentikan demi untuk kesejahteraan, kedamaian dan juga keamanan bagi negara kita yang kita kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, katalah dalam bidang perindustrian, perindustrian besar atau dalam bidang perindustrian berat, purata kita ketahui tiada bumiputera yang memilikinya seratus-peratus. Maka ada pula pendapat yang mengatakan bumiputera ini terlampau manja kerana sudah ada subsidi yang banyak, oleh sebab itu kita tidak perlu lagi memanja-manjakan bumiputera ini, sila bersaing, sila bersama-sama, sila kuatkan daya tahan, daya saing, daya juang, bersaing dengan terbuka.

Syukur alhamdulillah dalam rancangan RRJP2 ini pendapat itu telah diatasi dengan rasa kesedaran bahawa bumiputera perlu lagi diberikan sokongan, bimbingan dan diberikan kawalan, pengawasan, supaya mereka tidak akan tewas bersaing di dalam pasaran terbuka di dalam hal-hal perindustrian, perdagangan atau perusahaan. Syukurlah kita kerana kemajuan negara ini terletak kepada kestabilan rakyat dan politiknya.

Dalam hal yang berkenaan, memang kita tahu banyak perkara-perkara yang disediakan untuk bumiputera terutamanya dalam bidang usahawan dan perdagangan. Ada TPU (Tabung Pemulihan Usahawan) dan ada banyak lagi perkara-perkara yang semuanya kita maklum.

Untuk pengetahuan pihak mereka yang dengki dan irihati, terutamanya pihak-pihak pembangkang DAP khasnya dan ada juga dari PAS, 46, yang melaung-laungkan dan memperjuangkan juga hak-hak kebumiputeraan kepada yang dua parti ini, DAP ini tidak adalah, semua pada dia tak bagus, semua tak guna, semua tak baik, semua tak betul, semuanya pada mereka bodoh dan kurang ajar, gila kuasa dan lain-lain. Ini kita dengar di Dewan Rakyat. Tetapi sebenarnya inilah golongan-golongan orang-orang yang di dalam Islam disebutkan golongan-golongan al-iblis ibnu al-syaitan.

Kembali kepada perkara yang saya hendak sebutkan ialah peranan-peranan pada TPU. Mereka kala bumiputera mendapat hak yang begitu baik dan istimewa. Mereka tidak tahu penyakit dan masalah yang dihadapi oleh bumiputera-bumiputera dalam bidang berkenaan dalam mendapatkan pertolongan, kerjasama dan juga mendapatkan sokongan dan bimbingan daripada institusi-institusi yang ditubuhkan—sakit, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak melibatkan diri dalam perdagangan atau perniagaan tetapi kawan-kawan saya ada yang menangis, merintih, ada yang sudah putus asa, ada yang tersungkur dan tertiarap. Ada di antara mereka ini yang merasakan bahawa perkara-perkara yang didengarnya begitu indah, begitu cantik, begitu tersusun rapi untuk bumiputera hanya merupakan satu bayang-bayang yang hilang apabila datangnya cahaya.

Jadi, kepada Kerajaan kita, kita merayu supaya rancangan yang disebutkan disini, iaitu menumpukan perhatian kepada pembangunan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi penting ke arah peningkatan dan seterusnya menge-

kalkan kegiatan bumiputera dalam penyertaan ekonomi itu berjalan dengan ikhlasnya, mencapai matlamatnya dan mengikut dasarnya. Hendaklah diperhatikan pelaksanaananya.

Tuan Yang di-Pertua, telah berkali-kali Wakil-wakil Rakyat, pemimpin-pemimpin, Senator-senator, Ahli-ahli Dewan Rakyat memuji-muji keseluruhan rancangan-rancangan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan sama ada dari Rancangan Malaysia Pertama hinggalah Rancangan Malaysia Keenam yang akan dikemukakan nanti. Tetapi perlaksanaannya, Tuan Yang di-Pertua, rasanya tidaklah lengkap kalau usaha-usaha atau aspek pelaksanaan ini tidak diteliti dengan sungguh-sungguh. Bantuan kepada yang miskin dan yang termiskin, yang tersangat miskin, yang terlalu miskin dan banyak lagi yang miskin-miskin, berjuta-juta ringgit dikeluarkan dan dalam pilihanraya kita berjanji dengan segalanya. Rakyat menerimanya dengan senyum manis dan dengan harapan yang begitu tinggi, tetapi keluar dalam suratkhbar beberapa peristiwa yang menunjukkan bahawa yang miskin, termiskin dan tidak berdaya ini tidak mendapat nikmat daripada perancangan yang telah disusun, dijalankan dan telah disebarkan. Siapakah yang bersalah dalam perkara ini? Pelaksanaan.

Hingga apabila media-media cetak mengeluarkan perkara-perkara ini, ada pihak-pihak tempatan yang marah dengan media. Di sini saya ucapkan syabas kepada media cetak kita—suratkhbar-suratkhbar maksudnya. Suratkhbar ini banyak juga baiknya, sedikit-sedikit ada juga buruknya. Tetapi lebih banyak baiknya kerana dapat mencungkil dan mendedahkan perkara-perkara yang sepatutnya sudahpun diberi perhatian. -Tidak tahulah saya dari mana jentera pelaksana ini, sama ada dari Wakil Rakyat, Pegawai Daerah atau Pegawai Kerajaan Tempatan. Walau apapun,

Tuan Yang di-Pertua, hilanglah nanti kecantikan, keserian dan harapan-harapan akan pudar dari RRJP2 ini kalau dari segi pelaksanaan ini tidak diberikan perhatian yang serius daripada peringkat Pusat, Negeri, Daerah hinggalah sampai kepada 'target group' ataupun kepada pelayak-pelayak sasar kepada Rancangan yang berkenaan ini.

Dalam sektor pembuatan, ini juga ingin disentuh. Sesungguhnya sektor-sektor ini memerlukan pekerja-pekerja dan terdapatlah beberapa keluhan tidak ada pekerja-pekerja anak negara kita yang boleh digunakan untuk sektor-sektor pembuatan dan juga sektor perkilangan. Tuan Yang di-Pertua memberi signal kepada saya?

Tuan Yang di-Pertua: Lagi berapa minit? Cuba ringkaslah supaya orang lain boleh bercakap.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ringkaslah seringkas-ringkasnya. Saya masuk terus kepada point iaitu perkara-perkara yang hendak disentuh di sini. Yang pertamanya mengenai dalam perkara yang disbutkan di sini iaitu membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana kesejahteraan hidup yang tinggi adalah dinikmati oleh semua rakyat di samping mempunyai sikap dan nilai kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara.

Dalam perkara ini, iaitu dalam nilai-nilai kerohanian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap supaya perkara ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya kerana kita faham sekarang ini didapati banyak sangat unsur-unsur yang merupakan kurangnya daya tahan kerohanian ini yang boleh menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan negara kita. Umpamanya, seperti keliaran-keliaran kepada anak-anak muda dan kepada beberapa perkembangan yang tidak sihat yang berlaku bukan sahaja

di dalam bandar, tetapi sekarang menjalar ke luar bandar di mana kebanyakannya telah dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan semasa, termasuklah media-media elektronik kita dan juga kepada pengedaran-pengedaran bacaan-bacaan, video-video dan juga beberapa perkembangan tempat-tempat hiburan yang pada awalnya kita rasakan itu sebagai satu tujuan untuk mengimbangkan pemikiran rakyat atau untuk pelancongan.

Kita mengucapkan tahniah kepada satu usaha yang dibuat baru-baru ini yang dipelopori oleh Yang Berhormat Dato' Drs Suleiman Mohamad iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai Wilayah Persekutuan yang mengadakan satu perhimpunan raksaksa yang berbentuk dakwah ke arah pembangunan rohaniah di Dataran Merdeka sempena Ma'al Hijrah. Bukanlah pujian ini kerana hendak memuji, tetapi saya rasa ini satu daya usaha yang baik dalam kita hendak mencapai satu perkembangan yang lebih sihat dalam masalah pembinaan kerohanian. Dahulu Dataran Merdeka kita buat dengan satu tujuan sejarah yang telah dikenal, tetapi akhirnya telah dikecam, iaitu tempat ini merupakan satu tempat sarang maksiat. Tetapi apabila telah diadakan satu himpunan besar seramai 30,000 hingga 40,000 manusia dengan tujuan kerohanian, maka berimbanglah keadaan itu. Maka adalah kaitannya dengan pandangan yang ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, yang lainnya saya hendak menyentuh mengenai belia. Tadi Memeri Belia dan Sukan telah menerangkan tentang beberapa perancangan-perancangan yang khusus untuk belia-belie kita di mana mereka ini merupakan generasi yang akan menjadi pelapis dan yang akan menikmati atau menjadi pelayak sasar utama kepada RRJP2 ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya diberikan masa yang sedikit, saya tidak dapat bercakap dengan begitu tersusun.

Walau bagaimanapun, saya ingin bercakap berkenaan dengan satu atau dua perkara mengenai rancangan belia ini, iaitu dari segi patriotiknya—Malaysia Patriotik. Kita juga mengetahui bahawa dalam perkara-perkara ini ada banyak kelemahan, di mana kita telah tidak begitu berjaya di dalam mempatriolikkan rakyat di negara kita ini. Terdapat isu-isu yang bercanggah-canggah untuk hendak memberikan satu rupa bangsa dan nilai-nilai kepada pembentukan satu rupa bangsa atau kepada integrasi nasional kita, Tuan Yang di-Pertua. Ini perlulah dipertingkatkan lagi.

Selain daripada itu, tadi Menteri ada menyebutkan mengenai beberapa peruntukan dan beberapa perkara berkaitan dengan penyediaan kepada belia-belia yang tidak bernasib baik, yang menganggur atau yang tidak mendapat pendidikan-pendidikan yang baik dan hanya menerima pendidikan rendah dan tidak pendidikan menengah.

(Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth *mempengerusikan Mesyuarat*)

Puan Aion Binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, tahniah kerana mempengerusikan sidang.

Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Terima kasih.

Puan Aion binti Ariffin: Menyentuh mengenai masalah-masalah belia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebenarnya rancangan kepada belia ini telah lama disusun dan diatur dan telah berjalan begitu lama. Ada kemajuannya, bukan tidak ada kemajuan, Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. dan kita berterima kasih kepada Kerajaan kerana sebelum inipun, bermula dari Rancangan Malaysia Pertama hinggalah ke Malaysia Kelima, memang ada kejayaan-kejayaan. Tetapi kembali juga kepada

permasalahan pelaksanaan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Rasanya daripada kelemahan dan kesilapan yang kita lakukan sebelum ini, yang kebanyakannya dalam Rancangan Belia ini kita terlalu banyak membawa kepada perkara-perkara yang berupa keghairahan-keghairahan atau kemeriahan-kemeriahan. Kita telah buat tapian gelanggang-tapian gelanggang di serata Malaysia.

Pada peringkat awalnya ini berjalan dengan baik, dengan sedikit latihan atau dengan perancangan-perancangan atau aktiviti-aktiviti yang berfaedah, tetapi pada akhirnya menjadi sunyi dan sepi dan kemudian menjadi tempat sewaan-sewaan untuk orang bermain badminton dan untuk kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Dibangunkan gimnasium di sana, tetapi akhirnya bersarang dan bersawang pelaksanaan.

Jadi, dalam pendekatan yang sepuluh rancangan yang berbentuk nilai-nilai murni yang dikatakan oleh Menteri Belia dan Sukan tadi iaitu Malaysia Cergas, Malaysia Harmoni, Patriotik, Sejahtera dan lain-lainnya maka kita haraplah supaya perancangan dari segi pelaksanaan itu juga dikaji dengan terperinci. Kalau rancangan baik, rancangan di kertas begitu elok, kita luluskan dengan begitu ghairah, tetapi bila sampai kepada pelaksanaan nanti banyaklah perkara-perkara yang menjadi penghalang sama ada ianya disengajakan ataupun tidak disengajakan dan secara langsung atau tidak langsung, perkara ini tidak dapat dijalankan.

Belia-belia juga perlu diberikan bimbangan-bimbangan. Mungkin kalau setakat Kerajaan sahaja hendak melatih mereka ini atau hendak memberikan peluang kepada mereka ini, tidak begitu adil. Tetapi sekarang ini kita telah nampak ada pihak-pihak swasta, pihak-pihak atau kumpulan-kumpulan dalam masyarakat yang juga mahu membantu dalam mengarahkan.

menjuruskan belia-belia kita ini kepada satu arahan yang bermanfaat supaya mereka menjadi manusia yang berguna, berperibadi tinggi dan berbagai-bagai lagi yang termaktub di dalam Wawasan 2020 Perdana Menteri kita.

Terdapat institut-institut latihan kemahiran sama ada ianya di dalam bidang kemahiran yang berbentuk jentera atau bidang kemahiran yang berbentuk kerja-kerja tangandan lain-lainnya tumbuh di dalam negara kita ini. Kebanyakan institut-institut ini, Tuan Yang di-Pertua, berkembang baik. Tetapi ada juga yang mati di tengah jalan kerana tidak mendapat sokongan, bimbingan daripada institusi atau agensi-agensi Kerajaan yang berkailan - katakanlah Kementerian Belia dan Sukan, kalau ada pihak-pihak swasta atau kumpulan-kumpulan ini hendak membangunkan sesuatu institut untuk latihan-latihan terutamanya di kalangan bumiputera, hendaklah digalakkan. Bukan bumiputera sudah ada banyak dan mereka berjalan dengan baik. Kerana mereka mempunyai facilities, dengan izin, dan mempunyai cukup jentera dan juga cukup segala permodalannya mereka berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon mempunyai sebuah institusi tuisyen yang berjalan lancar iaitu satu bentuk latihan penyediaan kepada belia-belia juga. Yang dianjurkan oleh bumiputera, ada terdapat beberapa institut-institut yang berkembang tetapi akhirnya telah tidak dapat terus mengembangkan sayapnya di dalam matlamatnya. Satu daripada contohnya ialah ITK yang ada di Rawang. Saya tahu benar riwayat ITK ini kerana saya terlibat di dalamnya. Kita telah cuba memohon beberapa kali, meminta peruntukan-peruntukan pinjaman daripada pihak-pihak tertentu termasuk MARA, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan untuk mengembangkan institut ini. Tetapi terlalu banyak halangan dan rintangan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya di antara orang yang terlibat di dalam pembentukan institut ini begitu keadaannya, bagaimana agaknya yang lain-lain? Tidak hairanlah ada di antara institut ini yang pernah mengadu hal, merintih, tidak dapat mengembangkan institutnya kerana kurangnya sokongan-sokongan—sokongan moral dan material atau khidmat nasihat yang diperlukan oleh mereka. Haraplah perkara ini diberikan perhatian yang serius dan kemudian diberikan sokongan, diberikan bimbingan dengan sesungguh-sungguhnya supaya tidak lagilah kita ini asyik bercakap dan asyik menyalahkan satu dengan lain. Belia-belia kita terlampau memilih bekerja. Swasta tidak mahu menerima belia-belia kita, anak rakyat kita, kerana mereka ini malas, tidak ada pengetahuan, tidak ada mempunyai minat yang bersungguh-sungguh dan lain-lain.

Kita tidak boleh menyalahkan mereka sahaja. Saya rasa perkara memilih-milih ini perkara yang amat kecil dan seolah-olahnya seperti satu alasan sahaja, kerana kita ingin menutup kelemahan kita sendiri dan tidak membuat perancangan yang terancang terhadap mereka. Kalau negara-negara lain boleh mengatasi masalah penganggurannya dengan begitu terancang dan terperinci, mengapa tidaknya negara kita ini. Patut benarlah mereka itu diberikan bimbingan dan peluang. Maka kita terpaksa mengambil pekerja-pekerja daripada luar negara. Kita kekurangan jururawat. Tadi saya dengar sahabat saya bertanya dengan ikhlas mengenai jururawat. Maka Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjawab, seolah-olah mengecil-kecilkan soalan itu sendiri dari segi jawapan itu. Seolah-olah merasakan soalan itu tidak wajar. Kami sudah buat bagus semua, semua sudah okay, rancangan pendek, rancangan panjang, rancangan pertengahan, atas, bawah, depan, belakang - semua sudah ada. Kenapa lagi mesti disoal-soalkan?

Inilah yang selalu terjadi, Tuan Yang di-Pertua. Kita selalu suka mengamalkan pepatah, "terantuk baru tengadah". Saya masih ingat masalah AIDS. Saya orang yang banyak sekali bercakap fasal AIDS di Dewan ini. Dijawab lapan orang sahaja yang pembawanya—pembawa bukannya sakit. Dua orang sahaja, itupun seorang tidak pasti seorang sahaja. Lepas itu bila timbul lagi soalan, terkawal, terkawal, terkawal. Tetapi apa yang berlaku sudah hampir tidak terkawal. Kalau tidak masakan kami dan Perdana Menteri juga hendak tengok. Perdana Menteri juga hendak kata.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menyalahkan mana-mana pihak. Kita hanya memberikan peringatan yang ikhlas. Janganlah sekadar untuk menjawab sahaja, apabila ada soalan, apabila ada rintihan, apabila ada komen, telitilah dengan ikhlas. Kemudian berilah response yang bertanggungjawab. Maka begini juga dengan kejadian kepada pengangguran. Kita lahu ratus-ratus ribu ada pengangguran di negara kita, tetapi kita import belia-belia daripada negara-negara lain untuk bekerja dan kita tidak tahu apa akan terjadi kepada yang menganggur-anggur ini. Kita bimbang juga nanti, kera di hutan disusui, anak dipangku diletakkan, orang luar jadi baik, anak negeri jadi penyangak—penagih dadah.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Yang Berhormat, perkara seperti itu harus ditunda. Kalau tidak puas di sini, saya ingal di luar pun boleh diterima - kita negara demokrasi.

Puan Aion binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana bersimpati dengan hajat dan rayuan saya. Tidaklah menyalahkan, hanya hendak mengingatkan, Kita tahu Kerajaan kita telah membawa beberapa perubahan, kemajuan kepada

rakyatnya. Kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, memang Malaysia top di negara ASEAN ini terutamanya dengan kewibawaan Perdana Menteri kita, Timbalan Perdana Menteri kita dan sebahagian dari Menteri-menteri kitalah. Kalau tidak masakan Menteri Luar Perdagangan Australia, namanya Senator Garreth Evans, dengan izin, betul, Tuan Yang di-Pertua?

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Saya ingat begitulah namanya.

Puan Aion binti Ariffin: Menteri Luar Perdagangan Kerajaan Australia, terburu-buru datang ke Malaysia, terburu-buru menemui Menteri Luar kita, Perdana Menteri kita untuk 'cover' kepada peristiwa yang menyakitkan kita sebelumnya. Kata Utusan Melayu ini satu drama dan satu sikap kepura-puraan mereka kerana mereka takut dengan perancangan baru kita, EAEG. Mungkin betul—demikian kalibernya Perdana Menteri kita. Kita tahu kita tidak boleh menentang kuasa-kuasa besar ini dengan air liur basi. Maka kita lakukan beberapa kerja-kerja, ini syabas, tahniah, terima kasih, syukur. Kita lakukan ianya dengan membuat kerja-kerja yang berguna, membuat 'homework' dan kajian-kajian. Kita wujudkan Selatan-Selatan, kita wujudkan EAEG atau KEAT dalam Bahasa kita iaitu East Asia Economic Group dengan izin, atau Kumpulan Ekonomi Asia Timur kita, yang^s menakutkan Amerika dan mengilukan Britain, datanglah Encik Baker ke Malaysia. Ternyata dengan cara inilah kita dapat meninggikan taraf dan dapat meletakkan imej kita begitu tinggi bukan sahaja di international; negara ASEAN, negara Asia, Rantau Pasifik dan seterusnya ke peringkat antarabangsa. Namun begitu, ada juga kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini disebutkan juga di dalam pembentangan RRJP2 ini.

Jadi, kesimpulannya saya merayu; satu, kelemahan-kelemahan yang terdapat di kalangan bumiputera, hak-hak yang perlu diberi, keutamaan-keutamaan yang perlu diusahakan, perlindungan, penaungan, pembimbingan yang telah dijanjikan hendaklah dijalankan dengan sesungguhnya penuh dengan rasa ikhlas dan bertanggungjawab. Jangan pula nanti, bila sampai tahun 2000 pencapaian yang dijanjikan sekian, sekian peratus tetapi yang tercapai hanya sekian, sekian peratus, tidak sampai suku ataupun setengah daripada rancangan yang kita rancang.

Yang kedua, berilah juga peluang yang seimbang dan setara dengan warganegara jantina wanita. Ada dua jenis jantina warganegara kita, Tuan Yang di-Pertua. Oh..tiga kata sahabat saya. Yang ketiga itu kecil bilangannya. Yang pertama lelaki, yang kedua wanita, yang ketiga Mak Nyah. KetawaBerilah mereka ini peluang yang seimbang dan setaraf dengan kemampuan dan kewibawaan mereka. Tolong kikis diskriminasi, Tolong kikis ini.

Kita tahu dalam sektor korporat, kita faham dalam sektor awam terdapat wanita-wanita yang punya kaliber merintih kerana ia wanita tidak dapat naik ke taraf yang sewajarnya ia diberikan. Kita berierima kasih dengan Perdana Menteri yang peka keadaan-keadaan ini. Bila kita bawa perkara ini kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri.berjalan, dapat, tetapi mana-mana yang tidak dapat bawa ke sana, Tuan Yang di-Pertua, jawabnya gigil jari, sampai ke tua lah lu... Tidak akan dapat mencapai tahap yang seimbang dengan warganegara jantina lelaki ini, Tuan Yang di-Pertua,

Yang ketiganya, penduduk-penduduk di luar bandar yang telah dijanjikan untuk dibasmikan kemiskinan, tidak kira apa kaum khususnya

bumiputera, kerana saya mewaktli bumiputera hendaklah diberikan perhatian yang serius. Semoga sebelum menjelang tahun 2000 tercapai sudah matlamat-matlamat kita itu.

Dan yang keempatnya, dalam kita hendak mewujudkan masyarakat yang ideal, yang progresif, yang berhemah tinggi, tolong media massa, tolong Kementerian Penerangan tentukan dasar, janganlah lintang pukang macam sekarang ini. Saya sudah banyak kali cakap mengenai Kementerian Penerangan ini. Bukan marah, bukan benci tetapi memberikan ingatan, perbetulkanlah. Kita tahu banyak sudah baik-baik dibuatnya. Saya pun tidak nafikannya tetapi ada lagi yang lemahnya, ada lagi yang kurangnya terutamanya dari segi pendidikan melalui penyiaran dan penerangan. Tolonglah disetarakan dengan citarasa dan visi 2020 Perdana Menteri itu.

Macam mana, Tuan Yang di-Pertua, hendak berjalan? Tangan kanan kata ya, tangan kiri kata tidak. Ya, tidak, ya, tidak, ya, tidak . . . Bagaimana? Kita hendak menghapuskan maksiat-maksiat yang serius. Maksiat ada dua tiga jenis maksiat. Maksiat berat tetapi dalam bilik tidur, ada maksiat itu berlaku, tengok . . .

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak hairan bagaimana perkara-perkara ini boleh berleluasa—video-video lucu. Kita ada penapis filem, kita ada penapis itu, penapis ini. Entah berapa puluh Lembaga yang kita sudah tubuhkan. Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan di Filem Negara pun ada tetapi saya boleh bawa satu dozen video yang begitu nekad, yang begitu jelas segala-galanya, yang luar biasa. Luar biasa, gigil kita menengoknya. Bukan syok, Tuan Yang di-Pertua, gigil menggigil menengoknya. Mana . . .

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Jangan disimpan, Yang Berhormat, merbahaya.

Puan Ainon binti Ariffin: Tidak simpan, tetapi sebagai satu contoh teladan pengawasan tidak ketat. Tidak ketat, apabila kita tanya bagaimana pengawalan ini, pengawasan ini, bagaimana senjata 19 pucuk hilang.

Tuan Yang di-Pertua, bukan 19 pucuk. Tuan Yang di-Petua adalah seorang bekas Jeneral, saya bekas Staff Sargeant sahaja tetapi tahu bukan 19 pucuk, banyak pucuk-pucuknya, sampai ada yang mati pucuk. (*Ketawa*) Tetapi kita sembunyikan perkara ini. Kita katakan semuanya under controlled dan kedatangan kita tidak mahu mengakui kelemahan kita. Apabila kita tidak akui kelemahan kita, sudah tentu kita tidak akan berusaha untuk memperbaikinya. Hanya setelah kita akui, kata Perdana Menteri di dalam pembentangannya, kita tahu kelemahan-kelemahan ini, kita telah mengkaji kelemahan-kelemahan ini. Kita menyedari kelemahan-kelemahan ini, kita akan perbaiki. Cantik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Menteri-menteri dari Kementerian-kementerian akan menjawab seolah-olah semuanya 'very good' dengan izin. Semuanya berjalan dengan baik dan elok. Kalau ada teguran, ada jugalah yang berkata, "Walau bagaimanapun, segala teguran-teguran Yang Berhormat itu akan diberikan perhatian dan diucapkan ribuan terima kasih". Duduk, kepit fail dan keluar. Lepas itu hilang kisah.

Ini sentuhan-senluhan untuk kebaikan, tidak ada niat apa-apa. Kalau tidak kami ini berleter, macam manalah, siapa lagi yang sanggup menegur kita ini? Kalau parti Pembangkang menegur, memanglah kita tahu niat dia busuk, buruk tetapi kalau rakan, sahabat seperjuangan, Ahli-ahli Dewan Negara menegur, maka eloklah peka sedikit, bukan

pekak, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak marah ini. Ada katanya kena ada tekanan suara, kalau tidak mengantuk.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tidak apa.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuhkan mengenai video-video ini, saya lihat di video-video itu tertulis, "Video ini tidak untuk siaran, tidak untuk disewa". Tetapi disewa, \$2 sahaja harganya. \$2 sahaja. Saya boleh beri pinjam. Yang menakutkan saya budak-budak sekolah, balik dari sekolah pergi kedai video, Video Centre Saz, Syazas, Yas, Mutiara, macam-macamlah ada nama. Dia boleh menyewa dengan \$2. Emaknya beri dia belanja satu hari katalah \$5. Dia simpan duit itu kerana dia tahu ada sesuatu yang luar biasa yang boleh ditengok. Ambil video itu pergi rumah kawan, kawan yang ibu bapanya busy, sibuk, macam saya tetapi semua alat ada di rumah, ada orang gajian sahaja. Orang gaji pun tidak berani tegur. Pap, pap masuk tayang, hah, hah, hah, tengok segala-galanya. Tengok dengan sejelas-jelasnya. Bagaimana benda ini boleh berlaku. Ini video, video lucu. Majalah-majalah jangan katalah.

Tuan Yang di-pertua, kalau majalah-majalah ini jangan dikata- katakanlah, tidak ertilah saya hendak bercakap lagi. Merata-rata bus-stand, merata-rata kedai-kedai buku tidak ada yang terselindung boleh tengok di Kuala Lumpur, di Johor Bahru, di Ipoh, di Pulau Pinang, di Segamat pun ada.

Menyentuh Segamat, Tuan Yang di-Pertua, masuklah saya kepada perkara iaitu perkara yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu berkenaan dengan membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana kesejahteraan dinikmati oleh semua rakyat, nilai-nilai yang positif serta penghayatan perasaan bangga dan cintakan negara.

Wakil Rakyat Segamat baru-baru ini bercakap dalam Dewan Rakyat, katanya bahasa Inggeris jadikan bahasa rasmi, jangan Bahasa Malaysia sahaja, bahasa Inggeris pun jadikan bahasa rasmi. Yang bercakap itu daripada rakan sejawat BN. Saya tepuk dada, dua tiga kali saya tengok ulasan di TV. Saya bermimpi, adakah ini satu mimpi atau kenyataan. Esoknya keluar dalam suratkhbar, saya gunting. Kemudian saya rujuk ke sini, apakah betul ada dilimbulkkan di Dewan Rakyat. Bctul, Tuan Yang di-Pertua. Saya jadi hairan bin ajaib. Kita sudah begitu lama menerima hakikat berjanji, berikrar rupa bangsa, bahasa kita sendiri tidak mahu cedok yang di luar. Kenapa rakan saya ini jadi begini? Mabuk Coca Cola atau tidak menyedari, mengikuti perkembangan, tidak peka dengan hasrat dan visi Kerajaan, negara dan rakyat dan dengan ikrar kita waktu mencapai kemerdekaan dahulu, yang kita buat bersama? Mengapa kita takut kemajuan tidak tercapai kerana bukan bahasa Inggeris jadi bahasa rasmi? Jepun, Indonesia, Thailand, Tenggara Asia, India, India, India, negeri India tidak bahasa Inggeris bahasa rasminya. Kenapa boleh maju? Kenapa boleh berjaya? Mana semangat kekitaan?

Tuan Yang di-Pertua, malunya saya, sedihnya saya, pilunya saya. pendokong Kerajaan yang kuat bercakap, berkata perkara yang bercanggah dengan citarasa negara, bagaimana ini? Saya sokong penuh dengan unjukan daripada Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia ingin berdialog dengan Yang Berhormat yang berkenaan, ingin menyedarkan beliau bahawa kita sudah sampai ke seberang, jangan kita berpatah balik ke belakang. Jangan sekali-kali kita merasakan yang dicedok itu yang lebih baik daripada hak mutlak kita sendiri. Bahasa Malaysia yang menjadi Bahasa Kebangsaan, bukan bahasa Melayu—Bahasa Malaysia. Kalau dia kata, saya orang Malaysia, itu bahasa dialah,

tanam lama sudah, macam mana tak tumbuh dengan orang Segamat ini? Tak dibaja agaknya. Saya minta Dato' Seri Samy Yellu tolong beri baja kepada yang berkenaan. Tuan Yang di-Perua, semangat sedikit. Orang perempuan ini kalau bersemangat tak ke mana-mana, maksudnya tidak merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh juga saya lagi mengenai memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada pemeliharaan alam sekitar dan ekologi supaya dalam jangka panjang pembangunan dan sumber negara dapat dikekalkan secara berterusan, di samping meningkatkan taraf hidup. Baru-baru ini tercetus satu gelora, khasnya di Wilayah Persekutuan di mana terdapat kecenderungan dan kealpaan pihak-pihak berkuasa di Wilayah Persekutuan, tempat saya tinggal, mengenai identiti nama-nama taman-taman perumahan, kompleks-kompleks membelibelah, buildings mewah, hotel-hotel dan lain-lainnya yang juga sama citarasanya dengan sahabat saya daripada Segamat. 'Arde Corte'; orang Perak kalau cakap 'Corte' ini lain bunyinya. Kalau orang Perak cakap 'Al-de Corte'—ketawa ataupun marah—'Kote'. Dan lain-lain nama lagi—'Villa'. Kalau Villa tak apa—Minang Villa—okay, yang ini boleh. Tetapi ada nama-nama Da-La-Homa, Mashashusha—susah saya hendak menyebutnya, ada yang Tit-Tat pun ada, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, di mana identiti kebudayaan kita? Di dalam 10 nilai yang dibentuk oleh Kementerian Kebudayaan, terdapat perkara yang berkaitan dengan identiti kebudayaan negara. Bagaimana masuk Malaysia, sampai di Kuala Lumpur, sampai di lapangan terbang, jalan terus sedikit, ikut Jalan Mahameru, sampai masuk sahaja kepada yang bernama Kuala Lumpur, akan terpampang satu Las Vegas Kondominium dan yang lain-lainnya.

Apabila perkara ini dibawa juga oleh media massa, ini yang saya puji, peka mereka, ada semangat kekitaan yang kuat di kalangan penulis-penulisnya. Bila perkara ini diketengahkan, dikeluarkan kartun, KP membaca sajak La-De-Corte, La-De-Tu, La-De-Tat, La-De-Tut semua ada, maka perkara itupun dapat perhatian. Datuk Bandar mengatakan bukan kuasa dia, Kerajaan Tempatan Perumahan kata pun bukan kuasa dia, kemudian apabila dirujuk pula kepada pihak-pihak Kementerian pun bukan kuasa dia. Kuasa siapa, Tuan Yang di-Pertua? Boleh kita sewenang-wenang membuat sesuka hati kita dalam pembentukan dan bolehkah kita mendapat begitu banyak keuntungan, begitu banyak kemudahan dalam negara yang bernama Malaysia, maka kita injak-injak kebudayaan negara itu sendiri dan kita sebagai warganegara, kita yang memegang teraju negara membiarkannya. Apakah ini satu aspirasi yang sihat? Buatlah nama apa pun, asalkan ada identiti negara. Apa salahnya buat Ros Mawar Villa—boleh. Atau hendak buat tak mahu pakai kampung, pakai villis - Mariama Villis, sedap juga bunyinya itu—Mariama Villis nama wanita atau Al--Ghazali

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Ha, tu dia!Ketawa

Puan Ainon binti Ariffin: . . . Building atau dikatakan Wisma Al-Mustafa umpamanya - boleh

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Dia baru sampai di belakang.Ketawa

Puan Ainon binti Ariffin: Ha, baru sampai.Ada dua Mustafa dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua. Mengapa tak boleh begitu? Kenapa tak berunding dengan pihak swasta itu. Maryland tukar jadi Maria Land—cantik, Maria—nama Asia, Mary pun ada nama Malaysia juga, umpamanya lah perkara-perkara seperti ini.

Kalau dari sekarang kita longgarkan, kalau dari sekarang kita pandang perkara ini perkara titik-bengik, inipun hendak dibincangkan, inipun hendak jadi isu, apalah orang politik ini? Kalau itu tanggapan kita, bagaimana RRJP2 ini hendak dilaksanakan? Ini pandangan pemegang teraju, pelaksana, Tuan Yang di-Pertua. Maka itulah cerita balak kena curi, pasir kena curi, 'pasio' hitam pun kena curi, kata orang Perak fasal 'pasio' hitam ini banyak di Ipoh, amang kena curi. Yang mencuri ialah al-pengarah-pengarah, al-Timbangan al-Pengarah, al-pegawai al-pegawai. Dengan rasa respect kepada semua pegawai-pegawai yang telah memberikan prestasi yang baik dalam kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya macam titik-bengik, tetapi gejala yang boleh menggagalkan pencapaian Rancangan Malaysia Keenam, RRJP2, 3, 4, 5, 6, 7, insya-Allah, ia akan datang. Dan perkara-perkara mengenai masalah-masalah penglibatan kita dengan negara-negara luar, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah begitu berjaya menghammkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa walaupun ada yang merungut-rungut, ada soalan-soalan dibuat berapa ramai pergi ke Chile, ke Argentina, berapa ramai yang pergi ke Brazil, kenapa ramai sangat, kenapa membazir banyak sangat, ramai suku-sakat semua bawa pergi, kenapa, kenapa dan kenapa. Maka saya suka mengambil yang positif dengan lawatan-lawatan yang dibuat, dengan perjumpaan dan dengan beberapa mesyuarat-mesyuarat, beberapa pendekatan-pendekatan persahabatan dialog-dialog yang diadakan telah dapat memperkenalkan negara kita menarik pelaburan asing dan meninggikan tahap serta telah dapat mengharumkan imej negara kita ini yang pulangannya bukan sahaja akan diperolehi oleh pemegang teraju,

Perdana Menteri belum tahu sama ada dapat atau tidak nikmat Wawasan 2020nya, tetapi dia rancang, RRJP2 pun belum tahu beliau akan dapat nikmatnya atau tidak sebab 10 tahun lagi kuasa Allah yang menentukan. Tetapi saya mendoakan setiap lepas sembahyang biarlah Perdana Menteri kita panjang umurnya, jadilah Perdana Menteri 20 tahun lagi kerana beliau memang berkaliber dan agak luar biasa daya pemikirannya. Itu satu rahmat dan satu tuah kepada rakyat negara yang bernama Malaysia.

Dengan sentuhan-sentuhan, cuit-gamit dan dengan hujah-hujah yang saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong penuh dan juga bersama-sama bekerjasama ke arah pencapaian mana yang lerdaya oleh pihak kami dan pihak diri mengenai RRJP2 ini.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Haji Ahmad.

4.48ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, membaca RRJP2 1991 hingga 2000 kita dapati bahawa dalam pelaksanaan pembangunan yang akan dilaksanakan nampaknya rakyat diminta berkorban dalam memberikan tanah mereka untuk dibuat pembangunan sama ada kilang-kilang, sekolah, jalan-jalan raya, paip air dan juga Lembaga Letrik Negara. Kita bersetuju dan tidak menentang pengambilan balik tanah, cuma kita minta keadilan dalam memberikan pampasan. Amalan yang sudah-sudah, pegawai penilaian bila menilai harga tanah yang diambil oleh Kerajaan, sama ada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk membuat projek, perbezaan antara tanah MCL dengan tanah geran besar yang dipunyai oleh bukan bumiputera sangat berbeza sedangkan kegunaan tanah itu sama.

Misalannya MCL ada mempunyai kebun getah dan juga rumah, tetapi dinilai dengan harga yang murah, seekor misalannya \$30,000 sedangkan tanah geran besar yang dipunyai oleh bukan bumiputera sampai \$360,000. Jadi dalam pelaksanaan yang akan datang supaya keadilan berlaku dan jangan masyarakat marah dan juga keadilan kepada bumiputera, saya minta supaya pegawai penilaian hendaklah berlaku adil dalam melaksanakan pengambilan tanah rakyat.

Yang kedua, kita semua tahu bahawa Melaka telah diakui dan dirasmikan sebagai Melaka Bandaraya Bersejarah dan telah membuat hubungan dengan Kerajaan Portugis, Belanda dan Chile. Bandar Melaka telah berkembar dengan bandaraya di Portugal, Belanda dan Chile. Apa yang saya kehendaki bahawa patutlah Lapangan Terbang Batu Berendam diperbesarkan oleh Kementerian Kerja Raya supaya kapal-terbang Boeing 747 ataupun 737 dapat turun mendarat dan membolehkan pelancong-pelancong ataupun sahabat-sahabat kita dari luar negeri terus ke Melaka.

Kemudian ada satu perkara yang boleh kita mendapat harta yang banyak, yang selama ini tidak dipedulikan oleh pihak mana pun iaitu mengikut siasatan yang telah dilakukan bahawa dalam lautan Selat Melaka mempunyai harta yang banyak. Misalannya kita dapat lahu bahawa ada kapal Flor De La Mar yang telah tenggelam membawa harta segala khazanah-khazanah sultan dan juga khazanah-khazanah yang diambil daripada Kerajaan Negeri Melaka. Begitu juga ada lagi kapal-kapal Belanda yang tenggelam khabarnya boleh jadi ataupun khabar angin letapi banyak yang mengatakan bahawa orang-orang dari Barat telah menyelam di dalam laut kemudian mengambil segala khazanah-khazanah ini yang memberikan keuntungan kepada

mereka. Kerajaan Negeri Melaka telahpun beberapa kali berunding dengan Kerajaan Pusat supaya satu usaha dibuat mencari harta karun ini supaya menjadi harta kepada kita. Khabarnya satu kapal sahaja harta yang ada dengan emas intan berliannya berharga sebanyak 7 billion dollar.

Yang ketiga berhubung dengan segala penyelewengan yang berlaku selama ini dalam negara kita. Kita dapat mendengar dahulu penyelewengan orang-orang yang melarikan wang dari bank-bank misalnya di Hong Kong dahulu \$2 bilion duit. Hendak bilang, hendak tulis pun payah, kalau saya dapat \$2 bilion agaknya pengsan, tetapi dilarikan sehingga hari ini orang-orang yang bertanggungjawab itu masih lagi belum diapa-apakan. Kemudian kita dengar lagi kecurian berlaku baru-baru ini \$72 million-\$72 juta.

Kemudian penyelewengan yang berlaku terhadap orang-orang yang mencuri balak, curi pasir dan mencuri tanah liat. Begitu juga orang yang melaksanakan kilang-kilang haram, begitu banyak kilang haram. Bila reporter bertanya kepada pihak yang berkenaan, Menteri-menteri yang menjaga di negeri-negeri masing-masing ada yang mengatakan kilang haram sampai 10,000 dalam negerinya. Kenapakah berlakunya kejadian begitu? Adakah penguatkuasa kita kurang? Adakah undang-undang kita lemah? Kalau undang-undang kita lemah patutlah kita tukar undang-undang itu di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini dan juga di peringkat negeri-negeri. Tetapi apabila berlaku satu-satu penyelewengan, segar kita dengar, tiap pembesar memberikan komcn yang hebat; tindakan tegas akan diambil tidak kira kaum, tidak kira adik beradik saya, tidak kira isteri saya pun akan disumbatkan ke dalam jel. Selepas itu senyap, tidak ada bunyi apa-apa, berlaku lagi perkara-perkara

yang tidak baik. Jadi saya rasa tindakan ini kalau tidak tegas, penguatkuasaan kita tidak dilaksanakan, undang-undang yang ada kita tidak mahu hormati, segala RRJP2 ini tadi hanya akan menguntungkan segolongan manusia yang sentiasa melakukan penyelewengan, maksiat dan syaitan, tidak akan dapat dinikmati oleh rakyat.

Jadi semakin lama semakin kaya. Apabila kaya, dia akan menyediakan segala kemudahan menjadi gangster dan jahat, merompak dengan segala jenis alat yang lebih canggih daripada Kerajaan. Kita dapat melihat seperti filem-filem barat—orang jahat, raja dadah, perompak bank lebih berkuasa daripada pemimpin Kerajaan dan boleh menjatuhkan Kerajaan. Jadi sebelum kita kena seperti itu, haruslah kita gunakan semula undang-undang penguatkuasaan kita dan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang melakukan penyelewengan tadi.

Saya tidak hendak mendengar lagi dan rakyat pun sudah jemu mendengar pucuk pimpinan sama ada di pusat dan negeri bercakap tindakan akan diambil. Bila tindakan tidak ada diambil, besok kita diberitahu oleh orang rupanya mereka yang bercakap 'saya akan mengambil tindakan tegas' itu rupanya ada interest, ada apa-apa di belakangnya.

Ada satu perkara yang kena-mengena dengan kawasan saya dan negeri Melaka. Apabila sahaja Menteri Pendidikan yang sudah beberapa kali bertukar, datang ke kawasan bila hendak pilihanraya, kita berusaha bersungguh-sungguh menolong, dalam pilihanraya mereka berjanji, kawasan luar bandar yang seperti ini, kawasan Selandar—tempat saya Selandar, Dr Mahathir kata 'Selender', ada orang kala 'Selandau', Encik Ghafar Baba kata 'Selandau'. Jadi di tempat ini ada satu tanah hutan rimba 7,000 ekar lebih di Bukit Sedandan. Pihak Menteri

Pendidikan yang bercakap mengatakan bahawa mereka berjanji akan mendirikan dan menubuhkan pusat pengajian tinggi, pra universiti sama ada Universiti Islam Antarabangsa atau Universiti Teknologi Malaysia. Tetapi habis pilihanraya, habis pemilihan perhimpunan agung, dia pun terlupa. Bila kita bersalaman dia memandang ke tempat lain, sedikit sahaja tangan dia pandang takut. Takut kepada janji-janji itu. Kemudian dia hantarliah ke mana yang dia suka, dia agak-agak saudara maranya. Jadi terbiarlah hutan rimba sehingga kawasan saya ini digelar oleh orang, 'jungle jam'. Ertinya duduk dalam hutan rimba, duduk dengan buaya.

Jadi, saya harap Kemenlerian Pendidikan menunaikan janjinya, kalau tidak yang berjanji-berjanji itu akan diturunkan pada satu masa dengan kuatkuasa 'jungle jam'.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelabur asing yang datang ke negara kita ini, oleh sebab Dasar Ekonomi Baru kita kelmarin berkehendakkan ramai pelabur datang supaya memberikan pekerjaan kepada rakyat yang menganggur. Jadi kita terlalu longgar dan terlalu memberikan kemudahan. Misalannya cukai. Kita beri satu kawasan perdagangan bebas, cukai pun tidak kena 5 lahun. Lepas itu kemudahan dia boleh dirikan kilang. Kerajaan Tempatan pun kita langgar, dirikan dulu. Apa nasihat Kerajaan Tempatan tidak mahu dipakai asalkan kilang ada. Kemudian apabila kilang terdiri, kapitalis-kapitalis ini pula merasakan bahawa ia lebih besar daripada Kerajaan. Dan dia tidak mahu membenarkan rakyat atau pekerja-pekerja menubuhkan union atau kesatuan sekerja. Masuk dengan gaji yang sangat murah.

Anak-anak dara kita kelmarin masuk ke dalam kilang dengan gaji permulaan \$2.45 sen. Sesudah tiga bulan naik 15 sen, jadi \$2.60 sen. Sesudah satu tahun naik \$3.00. Sesudah setahun setengah naik \$4.15 sen sampai \$4.15 sen

mereka ini dibawa ke dalam party social get together. Entah apa ertinya - bila dia membuat party, kemudian anak-anak dara kita ini menjadi gila. Tidak pernah jumpa, anak dara kampung, tidak pernah jumpa social get together, pergi mandi di Port Dickson, pergi minum-minum. Akhirnya mutu kerjanya rendah, kemudian mukanya pun rendah dah! Daripada muka yang bercahaya menjadi pucat. Kemudian dibuang dan diganti dengan gadis-gadis lain yang lebih cantik. Jadi keuntungan yang berlebihan itu dia ambil supaya pekerja yang baru dapat.

Inilah kilang-kilang yang menimbulkan masalah alam sekitar. Apabila terlalu kita berkehendakkan supaya dapat kerja, kilang-kilang ini sudah menimbulkan masalah yang meletup. Misalnya kilang yang meletup di Sungai Buluh. Hari-hari kita baca laporan Suruhanjaya bahawa kilang itu banyak tegahan masa hendak tubuh kelmarin. Semua banyak halangan. Pegawai Kerajaan ada menghalang tetapi entahkan kuasa politik itu memberi sehingga kilang-kilang itu terdiri. Rosak, meletup, terjadi pembunuhan, mati tak dengar khabar, tidak dengar cerita, tidak dapat ganti rugi. Bila sudah meletup betul seperti itu barulah kelam-kabut, masing-masing mengatakan tindakan tegas. Entah apa yang tegas saya pun tidak tahu.

Perkara ini hendaklah dikaji semula. Perdana Menteri kita pun telah meminta supaya dikaji semula segala kilang-kilang yang hendak didirikan. Pelabur dari luar negeri yang hendak datang hendaklah mengikut aturan dan peraturan negara kita dan menghormati kebudayaan kita.

Yang kedua, mengambil pekerja dan pakaiannya mesti mengikut seperti yang dikehendaki oleh kita. Begitu juga segala pelan-pelan yang hendak diluluskan hendaklah mengikut kehendak-kehendak Kerajaan Tempatan kita, jika tidak jangan

diluluskan. Tidak payah kita terlampau ramai membawa pelabur datang ke negara ini. Walaupun banyak kilang banyak juga yang menganggur. Ada orang yang tidak hendak kerja kilang. Jadi hendaklah diketatkan segala kemudahan-kemudahan yang diberi selama ini.

Yang keempat, mengenai Kementerian Penerangan. Kementerian Penerangan ini ada alim-ulamak yang tinggal di dalam Kementerian Penerangan. Kelmarin bila alim-ulamak jaga, saya-tanya kenapa terkangkang-kangkang. Seorang menyanyi di depan, yang dibelakang terkangkang-kangkang tidak tentu pasal. Tujuh lapan orang tersiat-siat. Apa pasal macam ini, awak ulamak dalam Kementerian ini. Apa pasal tidak hendak haramkan. Apa pasal mesti dibuat iklan-iklan dan segala nyanyian. Oh, dia kata ini mendapat wang. Kalau kita haramkan, kalau kila potong iklan-iklan yang seperti ini atau budaya yang seperti ini kita akan kekurangan wang. Duit mana hendak cari dan siapa hendak beri. Saya kata, bila kita ambil duit haram seperti ini, Allah s.w.t. qada, negeri ini akan hancur. Betul juga. Banjirlah, meletuplah kilang dan lain-lain. Berjuta ringgit habis.

Dulu ada seorang ulamak juga saya tegur dalam Kementerian-Kementerian, jangan kita buat kerja-kerja maksiat seperti ini. Sebab ada juga ulamak dalam Kerajaan yang mengatakan bahawa halal. Buat judi di Genting, halal. Dapat \$60 juta duitnya. Saya kata haram, tidak usah buat. Jadi dia terus buat juga, besoknya banjir seluruh Malaysia. Lepas banjir, kebakaran \$124 juta habis. Dapat duit maksiai \$64 juta habis \$124 juta. Jadi tidak usahlah buat kerja-kerja maksiat.

Lagi satu, filem yang tadi kita sebut, berkenaan dengan gangster atau jenayah. Macam mana tidak ada banyak jenayah, filem-filem dalam TV

sengaja ditayangkan, segala filem-filem jenayah yang hebat yang kadang-kadang alat-alat senjata Kerajaan pun kalah. Kalau kita tengok Polis bila buru penjahat, Polis masuk dalam sungai. Macam polis Sgt. Lobo. Mereka semua masuk sungai apabila dia mengejar penjahat. Dia sahaja kalah. Kemudian penjahat ini bila hendak kalah pula ada pula ketua polis di situ yang makan suap.

Jadi, filem-filem ini ditunjukkan menyebabkan rakyat sekarang yang bukan terdiri dari rakyat bodoh tidak ada kerja, rakyat yang mengaji di universiti, di luar negeri, di Amerika, di London dan di Universiti Malaya. Dia pun fikir kerja makan gaji lambat, \$600 mula-mula hendak jadi doktor; \$700 mula-mula hendak jadi ADO, baik aku jadi perompak yang besar. Jadi dia buat sindiket, mengupah budak-budak ini yang tidak ada pekerjaan, tiru seperti filem-filem barat. Akhirnya Sheriff Lobo ini kalah, kemudian perompak yang menang. Jadi filem yang seperti ini kalau kita tegur juga dengan Menteri Penerangan, dia kata suka tengok, tengoklah; tidak suka sudah. Barangkali isteri awak pun suka. Betul, isteri saya pun suka sebab isteri saya suka tengok orang bergaduh. Sebab dia tengok saya tidak pernah bergaduh dengan dia, dia suka tengok orang bergaduh, Saya tidak pernah hendak bergaduh, sampai 19 anak pun tidak pernah gaduh. Lepas itu dia cuba hendak bergaduh dengan saya, saya tidak mahu gaduh. Jadi bila dia tengok filem ini suka bergaduh, dia cukup suka (*Ketawa*) Jadi apabila kesannya begitu banyak jadi Kementerian Penerangan keluarkan juga.

Filem-filem yang baik pula, ada teladan yang baik, yang dakwah misalannya; orang yang taat kepada suami seperti contoh filem "Siti Zulaikha", kesah Siti Zulaikha taat setia kepada suami dia. Tengah-tengah hendak main filem itu, lepas itu keluar

dia punya iklan "Salem High Country". Terkangkang, terjuhi, rapat dekat dinding. Hilang semula sekali. Lama pula itu! Sampai 13 iklan. Sampai sudah lupa cerita Siti Zulaikha punya baik. Langsung tidak kuasa lagi hendak tengok, hendak tunggu lambat sangat, lebih baik aku pergi sembahyang Isyak. Zikir lebih baik daripada menunggu Siti Zulaikha hendak tunjuk baik dengan laki dia. Dah hilang. Segala iklan-iklan yang bukan-bukan, keluar. Sampai menjemukan. Macam iklan "Kent", saya sudah tidak boleh hendak tengok lagi. Tengok muka budak dalam iklan itu pun dah macam pondan. Dia terjun sekejap, naik-naik dia salam dengan orang. Hari-hari tengok muka dia. Rupa macam pondanlah dia ini, salam tidak tentu arah. Benci orang menengoknya. Tetapi kerana hendak juga iklan itu, kerana kita hendak duit. Jadi hendaklah Kementerian Penerangan tukarlah sedikit kepala dia.

Saya pergi ke Brunei, negeri Arab memanglah kita kata tidak boleh tunjuk tetapi dekat atas mereka tengok. Oleh sebab terlampau sangat di kontrol di negeri Arab, TVnya cuma tunjuk nyanyian, padang pasir daripada Jeddah pergi ke Mekah, Mekah hendak pergi ke Madinah...yalilil yaaini, ding-a-ding, ding, ding...itu sahaja. Jadi tidak puas, Arab-arab naik atas loteng dia buka film zina menzinah—ha! dia bertandak. Tetapi di Brunei—beberapa hari saya menjadi tetamu Kerajaan Brunei, saya tengok filemnya, Warta Berita, lepas itu dia mengaji sedikit, lepas itu dia tunjuk ucapan-ucapan yang baik - tidak sebegini hebat. Tetapi Tuhan memberikan kepada Brunei yang kecil itu wang sebanyak-banyaknya, setahun \$8 bilion duit deposit yang tidak dipakai. Britain pinjam dari Brunei. Kadang-kadang disedekah kepada orang—Pak Imam dari Terengganu pergi ke sana dapat \$1 juta lebih. Pak Imam yang ada saya tanya berapa gaji. Pak Imam punya gaji Brunei \$1,850 iaitu \$3,000 lebih duit kita. Masa saya pergi itu saya menjadi Pengerusi Potfolio Agama Negeri Melaka gaji baru \$6,000.

Tanya Pengerusi Portfolio Agama Brunei, Kementerian Agama - \$60,000, ada kapal terbang, ada bot laju, rumahnya sebesar-besar, Mercedesnya 520, kereta isterinya pun BMW, macam itu kaya Allah Taala beri—tidak ada pun gambar-gambar maksiat, gambar gusti pun tidak boleh keluar, Datuk Muftinya kata, kalau hendak saya jadi Mufti, gusti pun jangan keluar. Apa fasal tidak boleh keluar? Ya tak ya—berbuku. Cuba tengok tayangan gusti—ada sekali-sekali saya tengoklah tayangan gusti di waktu malam—berbuku. Apa benda yang berbuku itu? Haram. Benda yang haram seperti itu di Brunei tidak ditunjukkan. Allah Taala suka kepada negara itu menyebabkan negara itu kaya. Saya harap filem-filem yang merosakkan fikiran manusia ini ditukarkan sedikit.

Berbalik kepada negeri saya sendiri, dalam melaksanakan pembahagian Kerja Air. Seluruh Malaysia dan seluruh tanahair kita ini sedang membuat kemajuan pembangunan. Di Melaka juga ada pembangunan industri yang begitu banyak tetapi masalah air telah dihadapi oleh orang Melaka kerana air di Durian Tunggal—Durian Tunggal itu betul-betul dekat kepala rumah saya - kering. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memberi \$250 juta wang untuk menyambung paip daripada Muar terus ke Durian Tunggal. Saya baca statementnya, orang Johor kata dia tidak mahu beri dari Sungai Muar, hendak beri dari Sungai Grisik. Seorang pula bangun - tanah saya tidak mahu beri. Jadi ini akan menjadikan kegendalaan. Saya harap Kerajaan Persekutuan dan Menteri Kerja Raya sebagaimana yang dijanjikan hendaklah memberikan wang itu dengan serta-merta ataupun melaksanakan tugas dengan serta-merta supaya air jangan kering sekali lagi di Melaka.

Berkenaan dengan Kementerian Pertahanan—kita diberi taklimat malam tadi oleh Menteri Kewangan bahawa satu peruntukan yang terbesar sekali diberi kepada Kementerian

Pertahanan. Yang lain-lain seperti senjata kena curi dan sebagainya saya tidak sentuh, cuma berkenaan dengan helikopter Nuri, bila saya baca peruntukan yang hendak diberi oleh Kementerian Kewangan kepada Kementerian Pertahanan yang begitu banyak wangnya, hendak dibaiki juga Nuri itu. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua mempunyai pengalaman dan saya bisik tanya malam tadi, Tan Sri mengatakan memang Nuri itu patutlah digantikan dengan helikopter yang lain, helikopter yang boleh mengejar penjahat dengan laju, boleh membawa segala Jeneral-jeneral dengan baik. Yang kita kasihan ialah berapa banyak Jeneral-jeneral kita yang terbunuh akibat daripada Nuri. Nasihat daripada siapa yang kita hendak mengekalkan Nuri ini kita pun tidak tahu. Kalau Nuri ini sudah 15 tahun, 24 tahun kalau tidak boleh pakai lagi gantilah kepada yang lain. Yang tak boleh ganti, misalnya—bini sahaja, yang lain semuanya boleh ganti. Banyak orang kata bini jangan ganti, tambah boleh. *(Ketawa)* Itu petua pak saudara saya yang kuat, ini betul-betul. Nuri mesti ganti. Pak saudara saya tu kuat, tidak ada apa pekerjaan, jalan kaki menoreh getah tetapi isterinya tiga. Saya tanya padanya, apa fasal sampai pasang tiga? Dia kata, "isteri ini buang jangan. Aku sudah buang sekali dahulu, pengsan aku kerana gila talak, bila aku lambah dapat kesukaan. Bila aku pasang tiga, ketiga-tiganya sayang kepada aku." Tetapi Nuri ini patutlah dibuang sekarang juga dan jangan disimpan lagi.

Untuk memberikan peluang kepada kawan-kawan lain, saya rasa setakat itu dahulu ucapan saya, dan ini buat kali pertama saya masuk Dewan ini saya rasa menggigil juga. Macam sahabat saya Senator Ainon, sudah biasa sangat. Jadi dalam keadaan menggigil ini saya minta maaf, saya berhenti setakat ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang

di-Pertua kerana mengizinkan saya memberi ucapan pada petang ini. Wabillahitaufik-walhidayah wassalamualaikum-warahmatullahilaala wabarakatuh.

Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Terima kasih, Yang Berhormat.

5.77 ptg.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pandangan jauh beliau untuk membayangkan satu Wawasan 2020 untuk negara Malaysia. Pada pendapat saya, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua merupakan satu rancangan yang murni untuk membawa negara kita ke tahap pembangunan yang setanding dengan negara-negara maju seperti Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, Malaysia adalah negarayang masih muda dari segi usia jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa sudah banyak pembangunan dan kemajuan yang telah kita capai sejak pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama dan Dasar Ekonomi Baru. Saya berkeyakinan penuh bahawa dengan adanya objektif-objektif yang kukuh, adil dan tersusun rapi tersebut sudah tentu pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua akan membawa satu lagi era baru bagi negara Malaysia dalam usahannya ke arah -sebuah negara perindustrian di rantau ini.

(Tuan Adam bin Kadir mempelusrusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dielakkan bahawa sebagai pendahuluan kepada Wawasan 2020, maka kejayaan RRJP2 akan menjadi satu kebanggaan bagi setiap rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum dan wilayah. Saya berasa sangat gembira kerana program-program dalam RRJP2 mengandungi lebih banyak usaha-usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi yang wujud di beberapa tempat di seluruh negara ini, malah ia juga mengandungi program-program yang bertujuan untuk mengurangkan ketidakseimbangan wilayah melalui peningkatan pembangunan terhadap negeri-negeri yang kurang maju agar mereka dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan usaha yang khusus menumpu perhatian kepada isu kemiskinan yang masih berleluasa di seluruh Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa pada keseluruhannya keadaan kemiskinan di Malaysia semakin bertambah baik. Dalam perkara ini saya memuji Kerajaan atas kejayaan usaha-usahanya untuk mengalasi masalah kemiskinan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri merupakan salah satu pihak yang mengetahui lebih dalam tentang keadaan dan masalah kemiskinan yang berlaku di negeri berkenaan. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa adalah penting bagi Kerajaan Pusat dan Negeri untuk berunding dengan secara mendalam tentang setiap rancangan, dasar ataupun aspirasi Kerajaan Pusat yang melibatkan kepentingan negeri berkenaan. Ini penting untuk memaslikan perancangan dan pelaksanaan projek tersebut akan mencapai matlamat seperti yang dirancangkan. Jika sekiranya RRJP Pertama dan Dasar Ekonomi Baru telah gagal dalam beberapa usahanya untuk mencapai objektif dalam mengu-

rangkan mahupun dalam membasmi kemiskinan di negara ini, Kerajaan haruslah belajar daripada kesilapan-kesilapan tersebut.

Pada pandangan saya kegagalan Kerajaan untuk mencapai sepenuhnya objektif-objektif dalam RRJP Pertama dan Dasar Ekonomi Baru, adalah berpunca daripada pendirian atau langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usahanya untuk mencapai matlamat- matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menerangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa salah satu daripada kesilapan besar Kerajaan dalam RRJP Pertama dan Dasar Ekonomi Baru, adalah disebabkan oleh kekurangan saluran komunikasi di antara para perancang dan pelaksana. Oleh yang demikian, saya berkeyakinan penuh bahawa penyertaan yang lebih pesat dan pengagihan kuasa yang lebih kepada kakitangan Kerajaan di peringkat bawahan adalah amat penting supaya kedua-dua pihak, iaitu perancang dan pelaksana dapat bekerjasama dalam suasana yang harmoni untuk memastikan kejayaan berbagai rancangan dan projek seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan, menerusi penglibatan yang lebih banyak dan delegasi kuasa dengan izin, delegation of authority kepada negeri-negeri.

Pada pendapat saya pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua bukan sahaja akan berjaya dengan sepenuhnya, tetapi segala masalah yang melibatkan beberapa negeri masakini juga akan mengalami perubahan besar di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sudah sebutkan bahawa Wawasan untuk menjadi sebuah negara yang setanding dengan negara-negara yang sudah maju seperti Eropah,

Amerika Syarikat dan Jepun adalah sesuatu yang murni. Walau bagaimanapun adalah juga murni untuk sebuah negeri dalam negara ini untuk membayangkan dirinya setanding dengan negeri-negeri lain, terutamanya dalam kes Sabah dengan rakan-rakan senegerinya di Semenanjung Malaysia.

Walaupun Wawasan 2020 kelihatan amat menarik sekali, tetapi kita mesti melihat kedudukan negeri-negeri secara satu persatu kerana kadar pembangunan bagi setiap negeri adalah berbeza di antara satu sama lain. Ini berdasarkan kepada kekurangan infrastruktur dan kemiskinan yang masih berleluasa di beberapa negeri.

Saya ingin mencadangkan supaya sebelum Kerajaan melaksanakan program-program yang terkandung dalam RRJP Kedua, Kerajaan sepatutnya terlebih dahulu memastikan supaya tahap pembangunan di setiap negeri adalah sama rata. Jika tahap pembangunan bagi setiap negeri di negara ini dalam keadaan yang sama rata, maka saya percaya setiap negeri akan cukup bersedia untuk menghadapi cabaran untuk mencapai Wawasan 2020, dan dengan itu negara ini akan dapat menjadikan Wawasan 2020 sebagai kenyataan dengan lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa adalah penting bagi setiap wilayah di seluruh negara ini berada dalam tahap pembangunan yang sama pada setiap masa. Ini akan menghapuskan prasangka dan rasa dianaktirikan dari segi pembangunan. Dalam keadaan tersebut anggapan bahawa sesuatu negeri tersebut ketinggalan dari segi usaha-usaha pembangunan akan berkurangan, bahkan ini akan memudahkan pihak Kerajaan untuk memperkenalkan dan melaksanakan penilaian yang sistematik terhadap pembangunan dengan cara lebih teratur, adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak ada sebarang langkah untuk memastikan satu tahap pembangunan yang seimbang di negara ini ke arah Wawasan 2020, saya khuatir pada akhirnya kita akan melihat satu bentuk ketidakseimbangan seperti yang kita alami sekarang. Seharusnya tidak ada negeri-negeri yang merasa ketinggalan di dalam usaha negara mencapai Wawasan 2020. Negeri-negeri yang kurang maju tidak harus dibiarkan sendiri untuk bersaing dengan negeri-negeri yang sudah maju kerana pembangunan dalam setiap negeri terhad dari segi peruntukan kewangan dan sumber-sumber. Sepatutnya Kerajaan Pusat memberikan perhatian utama kepada negeri-negeri yang kurang maju supaya pembangunan dapat diseimbangkan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa semenjak pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama dan Dasar Ekonomi Baru, banyak kawasan di seluruh negara telah menerima kemudahan-kemudahan asas seperti pelajaran, kesihatan, perhubungan luar bandar, perumahan, air dan elektrik. Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan asas ini masih boleh dipertingkatkan terutama sekali di kawasan-kawasan yang terpencil di negeri Sabah. Misalnya dalam bidang pendidikan Sabah masih ketinggalan jauh di belakang.

Berhubung dengan negeri Sabah, saya ingin menekankan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan mestilah mengambilkira segala aspek pembangunan, keadaan dan persekitaran negeri tersebut sebelum pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua agar Sabah akan lebih bersedia menghadapi cabaran ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira kerana Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, akan melaksanakan dasar-dasar dan menitikberatkan

peningkatan peluang-peluang pekerjaan kepada kaum wanita dalam negara ini. Memandangkan kaum wanita merupakan 50% daripada jumlah penduduk negara ini, maka Kerajaan harus meneliti peranan wanita sebagai potensi untuk mencukupi keperluan tenaga kerja di negara ini dalam perindustrian.

Saya percaya bahawa di Malaysia sumbangan penuh wanita dalam sektor swasta masih belum dipelopori. Oleh yang demikian, masih banyak lagi boleh dilakukan oleh Kerajaan untuk mengeksploitasikan sumber-sumber dalam aspek ini untuk memenuhi keperluan sebuah negara perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah untuk menarik lebih ramai wanita supaya melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dengan tujuan untuk meningkatkan kedudukan untuk wanita. Saya mcrasa sungguh gembira kerana sistem pendidikan dan latihan di bawah Rancangan Malaysia Keenam mempunyai matlamat untuk melengkapkan warganegara Malaysia dengan pengetahuan dan kemahiran tertentu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Tetapi saya berharap dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan program perindustrian, Kerajaan harus memastikan supaya latihan bagi tenaga buruh yang mahir perlulah melibatkan pengambilan wanita yang lebih ramai.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana peruntukan sejumlah \$20 juta untuk menyokong pelaksanaan program-program dan projek-projek untuk wanita di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Malangnya jumlah \$20 juta ini adalah terlalu sedikit berbanding dengan jumlah kaum wanita yang meliputi hampir separuh daripada jumlah penduduk negara ini. Saya rasa jika sekiranya Kerajaan benar-benar ikhlas

untuk menggalakkan wanita di negara ini untuk memainkan peranan utama dalam usaha Kerajaan ke arah perindustrian, Kerajaan harus memperuntukkan sejumlah wang yang agak besar khas bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat pertumbuhan-pertumbuhan seperti Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID) dan Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menjaga kepentingan wanita dalam negara ini, program-program atau projek-projek untuk kebaikan wanita bukan sahaja terhad, tetapi juga tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna disebabkan oleh masalah kewangan. Adalah harapan saya agar Kerajaan juga harus memastikan peruntukan yang cukup untuk membiayai segala rancangan dan program yang perlu supaya wanita di negara ini dapat menyertai dengan aktif usaha-usaha untuk menjadikan Wawasan 2020 satu realiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Dasar Pembangunan Nasional yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini.

Tuan Adam bin Kadir: Sila.

5.34 ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar bin Baba, iaitu berhubung dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991 hingga 2000 di mana pembentangan Usul ini telahpun dibuat oleh Yang Amat Berhormat pada petang semalam. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad atas kebenaran pemikiran Perdana Menteri kita itu di mana amat membanggakan dan ianya adalah melambangkan satu Wawasan yang menasabah dan boleh dilaksanakan. Sebagaimana kita melihat pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai menjangkau lebih jauh untuk meliputi kepentingan rakyat jelata. Dengan kegigihan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir keprihatinan beliau akan brrcambah dan menjadi pedoman kepada kita semua juga kepada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh ucapan dasar Perdana Menteri mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua di Dewan Rakyat barubaru ini, sekaligus selari dengan Dasar Pembangunan Negara kepada Wawasan 2020, di dalam waktu yang ada ini, saya juga ingin mengambil peluang ini bagi menyatakan sesuatu mengenainya kerana tidak mahu tertinggal dengan Wawasan yang rata-rata mendapat liputan dan cita-cita rakyat di serata ceruk rantau negara ini, seolah-olah menunggu buah yang hampir masak, yang akan gugur tidak berapa lama lagi untuk dinikmati bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong saranan Dato' Seri Dr Mahathir itu dan mengalu-alukan mengenainya di mana Dato' Seri dengan jelas menyebut bahawa untuk menyatakan dan mengemukakan beberapa pandangan dan pendapat beliau mengenai arah dan tujuan negara di masa depan, atas pemikiran Yang Amat Berhormat itu amatlah membanggakan di mana ini adalah melambangkan satu Wawasan yang menasabah dan boleh dilaksanakan. Bagaimana kita melihat tujuan baik mengenai negara kita di masa depan dan bagaimana kita patut berusaha untuk mencapai matlamat mem-

bangunkan Malaysia menjadi sebuah negara maju yang kemakmurannya dinikmati oleh seluruh rakyat yang berlandaskan keimanan dan perindustrian yang benar-benar canggih dan moden.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat mahu dalam jangka 30 tahun lagi kita semua rakyat Malaysia mestilah bersatu di bawah satu payung Kerajaan yang benar-benar mantap dan tidak berpecah dari segi politik dan perpaduan kaum kerana kekuatan di dalam kemajuan adalah terletak di dalam dasar perpaduan ini. Malaysia sebenarnya boleh menjadi sebuah negara yang bersatupadu sekiranya semua rakyat Malaysia yakin dengan pemimpin dan mempunyai nilai-milai moral dan etika yang kukuh dan hidup di dalam masyarakat demokratik, liberal, bertolak-ansur dan penyayang, pengagihan ekonomi yang adil, progresif dan makmur dan tiada kaum yang merasa terhina di negara ini dan rakyat merasa bangga menjadi rakyat Malaysia. Bukan seperti sekarang ini masih terdapat rakyat Malaysia yang masih mendewa-dewakan negara asal keturunan mereka, lebih dari negara ini sendiri padahal dia lahir dan menjadi warganegara Malaysia. Orang-orang beginilah yang menjadi dalang kepada unssur-unsur luar yang hendak memusnahkan perpaduan kita. Kenapakah ini berlaku, kerana disebabkan oleh perasaan dan anggapan yang mana kaum bumiputera atau orang-orang Melayu dan penduduk asal negara ini adalah satu kaum yang lemah di dalam semua bidang sama ada intelektual, ekonomi atau lain-lain. Ini semua adalah asuhan atau tanaman politik penjajah supaya orang-orang asal negara ini dihina, dikeji, dicemuh dalam semua bidang. Lantaran itu terdapat kadang-kadang orang-orang Melayu sendiri merendah-rendahkan bangsanya sendiri. Tindakan seolah-olah kalau bukan Melayu yang menjalankan kerja-kerja itu sudah lama

maju dan terus berjaya. Itulah kata-kata cabaran yang hendak dihapuskan oleh pemimpin yang bernama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dengan memberi beberapa pembaharuan yang sungguh-sungguh membanggakan kepada kita semua.

Dengan adanya Wawasan 2020 ini program yang pertama yang perlu diketarakan bagi menghadapi Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini ialah perpaduan rakyat yang bersatupadu, mewujudkan negara Malaysia yang bersatu padu mempunyai matlamat yang dikongsi bersama seluruh rakyat dan berbagai kaum agar semua negara yang aman, wilayah, hidup dalam harmoni, saling bantu-membantu, hormat-menghormati antara kaum, mempunyai politik yang mantap dan dedikasi dan mempunyai pemimpin yang setia dan jujur kepada negara untuk kekal sebagai sebuah negara yang demokrasi, bebas, aman, makmur dan berteraskan unsur-unsur kerohanian yang suci dan ketuhanan yang Maha Esa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat kepada kehendak atau Wawasan 2020 yang telah ditetapkan oleh pemimpin yang berjiwa rakyat itu, di mana dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir mengenai hal ini, bahagian keduanya, dapatlah dirumuskan, anlara lain, di mana Malaysia di suatu waktu yang singkat, sekalipun kita sudah pergi, mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri dan berbangga dengan apa yang ada dan apa yang dicapai. Berani menghadapi masalah sekalipun rumit dan masyarakat Malaysia suatu waktu akan dikenali sebagai satu bangsa yang cemerlang, sedar akan dirinya, mampu melakukan sebarang usaha yang berat dan cangih, tidak mengalah kepada sebarang cabaran yang datang dan menuju ke arah kecemerlangan serta dihormati oleh negara-negara lain.

Oleh itu di dalam usaha merealisasikan perkara-perkara ini, pastilah berkehendakkan kepada suatu usaha yang benar-benar mampu dan berwibawa dari kepimpinan yang kental dan berhajat pula kepada suatu peruntukan yang logik, cukup dan cermat. Oleh itu saya tidak ragu-ragu memberikan kepercayaan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar untuk menjaga kewangan yang stabil dalam menghadapi Wawasan 2020 ini pada peringkat permulaan ini agar ianya benar-benar stabil dan mempunyai ciri-ciri yang berbeza dari konsep penjajah kerana setahu saya, kewangan dan cara-cara perbelanjaan di negara ini sudah berjalan sejak penjajah lagi dan saya nampak tidak begitu banyak perbezaannya. Oleh itu saya cadangkan di sini, carilah satu formula yang baru bagi membelanjakan wang negara ke arah merealisasikan unsur-unsur keislaman yang tidak menjatuhkan status negara dan akan lebih dipercayai dan dirahmati oleh Allah kerana orang yang menjalankan apa yang diajar oleh Islam sahaja akan mendapat rahmat dan berkat dari Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tilik pula sepintas lalu di atas ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mahathir di dalam perenggan ketiganya, ingin menerangkan Wawasan 2020 ini yang mana beliau mengharapkan segala usaha harus ditumpukan untuk mewujudkan serta membangunkan suatu masyarakat Malaysia yang demokratik dan malang serta intelektual di mana demokrasi Malaysia yang berasaskan masyarakat berbilang kaum yang boleh menjadi contoh kepada negara-negara membangun yang lain sebagai sebuah masyarakat yang tersusun dan mempunyai ciri-ciri kepercayaan sendiri dan mampu menghadapi sebarang cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menuju sebagai sebuah negara Malaysia yang maju, pastilah menghadapi beberapa kemelut etika atau beberapa pergelutan akhlak dan moral sebagai sebuah

negara yang bebas dalam semua hal. Maka kita perlu mewujudkan suatu masyarakat Malaysia yang bermoral dan berakhlak mulia melalui berbagai-bagai aktiviti agama dan masyarakat yang mana memerlukan suatu perancangan yang benar-benar teratur dan menarik bukan sekadar melepaskan kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Bahkan perlu diambil inisiatif sama oleh semua golongan sama ada pemimpin politik, ekonomi atau sosial, biar ianya benar-benar menjadi warganegara yang kukuh di dalam nilai-nilai agama dan kerohanian dan didorong oleh suatu akhlak yang terpuji, yang diterima oleh kawan dan lawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar tertarik dengan saranan Yang Amat Berhormat di mana kita mengharapkan supaya terbentuk Malaysia ini sebuah masyarakat yang liberal dan bertolak-ansur di antara kaum, bebas mengamalkan agama, adat budaya masing-masing tetapi pada masa yang sama meletakkan kesetiaan kepada sebuah negaranya iaitu Malaysia yang tidak akan berbelah bagi. Saranan ini tidaklah payah di dalam bercakap tetapi amatlah sulit untuk melaksanakannya kerana ianya melalui proses pembentukan sosial dan pergaulan yang terancang seperti proses pendidikan generasi baru selepas merdeka. Untuk itu Kementerian Pendidikan perlulah memikirkan suatu pendidikan yang bersepadu dan harmoni di mana penempatan kerja di sektor swasta bagi lepasan pengajian untuk belia-belia bumiputera tidaklah menjadi satu bidang yang dicemuh dan diukur mengikut kaum dari segi tahap kerja dan kemampuan sesuatu etnik kaum.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan yang luar biasa dan masyarakat yang memandang jauh ke hadapan, di dalam pembentukan kemanusiaan di mana menjadi

pengguna teknologi tinggi, malah masyarakat yang akan menyumbangkan kepada suatu tamadun saintifik dan teknologi di mana rekaan-rekaan baru yang boleh menggugat pasaran dunia seperti Proton Saga dan lain-lain yang sekarang telah mula menampakkan ciri-ciri kemajuannya. Memang kita sedar, bahawa rakyat Malaysia boleh membuatkan sesuatu yang menyemarakkan lagi namanya di arena antarabangsa jika pemimpin yang benar-benar berwibawa dan matang seperti Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad. Dan ini memang tidak dapat disangkal lagi andainya Perdana Menteri kita, kita gelarkan dengan "Bapa Malaysia Maju".

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menempuh kemajuan Malaysia ke arah perindustrian yang begitu sibuk dan mencabar itu, maka rakyat Malaysia tidak seharusnya melupakan suatu tugas yang abadi kepada masyarakatnya iaitu mewujudkan sifat penyayang di dalam diri masing-masing untuk membendung satu sistem sosio yang mengutamakan masyarakat atau orang lain lebih dari diri sendiri. Dengan sifat ini kita bekerja, berusaha dan berfikir ke arah kemuliaan dan disokong oleh semua lapisan masyarakat dan dianjurkan oleh Allah s.w.t. yang Maha Esa ke arah mendapat pahala dan diredhai olehNya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membentuk sebuah masyarakat yang adil dalam segi pembahagian ekonomi di mana pengagihan kekayaan negara dibahagikan secara adil menurut lunas-lunas negara dan kepercayaan rakyat, yang mana terdapat perkongsian yang sama di dalam bidang ekonomi bagi setiap rakyat Malaysia dan tidak timbul lagi kedudukan kaum etnik yang diberi keutamaan dan kurang diberi keutamaan dan masyarakat demikian pasti tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, atau kemunduran ekonomi dan unsur-unsur lain seperti tempat,

kedaerahan, keluarga dan lain-lain yang membawa kepada keruntuhan sistem sosio yang mengutamakan masyarakat penyayang dari yang lain. Ini berlandaskan kepada cita-cita mewujudkan sebuah masyarakat yang makmur di mana ekonominya ialah dibentuk secara bersaing, dinamik, berkembang dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada Wawasan 2020 ini selari dengan Dasar Pembangunan Nasional yang terdapat di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) merangkumi tempoh 1991-2000, daripada strategi yang dinyatakan ini jelas menggambarkan bahawa Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah dua nama yang mempunyai ciri-ciri yang sama dari segi tindakan, orientasi, strategi dan matlamat untuk pembangunan masa depan negara.

Sekaligus merangkumi pembangunan insaniah dan masyarakat Malaysia di maha wawasan ini sungguh menarik, bukan kerana ianya berkaitan dengan soal bilangan tetapi lebih dari itu ialah mutunya yang dititikberatkan. Dengan lain-lain perkataan, kita bukan mengharapkan kaum bumiputera yang ramai dalam merealisasikan kemajuan ini malah mestilah mempunyai masyarakat bumiputera yang berkualiti dan mampu bersaing dengan masyarakat lain yang ada di Malaysia, mahupun dunia umum yang terkenal lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan saranan Yang Amat Berhormat di akhir ucapan beliau iaitu berhubung dengan Kerajaan akan memastikan jenteranya di semua peringkat diurus dengan cekap, maka di sini saya ingin menyentuh berhubung dengan sistem kenaikan pangkat dan sistem gaji pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang ada sekarang ini. Pada pandangan

saya ia tidak memberi galakan kepada mereka untuk memberi sumbangan yang lebih baik di mana seolah-olah menyekat mereka daripada maju ke depan kerana kekurangan jawatan dalam satu-satu bidang, maka ramailah pegawai-pegawai kita yang baik dan bagus perkhidmatannya tersekat di tengah jalan. Oleh kerana peranan pegawai-pegawai ini amat penting di dalam menjayakan RRJP2 dan seterusnya menjayakan Wawasan 2020 ini, maka kebajikan pegawai-pegawai perlulah diambilkira kerana kalau mereka ini tidak memainkan peranan dengan baik, maka Wawasan 2020 ini tidak akan berjaya. Oleh itu sistem kenaikan pangkat perlu diubah kepada skim yang lebih baik dan menasabah kepada pihak mereka ini supaya cita-cita murni ini akan dapat berjalan dengan baik dan jaya.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000. Sekian, lerima kasih.

Tuan Adam bin Kadir:
Dipersilakan Senator Johan.

5.53 plg.

Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk ikut serta dalam perbincangan di Dewan Negara pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan ucapan sulung bagi saya dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong kerana perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara dan juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Tun Datu Haji

Mustapha bin Datu Harun kerana memberikan kepercayaan kepada saya untuk berkhidmat sebagai Senator di dalam penggal pertantikan ini. Tanggungjawab yang telah diberikan ini adalah besar dan akan menjadi pendorong utama kepada saya untuk terus memberi perkhidmatan kepada rakyat dan negara, terutama di dalam usaha-usaha untuk mendekatkan negeri Sabah dengan negeri-negeri lain di dalam negara kita dan di antara Sabah dengan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah mengumumkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia di mana Malaysia dirancang untuk menjadi sebuah negara yang lebih maju di dalam semua bidang menjelang tahun 2020. Para ahli fikir Malaysia berpendapat Malaysia haruslah diberikan kepujian kerana telah dapat merangka satu program jangka panjang yang menyeluruh untuk mengalirkan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membantu arus perkembangan negara supaya mencapai taraf yang lebih tinggi lagi di dalam bidang-bidang ekonomi, politik, pendidikan, pertanian, perikanan, industri, kesihatan, perkhidmatan dan banyak lagi.

Malaysia adalah sebuah negara yang sangat bertuah. Kita mempunyai anggota Kabinet dan para pemimpin yang tidak mudah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara ini, walaupun kita telah mencapai rekod kejayaan yang tinggi di dalam semua rancangan Malaysia dari semenjak kita merdeka.

Peringkat permulaan OPP2 yang bermula dengan Rancangan Malaysia Keenam adalah diharapkan sekaligus dapat menutup apa jua pemikiran daripada golongan penentang yang selama ini mengkritik Kerajaan dan negara kita. Dasar Pembangunan

Nasional (DPN) yang baru ini diharapkan dapat menyedarkan mereka bahawa Malaysia dan bangsanya mampu menjadi negara yang lebih maju di rantau Timur Jauh, manakala kita memasuki tahun 2020 sebagaimana yang sama-sama kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$140 bilion untuk membiayai Rancangan Malaysia Keenam adalah melambangkan hasrat Kerajaan untuk melipatgandakan hasil daripada apa yang telah diasaskan oleh negara kita sebelum ini. Jelas sekali pengagihan \$2.3 bilion bagi Sabah adalah sebagai satu usaha yang berterusan daripada Kerajaan Persekutuan yang mahu melihat agar Sabah tidak ketinggalan di dalam bidang kemajuan yang dirancang untuk seluruh negara, meskipun Kerajaan Sabah pada hari ini tidak lagi menganggotai Barisan Nasional.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa pergolakan politik di Sabah di dalam masa enam tahun yang lalu hampir-hampir tidak lagi melambangkan Sabah sebagai sebuah negeri di bawah bayu. Sabah telah dilanda dengan ribut taufan politik yang hampir mengancam perpaduan di dalam negara kita. Ada pula pihak-pihak tertentu yang telah cuba mengambil kesempatan untuk memesonkan pemikiran dan mentaliti rakyat supaya benci dan hilang kepercayaan terhadap matlamat kebangsaan kita. Jika pihak-pihak tertentu ini berjaya di dalam niat mereka, maka apa jua usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Sabah akan menjadi sia-sia. Demi kesejahteraan dan keselamatan negara kita, Kerajaan Persekutuan hendaklah bertindak dengan tegas untuk menghalang mana-mana pihak yang mahu mengambil kesempatan hendak memecahbelahkan perpaduan rakyat di Sabah. Walau bagaimanapun, pergolakan politik di Sabah mungkin

mempunyai suatu hikmat yang boleh sama-sama kita pelajari dan kita sama-sama mencari jalan untuk mengatasirinya.

Perbelanjaan besar yang disediakan oleh Kerajaan Pusat untuk Sabah yang meningkat sebanyak \$50 juta berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelima, menunjukkan Kerajaan Pusat tidak membeza-bezakan ataupun menganaktirikan negeri Sabah. Ini adalah satu tanda meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan dan Kerajaan Persekutuan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak semua rakyat di Sabah termakan hasutan pihak-pihak tertentu, malah kami daripada Barisan Nasional mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kerana memberikan peruntukan yang begitu besar dan juga kami mengalu-alukan peruntukan yang telah disediakan untuk Sabah. Peluang bagi menyampaikan projek-projek yang dirancangan oleh Kerajaan untuk kawasan bandar dan luar bandar adalah terbuka begitu luas.

Di sinilah letaknya penilaian. Rakyat akan menilai sama ada pelaksanaan projek-projek di Sabah mampu memenuhi sifal-sifat yang diharapkan. Pelaksanaan projek-projek di Sabah bukan sahaja terletak pada nilai yang mestilah mempunyai mutu dan taraf yang baik. Jika pada suatu ketika kami bersungut di atas keadaan jalan-jalan raya yang tidak memuaskan, maka pada kali ini mestilah ada perbezaannya daripada masa-masa yang lalu. Kita mesli juga memberikan tumpuan kepada mutu supaya projek-projek yang disampaikan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia Kecnam ini dapat dinikmati oleh rakyat menurut taraf kebangsaan. Kebanyakan jalan-jalan raya di Sabah

masih belum memuaskan, walaupun kita menyedari bahawa kewangan yang disediakan untuk membuat jalan-jalan di Sabah telah banyak dikeluarkan pada tahun-tahun yang kebelakangan ini. Akan tetapi bila dibuat perbandingan kita dapati mutu jalan tidak mencapai tahap sebagaimana perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Sungguhpun Kerajaan Persekutuan senantiasa mengingatkan para pengguna jalan raya supaya tidak membawa muatan yang berlebihan, tetapi keadaan di Sabah, terutama dalam hal pengangkutan kayu-kayu balak, selalunya sebuah kenderaan pengangkutan diisi berlebihan seolah-olah hasil hutan akan dihabiskan pada hari itu juga. Akhirnya membawa kesan kepada kerosakan besar pada jalan-jalan raya yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Oleh itu di samping memberikan kemudahan jalanraya, maka adalah diharapkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat memperingatkan tiap-tiap yang berkenaan di Sabah untuk sama-sama menjaga mutu jalan raya supaya ketahanannya dapat digunakan untuk masa yang lebih panjang. Ada sesetengah jalan raya belum sampai lima tahun sudah menghadapi kerosakan besar. Kerajaan Negeri Sabah hendaklah membantu Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini.

Di dalam hal yang lain, Kerajaan Persekutuan telah memberikan peruntukan lebih \$18 juta pada tahun yang lalu untuk road maintenance daripada Beaufort ke Sipitang dan Beaufort ke Menumbok. Malang sekali keadaan jalan-jalan raya tidak memuaskan, seolah-olah keadaannya tidak ada kerja-kerja maintenance dilakukan oleh tiap-tiap yang diberikan kontrak. Kita juga memerlukan jalan-jalan yang lebih baik untuk menghubungi Beaufort ke Menumbok dan ke Kuala Penyu. Selain daripada itu, jalan kecil hendaklah diwujudkan

dengan seberapa banyak di Sabah untuk meningkatkan kemudahan rakyat serta membolehkan mereka mendapat kemudahan untuk meningkatkan dan mengembangkan ekonomi mereka terutama sekali di luar bandar. Saya difahamkan sebentar tadi bahawa jalan raya Beaufort-Menumbok akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keenam pada tahun hadapan dan saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa keadaan politik di Sabah pada ketika ini, kami rakyat di Sabah tidak mahu tercicir di dalam apa jua program yang digariskan di bawah matlamat Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Kemajuan rakyat baik dari mana sekalipun adalah menjadi kebanggaan kepada negara kita. Rancangan Malaysia Keenam adalah diharapkan dapat menyerap sebanyak banyak penganggur-penganggur di Sabah yang jumlahnya adalah besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana dapat menyediakan banyak kemudahan yang kita fikirkan banyak mendatangkan faedah kepada rakyat di negeri Sabah. Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bahaskan di sini ialah baru-baru ini berkenaan dengan apa yang telah keluar di dalam suratkhbar. Tuan Yang di-Pertua, di dalam suraikhbar ini ada menyatakan bahawa wakil dari Kota Belud menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam projek-projek pembangunan hendaklah dijalankan dengan teratur dan tidak ada penyelewengan dan beliau mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan pengawas di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat hairan, mengapa baharu sekarang wakil dari Kota Belud ini mahu mencadangkan dan mengesyorkan supaya ditubuhkan satu badan

pengawas yang boleh dikatakan oleh orang-orang Sabah sebagai mata-mata gelap. Tuan yang di-Pertua, kalau badan ini mereka tubuhkan pada enam tahun yang lalu, saya percaya penyelewengan-penyelewengan projek-projek di Sabah ini tidak akan berleluasa. Saya percaya Kerajaan Persekutuan adalah pakar kepada perkara ini dan saya percaya Kerajaan Persekutuan mempunyai banyak pengalaman dari segi ini. Tidaklah membimbangkan kepada wakil kita dari Kota Belud ini supaya harus ditubuhkan lagi satu badan pengawas ini dan saya percaya dalam Rancangan Malaysia Keenam dengan peruntukan sebanyak \$2.3 bilion ini yang disalurkan ke Sabah, saya percaya Kerajaan Barisan Nasional sudah begitu mahir dan berpengalaman dari segi projek-projek pembangunan mahupun dalam bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi yang lain di negeri Sabah—pada ketika ini tahap kemiskinan adalah sangat tinggi. Apa yang kita harapkan Rancangan Malaysia Keenam pada kali ini agar dapat mengurangkan kemiskinan, agar dapat mengurangkan pengangguran di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga hendaklah tegas di dalam menghadapi sebarang ancaman untuk mengganggu mana-mana kawasan dan wilayah di dalam naungan negeri Sabah dan setiap kali hendaklah berwaspada terhadap sebarang ancaman luar yang berhasrat untuk mempertikaikan dan berhasrat untuk menuntut Sabah dan saya percaya perkara ini dapat diaiasi dengan seberapa segera.

Dalam hal-hal yang lain, Kerajaan Pusat tidak boleh bertolak ansur dan hendaklah bertindak dengan apa cara sekalipun demi menjaga maruah dan keselamatan rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sekali lagi saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya dan

saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 24hb Julai 1991. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Abdul Kadir:
Hebat, maiden speechnya. Silakan Yang Berhormat.

6.70 *ptg.*

Tuan Abdul Rashid bin Ismail:
Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga turut mengambil bahagian dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000. Jika kita mempertimbangkan isi dan matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991 sehingga 2000 dengan adil dan saksama, kita merasakan bahawa matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini, memperlihatkan kepada kita bahawa Kerajaan yang ada pada masa ini adalah benar-benar sebuah Kerajaan yang amat prihatin terhadap nasib dan masa depan keseluruhan rakyat terutama kepada golongan yang miskin.

Jika kita mengikuti sejarah, pembangunan dan kemajuan di negara-negara di rantau sini, sejarah membuktikan kepada kita bahawa Malaysia adalah satu-satu negara yang dapat dan mampu mengatasi masalah-masalah rakyat dengan berkesan menerusi beberapa rancangan dan strategi pembangunan negara.

Pembangunan perindustrian negara ini adalah satu contoh yang terbaik di mana perindustrian telah dapat mengatasi masalah pengangguran dan menerusi strategi Dasar Ekonomi Baru dan juga dapat mengurangkan kadar kemiskinan rakyat walaupun masalah kemiskinan masih lagi menghantui sebahagian rakyat terutama rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar.

Kita semua tahu bahawa Deklarasi Langkawi telah membuat dan menyedarkan kita betapa betapa

pentingnya penjagaan alam sekitar yang perlu dilakukan oleh setiap rakyat negara ini. Melalui Deklarasi ini kita mahu menyedarkan masyarakat bahawa alam bukan hanya dilihat sebagai hak di mana manusia berhak pula untuk memusnahkan alam menerusi projek pembangunan. Di mana fahaman alam sebagai hak adalah satu fahaman yang diimport dari negara Barat. Pada masa ini kita melihat alam bukan lagi sebagai hak mutlak manusia tetapi kita melihat alam adalah satu amanah Tuhan yang perlu dijaga tentang kesucian dan kesinambungannya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita masih ingat di dalam persidangan Dewan yang lalu menerusi ucapan saya, saya telah memberikan penekanan terhadap penjagaan alam sekitar. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, selepas beberapa lama persidangan Dewan tamat, kita telah digemparkan dengan satu isu yang cukup serius di mana pembalakan secara haram telah berlaku di kawasan hutan Ampang dan Gombak. Alhamdulillah, syukur kita kepada Tuhan kerana Yang Berhormat Saudara Fuad Hassan dengan penuh berani telah mendedahkan tentang sindiket yang cuba mengaut keuntungan dengan mencuri kayu balak di tempat berkenaan. Dan juga baru-baru ini kita juga digemparkan bahawa pence-robahan hutan hampir seratus hektar di Sungai Tonggak, Hulu Kinta.

Berhubung dengan kes ini, kita juga amat kesal dengan satu kenyataan yang memberitahu kita bahawa pihak Jabatan Perhutanan mengalakan bahawa pihak Jabatan tidak menyedari tentang kecurian balak di kawasan tersebut. Kenyataan yang dibuat oleh pihak Jabatan Perhutanan bolehlah ditafsirkan bahawa kakitangan Jabatan berkenaan tidak mampu menjalankan tanggungjawab dengan cekap. Kita tidak boleh menerima kenyataan pihak Jabatan bahawa kakitangan Jabatan tidak menyedari tentang kecurian balak yang begitu banyak. Kelemahan serta

ketidakcekapan kakitangan tersebut telah menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian berjula-juta ringgit di mana kerugian ini telah mengakibatkan wang rakyat lelah hilang dengan begitu sahaja.

Bertolak dari keadaan sedemikian, saya ingin memberi satu cadangan. Di samping kita mengambil tindakan tegas terhadap kakitangan yang terlibat, Kementerian yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa perkara yang sedemikian tidak akan berlaku lagi dan kakitangan yang berkenaan hendaklah diberi kursus kesedaran tentang betapa penlingnya amanah yang perlu dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan sekali lagi saya menyuarkan tentang ucapan saya yang telah lalu mengenai tentang bahaya mercun. Alhamdulillah selepas itu pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengharamkan permainan mercun di waktu perayaan menyambut Hari Raya Puasa. Selepas itu kita telah digemparkan pula dengan satu tragedi yang paling serius dan dramatik tentang kebakaran kilang mercun Bright Sparklers di Sungai Buluh yang meragui puluhan nyawa. Peristiwa ini sckali lagi telah menggemparkan masyarakat tentang kewujudan kilang-kilang haram yang beroperasi di negara ini. Peristiwa ini sekaligus mengajak masyarakat berfikir tentang soalbagaimana kilang-kilang haram ini boleh beroperasi tanpa mendapat kebenaran dari pihak-pihak yang berwajib.

Saya mengesyorkan agar pihak Kementerian mengkaji semula tentang kewujudan semua kilang-kilang di seluruh negara dalam konteks untuk memastikan bahawa tidak ada lagi kilang-kilang haram dan menjamin tentang keselamatan pekerja-pekerja kilang. Pihak Kementerian harus juga memastikan supaya kilang seumpama ini tidak wujud di kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi bercakap mengenai persoalan hubungan antara manusia dan penjagaan alam sekitar. Baru-baru ini di akhbar telah melaporkan tentang pembuangan sisa toksik yang bertempat di Tanjung Batu, Pantai Remis, Perak. Akibat dari pembuangan sisa toksik ini, penduduk-penduduk sekitar kawasan tersebut yang kebanyakan golongan nelayan tidak begitu senang kerana ia boleh menyebabkan kehidupan laut terancam dan boleh menjejaskan sumber rezeki kepada nelayan di kawasan tersebut.

Sebenarnya hal ini tidak akan berlaku kalau pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mempunyai peraturan yang berkesan tentang tempat atau kawasan sisa toksik itu dibuang oleh pihak kilang. Pada masa ini pembuangan sisa toksik ini bukan sahaja sedang mengancam penduduk Pantai Remis tetapi satu tempat lagi yang telah dikenalpasti dengan pencemaran sisa buangan kilang ialah di kawasan perindustrian Perai, Pulau Pinang. Sisa buangan kilang dari kawasanperindustrian Perai, Pulau Pinang lelah menyebabkan ribuan nelayan di Kuala Juru, Pulau Pinang dalam keadaan gelisah. Menurut penduduk di sekitar itu beberapa hidupan laut di sekitar kawasan tersebut telah pupus. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa nelayan-nelayan di sekitar Kuala Juru banyak terlibat dalam projek ternakan kerang. Oleh kerana pembuangan toksik kilang yang tidak terkawal ini menyebabkan nelayan di situ dihantui oleh rasa takut kalau-kalau hasil ternakan kerang mereka juga akan turut terancam.

Di sini saya sekali lagi melihat betapa pentingnya pihak Kementerian yang berkenaan patut mengadakan sistem kawalan dan penyediaan tempat untuk pembuangan sisa bahan kimia beracun ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, adalah satu perkara yang amat janggal dalam kemajuan

perindustrian dalam negara kita sekarang di mana kita membenarkan kilang-kilang tumbuh sebagai cendawan selepas hujan. Tetapi dalam masa yang sama, kita tidak mempunyai peraturan untuk menempatkan sisa buangan dari kilang-kilang dan hal ini menyebabkan kilang-kilang membuang sisa menurut selera masing-masing dan akibatnya sungai-sungai dan laut menjadi tempat longgokan bahan-bahan tersebut.

Pada ketika ini, sepertimana yang kita tahu, atas nama Kementerian Pelancongan, atas nama pelancongan kita di Pulau Redang di Terengganu sedang juga rancak dibangun dan baru-baru ini kenyataan akhbar telah melaporkan oleh seorang yang berkuasa di negeri Terengganu mengingatkan pihak-pihak yang tertentu, dalam proses pembangunan Pulau Redang ini

Tuan Adam bin Kadir: Pulau Redang ya?

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Pulau Redang, supaya berhati-hati jangan sampai merosakkan keindahan taman laut. Saya amat menyokong, Tuan Yang di-Pertua, tentang kenyataan ini dan merasakan bahawa kebimbangan yang disuarakan itu adalah berasas. Saya yakin dan percaya kita semua ingin melihat pembangunan yang boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara tetapi pembangunan itu mestilah jangan sampai merosakkan kesinambungan sistem ekologi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini, di bawah Program Bantuan Rakyat Termiskin, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$600 juta. Bantuan ini adalah dalam rangka usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 17.1% kepada 11.1% pada tahun 1995. Bantuan Rakyat Termiskin ini adalah suatu bukti terbaik bahawa kita telah melaksanakan sebahagian dari tuntutan Islam dalam konteks memerangi kemiskinan. Seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita, tidak mahu melihat rakyat Malaysia hidup dalam kemiskinan, sebaliknya kita mahu melihat kalau boleh semua rakyat Malaysia hidup dalam keadaan selesa. Matlamat Program Bantuan Rakyat Termiskin akan tercapai dengan baik sekiranya agensi-agensi Kerajaan dan para pegawai yang terbabit dalam melaksanakan dasar bekerja dengan bersungguh-sungguh dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap dalam hal ini, kalau bolch saya ingin menyentuh tentang 30 buah rumah di Kampung Sungai Senang, Sik, Kedah yang disediakan oleh Kerajaan di bawah Program Bantuan Rakyat Termiskin. Kajian yang telah dibuat, peruntukan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan untuk sesebuah rumah ialah sebanyak \$1,500 dan ini tidak termasuk peruntukan pembinaan ruang dapur sebanyak \$500. Pada masa ini rumah-rumah penduduk yang terlibat telah siap dibina tanpa ruang dapur dan dari laporan yang kita terima dari penduduk yang terlibat, didapati kos setiap rumah menelan belanja sebanyak \$1,300. Ini bererti lebihan dari sebuah rumah mencapai angka sebanyak \$200 dan jika dikira 37 buah rumah lebihan kos adalah sebanyak \$7,400 dan kita ingin tahu apakah pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedar tentang kedudukan ini.

Satu lagi dalam kes yang sama, penduduk yang terlibat dengan pembinaan rumah memberitahu bahawa pihak koperasi telah diamanahkan untuk melaksanakan projek pembinaan ini daripada koperasi yang telah ditetapkan pada sebuah rumah, upah rumah tersebut ialah sebanyak \$200 dan kita ingin bertanya kepada pihak yang terlibat supaya memastikan bahawa upah-upah kepada penduduk yang membina rumah tersebut secara golong-royong disegerakan. Saya ingin menggesa supaya pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil inisiatif untuk menyiapkan pembinaan ruang dapur rumah penduduk-penduduk yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam rangka usaha penampilan generasi baru yang akan mewarisi kepimpinan yang ada pada hari ini. Kita amat berharap pewaris kita nanti terdiri daripada mereka yang memiliki ketampilan dan ada kekuatan ilmu dan sudah pasti generasi baru ini adalah generasi yang mendukung budaya ilmu. Saya berpendapat seseorang individu atau sesuatu bangsa yang mempunyai kekuasaan atau kekayaan tidak boleh mempertahankan mitiknya apatah lagi mengembangkannya tanpa budaya ilmu yang baik. Malah mereka yang tidak berilmu akan sentiasa bergantung kepada orang-orang atau bangsa yang lain yang memiliki kekuatan ilmu.

Satu contoh yang terbaik ialah pada waktu ini kita telah melihat sendiri beberapa negara minyak yang kaya-raya terpaksa bergantung hampir dalam semua aspek penting kehidupan negaranya kepada negara lain yang lebih maju, dari segi keilmuan dan kepakaran dan bangsa yang mempunyai kekuatan yang lain seperti jumlah tenaga manusia atau kekuatan tentera. Walaupun berperanan dalam membantu kekuatan sesuatu bangsa, ianya tidak merupakan satu faktor yang boleh memberi kekuatan hakiki, apalah lagi memberikan arah dan makna dalam pembangunan menyeluruh bangsa itu. Sejarah telah membuktikan kepada kita bagaimana sesuatu bangsa yang kuat tetapi tidak ditunjangi oleh budaya ilmu yang baik akan memeluk atau menganut nilai dan ciri tamadun bangsa yang ditaklukinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melahirkan suatu generasi yang berilmu, penekanan mestilah diberi kepada aspek pembacaan, dengan kata lain, untuk melahirkan generasi yang mencintai ilmu kita mestilah memberi kemudahan-kemudahan membaca di kalangan masyarakat. Di sini saya suka

mencadangkan untuk meningkatkan pembacaan di kalangan orang-orang awam, pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah mengadakan perpustakaan awam di tempat-tempat seperti keretapi, feri, hotel dan di kawasan perumahan yang harus diberikan perhatian yang serius dan memang saya rasakan bahawa cadangan ini akan memberi keuntungan yang besar kepada penerbit dan pengedar buku tetapi pihak Kementerian juga harus mencari jalan bagi mengurangkan harga buku bermutu yang diberikan kepada perpustakaan tersebut.

Kegemaran membaca hendaklah ditanam dengan segala daya agar kegiatan membaca menjadi cinta yang mendalam di kalangan masyarakat. Sehubungan dengan ini, buku haruslah dijadikan perkara pokok dalam semua bentuk hadiah dan cenderamata. Pihak Kementerian yang berkenaan haruslah mengambil satu inisiatif untuk menggarap sebelum jentera masyarakat dan para pemimpin pula hendaklah menunjukkan contoh dan pencinta ilmu yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, buku tidak boleh dibaca oleh orang yang

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, saya rasa kita sambung esoklah. Saya pun tengah sedap dan seronok mendengarnya, terpaksa berhenti. Kita sambung esoklah.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok, hari Jumaat, 26 Julai 1991. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.